

HIKAYAT SURI KELANTAU

Sa-bush Naskhah Tulisan Tangan Dari Kelantan)

Di-kaji oleh

MOHD. TAIB BIN OSMAN

585065

838811

Satu Kajian Untuk Memenuhi Sharat Mendapatkan

Ijazah Master of Arts

Dalam

Pengajian Melayu

UNIVERSITI MALAYA DI-KUALA LUMPUR

January, 1961.

## KANDUNGAN

Kandungan .....	i
Pendekan dan Sumber2 .....	ii
Ka'odah Huruf Jawi Di-Kemilau (untuk Bab II) .....	v
Penjelasuan .....	1 - 5
Bab I .....	6 - 25
I Hakkah Asal <u>Hikayat Seri Kolantun</u>	
II Moncharri Penentuan Tentang Asal-usul Hakkah Asal.	
III Umar2 Sejarah Negori Kolantun Yang Terkandung Pada Hakkah Ini.	
Bab II .....	26 - 48
I Umar2 Dialek Kolantun	
II Pengaruh Bahasa Perchakapan	
III Ejaan	
IV Perkataan2 Asing	
V Ektianar	
Teks Rumi <u>Hikayat Seri Kolantun</u> serta Chatatan .....	49 - 189
Chatutan2 .....	190 - 200
I Hikayat Pertama Hakkah Asal	
II Hikayat Akhir Hakkah Asal	
III Geleran2 Palan Paluan Siam	
IV Silsilah Enche' Siti Van Kembang ✓	
V Silsilah Tuan Puteri Sa'dong ✓	
VI Silsilah Long Junos ✓	
VII Silsilah Raja2 Kolantun (Nama2 Yang Terdapat Pada Hakkah) ✓	
VIII Peta Negori Siam dan Tanah Melaju	
IX Peta Negori Kolantun	
Podomor .....	201 - 207

PANDUAN DALI SUDIKA

- |                       |   |
|-----------------------|---|
| A.J.Sturrock          | Sturrock A.J. Some notes on the Kelantan Dialect and some comparisons with the Dialects of Perak and Central Pahang, JMRAS Bil. 62, 1912. |
| A.Rentoo              | Rentoo, Ankor. A History of Kelantan, JMRAS Jil.XII Bh. II, 1934.   |
|                       | Rentoo, Ankor. Silsilah Raja-Haja Kelantan, JMRAS Jil. XIV Bh. III, 1936.   |
| A. Rentoo (1)         | Rentoo, Ankor. A Historical Note on Northeastern Malay States, JMRAS Jil.XX Bh. I, 1947.  |
| Arnijn Puno           | Puno, Arnijn. <u>Mentjari Sandi Baru Tata Bahasa Indonesia</u> , Djakarta, 1950.  |
| Bh.                   | Bahagian  |
| Ibh.B.                | Sa'ad Sharif Haji Muda, <u>Encyclopidia Bahasa Ber'edat</u> , Kuala Lumpur, 1960.   |
| Bil.                  | Bilangan  |
| Br. (juga: C.C.Brown) | Brown C.C. <u>Studies in Country Malay</u> , London, 1956.  |
| C.A.Moes              | Moes C.A. <u>Tatabahasa Indonesia</u> , Bandung, 1954. (Cetakan Kelima)   |
| C.H.Maxwell           | Maxwell C.H. Some Malay Words and Derivations, JMRAS Jil. XII Bh. II, 1934.   |
| D.P.M.*               | Dato' Paduka Maharaja Lola, Dato' Nik Mustapha Fadhill bin Haji Nik Hamed.  |
| Fr. Swettenham        | Swettenham, Frank. <u>British Malaya</u> , London, 1955.  |
| H.Cl.                 | Clifford, Hugh. <u>In Court and Komeng</u> , London, 1903.  |
| H. Marriot            | Marriot, H. A Fragment of the History of Trengganu and Kelantan, JMRAS Bil. 72, 1916.   |
| Hk. Rj. B.            | <u>Ilmyat Raja Budiman</u> , teks, terjemahan dan adaptasi oleh Hugh Clifford, JMRAS Bil. 3, 1896.  |
| Ismail Bakti          | Ismail Bakti. <u>Bunga Raya, Golden Flowers, Malaya in History</u> , Jil. 6 Bil. 1, 1960.   |
| J.B.                  | Bourne, Sir John. <u>The Kingdom and People of Siam</u> , London, 1857.   |

Jil.	Jilid
JMBRAS	Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society.
JSBRAS	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
Kdt. Th.*	Kodutarni Thari di-Kuala Lumpur.
K. H.	Abdul Hamid bin Ahmad, <u>Kamus Al-Hamidi</u> , Singapore, 1941.
Mlk.	Klinkort H.C. <u>Nieuw Maleisech-Nederlandse Woordenboek</u> , Leiden, 1947.
Klt. Cl.(juga W.E. Popys)	Popys W.E. A Kelantan Glossary, JSBRAS Bil.74, 1916. Popys W.E. Kelantan During World War I, Malaya in History, Jil. 6 Bil.1, 1960.
K.M.	Sutan Mohd. Zain, <u>Kamus Mederan</u> , Djakarta.
L.A.Mills	Mills L.A. British Malaya, 1824-1867, JMBRAS Jil.III Bah.II, 1925.
ms.	malca-surut
N.Abd.R.*	Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir.
R.Cht.Klt.	Dato' Haji Nik Mahmud bin Ismail, <u>Renungan Chetora Kelantan</u> , Kota Bharu, 1934.
R. Klt.	Sa'ad Shakry Haji Muda, <u>Rivayat Kelantan</u> , majallah Konchana, 1930. (Bahan yang di-gunakan dalam penyajian ini ia-lah salinan tulisan-tangan Che' Ihsan bin Muhammad, Balai Besar, Kota Bharu, Kelantan.)
R.Roolvink	Roolvink R. <u>Bo Voornstaede in Kleeniek En Modern Maleis</u> , Dordam, 1940.
S.A.A.	Syed 'Alwi Al-Hady, 'Adat Negeri dan 'Adat Isti'adat, Kuala Lumpur, 1960.
Sa'ad Shakry *	Sa'ad Shakry bin Haji Muda.
Ship.	Shapppard R.C ff. A Short History of Trongzamu, JSBRAS Jil. XXII Bh. III, 1949.
T.H.	Tahun Hijrah
Thomas M.Fraser Jr.	Fraser, Thomas M.Jr. <u>Pi Sembilan</u> , New York, 1960 (Chantuan tentang bahasa)

T.Kh.*	Y.M.Tengku Khalid Ibni Tengku Bendahara, Kelantan.
T. H.	Takam Maschi.
Volla	Volla, Walter F. <u>Sinn Under Form III</u> , New York, 1957.
W. Graham	Graham, William A. <u>Kelantan</u> , Glasgow, 1900.
W. Graham (1)	Graham, William A. <u>Sinn</u> , Jil. 1, London, 1924.
W.H. *	Wan Hamzah bin Wan Mohd. Sallich, penerangan lisan serta salinan yang di-bant bolian daripada naskih asal.
Wil.	Wilkinson R.J. <u>A Malay-English Dictionary</u> , London, 1955.
Za'ba	Zainal Abidin bin Ahmad, <u>Daftar Ejaan Melayu</u> , Singapore, 1949.

---

\* Surber2 lisan.

KATA DAN PERKATA JANGAN DI-RUTIKAN

(Untuk Bab II)

ا	a	ب	b	س	s
و	w	ع	u	ر	r
ت	t	ل	l	چ	ch
ث	th	خ	x	ن	ng
ج	j	ف	f	ف	f
چ	ch	ڙ	ڙ	پ	p
ڦ	ڦ	ڦ	ڦ	ک	k
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ک	k
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	گ	g
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ل	l
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	م	m
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ن	n
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	و	w
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ه	h
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ي	y
ڻ	ڻ	ڻ	ڻ	ني	ny

PANDAHULUAN

Naskhah Hikayat Seri Kelantan yang di-jadikan bahan kajian di-sini ia-lah naskhah photostat yang ada tersimpan di-Purpustakaan Universiti Malaya di-Kuala Lumpur. Namun bagitu,naskhah asal juga di-gunakan untuk menjelaskan beberapa butir yang tidak terang pada naskhah photostat kerana ada-nya beberapa kekurangan yang solalu terdapat pada naskhah2 photostat atau microfilm. Misal-nya, berlainan warna da'wat yang di-gunakan pada naskhah asal tidak terlihat pada naskhah photostat, bagitu juga perchekan da'wat akan terlihat sa-bagai titek huruf dan sa-bagai-nya.

Bidang dan Chorok Pengajian.

Bidang pengajian di-sini ada-lah terbahagi kepada tiga bahagian:-

- (i) Menyalin serta menyusun isi naskhah ini dengan huruf rumi dengan membubuh tanda2 persuratan serta membuat chitetan2 terhadap perkataan2 dan isi kandungan-nya yang memerlukan penjelasan.
- (ii) Memperkatakan tentang naskhah ini dan memperlihatkan unsur2 sejarah yang terkandong pada-nya.
- (iii) Memperhatikan sifat2 tertentu yang terdapat pada penggunaan bahasa (termasuk ojaan) dalam naskhah ini terutama-nya yang mengenai dialek Melayu Kelantan.

Dalam perkara yang pertama, ia-itu menyalin serta menyusun semula naskhah Hikayat Seri Kelantan ini, beberapa perkara harus di-torangkan. Pertama2-nya, apa yang tertera pada naskhah asal tidak di-ubah sama sekali melainkan tulisan jawi di-rumikan dan tanda2 persuratan di-buboh supaya jelas jalan bahasa-nya. Dalam membuboh tanda2 persuratan ini, memang tidak dapat di-sangkal bahawa pengertian yang timbul ada-lah interpretasi si-penyusun sendiri kerana dengan tidak ada-nya tanda2 tertentu melainkan perkataan seperti 'makn', 'al-kasah', atau 'sa-bermula' sahaja sa-bagai penunjuk, maka

pengertian isi naskah itu terpulang kepada sa-siapa yang membacanya. Perkataan2 atau pun ayat2 yang di-beri kurong ( ) ada-lah perkataan2 atau ayat2 yang terdapat pada naskah asal dan di-beri kurang sa-demiikan kerana perlu memberi pengertian atau bahan yang lebih baik. Apabila membaca, bahagian2 yang berkurang seperti ini boleh di-hilangkan sahaja. Kurang [ ] pula ada-lah tambahan yang di-beri untuk menonjoti sa-suatu yang berterangan pada naskah asal untuk keperluan yang sama. Dengan memikir ejarn jawi pula, kesulitan yang ulang ia-lah merumiksa bunyi vokal. Dalam tulisen jawi, bunyi2 vokal tidak selalu-nya di-tunjukkan oleh huruf2 seksi dan kalau ada pun huruf2 seksi, tidak dapat di-tunjukkan persamaan bunyi dengan huruf rumi kesemua-nya. Di-antara dun konsonan (huruf benar), beberapa kemungkinan bunyi boleh di-utarkan dengan huruf rumi, misalnya b - n boleh jadi /ban/, /bən/, /ben/, /bin/, /bon/, atau /buŋ/. Begitu juga huruf vokal ɿ boleh jadi /ɿ/, /ə/, /i/, atau /ai/ dan ɻ, /o/, /u/ atau /eu/. Basar yang di-gunakan pada transkripsi ini ia-lah mengikut bunyi yang terdapat pada kamus Wilkinson (edisi 1955), tetapi tidak di-hilangkan sifat2 tersendiri yang terdapat pada entu2 perkataan itu. Misalnya, perkataan 'burong' dan 'bichara' kadang2 di-aja b-w-r-o-n dan b-u-ch-a-r-a, maka transkripsi yang di-buat ia-lah 'buron' dan 'binchara', ia-itu bunyi perkataan biasa di-kalkulkan tetapi sifat2 tersendiri yang terdapat pada ejarn jawi itu di-kalkulkan juga; di-sini perhatikan bahawa /n/ menggantikan /ng/ dalam perkataan pertama, dan dalam perkataan kedua di-dapati terbalik /n/ pada perkataan itu. Pada perkataan2 seperti ini di-buat chatacon, pada misalnya yang pertama di-tomi sahaja, tetapi yang selanjutnya tidak di-beri chatacon lagi. Chatacon2 yang di-buat pada isi kandungan naskah ini ia-lah pada tempat2 yang memerlukan penjelasan atau keterusannya. Oleh kerana ejarn bagi golongan2 dalam bahasa Sian tidak

selalu-nya tetap, maka variasi yang terdapat di-chatotkan juga pada perkara pertama yang di-temu dengan di-beri kerong ( ). Ejaan runi yang di-gunakan pada transkripsi di-sini mengikut ka'edah ejaan runi Babter Ejaan Melayu oleh Zainal Abidin bin Ahmad, terkemudi dalam perkara ö; di-sini ö (popot) dan o (taling) di-tuliskan dengan o sahaja.<sup>1</sup>

Dalam perkara yang kedua, tugas saya ia-lah sa-kndar nonunjukkan kedudukan naskah ini dalam bidang sejarah negeri Kelantan. Menyolidoki unsur2 sejarah dengan bertujuan memperkenalkan sejarah negeri Kelantan dari segi 'ilmu sejarah ada-lah di-luar tugas pengajian ini. Dari itu, dalam Bab I pengajian ini saya akan memperhatikan tentang naskah asal Hikayat Seri Kelantun, membincangkan segala kemungkinan untuk menentukan asal usul naskah ini, dan nonunjukkan kedudukan isi naskah ini se-bagai sumber sejarah negeri Kelantan dengan membandingkan dengan sumber2 yang lain, terutama sumber2 dalam bahasa Melayu.

Dalam perkira yang ketiga pula, tugas yang di-beri ia-lah memperlihatkan sifat2 tersendiri yang terdapat pada bahasa naskah ini, terutama-mnya terhadap pengaruh unsur2 dialek tempatan yang dapat di-lihat. Oleh itu, Bab II pengajian ini akan memperlihatkan unsur2 dialek Kelantan yang dapat di-lihat pada pemaknaan bahasa Hikayat Seri Kelantan ini dan perkara ini akan di-perbaiki dengan memperhatikan apa yang pernah di-tuliskan tentang dialek Melayu Kelantan.

#### Sumber2 Yang Di-Gunakan

Dalam pengajian ini, baik sumber tentang sejarah maupun pun tentang

---

1. Perkataan2 Arab di-rumiksa mengikut ka'edah yang selalu di-buat dalam naskah2 'ilmiah.

bahasa, yang di-gunakan itu tidak terhad kepada sumber2 yang tertulis seperti buku2, makalah2, atau humas2 sahaja, bahkan di-perlukan juga sumber2 yang di-dapati melalui orang perorangan. Sumber seperti ini sangat penting di-ciri pengajian ini kerana bukan sahaja sumber2 tertulis sangat berkarangan, tetapi kerana banyak perkira2 yang berbangkit daripada pengajian ini yang memerlukan pencarangan daripada mereka yang se-patutnya mengotakai, terutama2 tentang kebiasaan dialek Melayu Kelantan. Walaupun demikian, dalam perkara seperti ini, tiap2 penorongan itu di-portimbangkan dengan teliti dan tidak se-mesti-nya di-torima dengan se-bagitu sahaja. Di-sini di-terangkan sumber2 yang seperti ini:

- (i) Y.H.Tengku Khalid Ibni Tengku Bondahura: beliau ia-lah seorang kerabat di-raja Kelantan yang banyak mengotakai tentang sejarah, adat istiadat, wayang kulit, dan bahasa Melayu dialek Kelantan. Beliau-lah Tengku Khalid yang tersebut pada makalah Anuar Bentoo tentang Kelantan. Beliau telah di-temui dan compact membaca naskih yang di-kaji ini dan telah dapat mengenal beberapa perkataan yang payah di-bacakan.
- (ii) Dato' Nik Mantapha Fadhil bin Haji Nik Nahend (Dato' Paduka Mahkota Lela, juga Dato' Seri Amri Di-Paja, Kelantan): beliau ada-lah pegawai adat istiadat yang kauan di-Persokutuan Tanah Melayu dan seperti Y.M. Tengku Khalid juga, beliau sangat mengotakai tentang sejarah dan bahasa Melayu dialek Kelantan. Beliau telah menolong menorehkan beberapa permakian bahasa yang terdapat pada naskih di-sini.
- (iii) Nik Abdul Rahman bin Nik Abdul Kadir: se-orang tu' dalang wayang kulit, pawang, bawor, dan ahli polegi ayam yang terkenal di-Kota Bharu, Kelantan. Menurut penorongan beliau, beliau pernah pada masa muda dahulu menjadi pembacu hikayat2 lema di-istana Sultan Kelantan.
- (iv) Sa'ad Shukry bin Haji Muda: se-orang pemuis yang terkenal yang berasal dari Kelantan. Waktu menjadi penariung majallah Kinchana pada awal tahun tiga-puluh, beliau telah berusaha merakam sejarah negori Kelantan yang di-namakan Hikayat Kelantan. Se-bagi se-orang yang chenderong in-arah seoul2 beliau, beliau sangat paham tentang selok-belok dialek Melayu Kelantan. Di-extara buku2 yang telah di-torbikah-nya, terdepatlah Jenis Novel, Enciklopedia Bahasa Ber-adat dan Jenis Mewah.

- (v) Kadutan Thai di-Kuala Lumpur: Setiausaha Pertama di-kadutan ini telah menolong menentukan beberapa perkataan Sian dan nama2 tempat yang terdapat pada naskah ini, kochuali gelaran2 dalam bahasa Sian.<sup>2</sup>

Sumber yang penting juga bagi pengajian ini yang harus di-sebutkan di-sini ia-lah salinan Hikayat Seri Melantang daripada naskah asal yang telah di-bant oleh Wan Hanzah bin Wan Mohd. Salleh dengan permintaan Dato' Paduka Mahamraja Lela. Salinan ini di-gunakan sebagai perbandingan dan pada tempat2 yang bersolongan, timbangannya sendiri telah di-gunakan.

#### Dongengan

Di-sini saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada mereka yang tersebut di-bawah ini:

Professor R. Roolvink, Pendita Pengajian Melayu di-Universiti Malaya Kuala Lumpur, kerana bertenggong-jawab membuka jalan bagi pengajian di-sini serta memberi tunjuk-ajar yang sangat berharga.

Dr. C.A. Moes, penulis buku di-Jabatan Pengajian Melayu di-Universiti Malaya Kuala Lumpur, kerana telah mengwani dan memberi nasihat yang berharga terhadap pengajian di-sini.

T.M.Tengku Khalid bin Tengku Bendahara,Dato' Paduka Mahamraja Lela, Hik Abdul Rahman bin Hik Abdul Kadir,Inche' Sa'ad Shukry bin Haji Muda, Sdr. Wan Hanzah bin Wan Mohd. Salleh, Kadutan Thai di-Kuala Lumpur, dan mahasiswa2 Melayu dari Kelantan di-Universiti Malaya Kuala Lumpur kerana pertolongan yang telah di-hulurkan oleh mereka kepada saya dalam masa menjalankan pengajian ini.

Kepada mereka yang pernah menolong saya tetapi tidak di-catatkan nama di-sini,saya minta ma'af,tetapi uchapan terima kasih saya kepada mereka tidak juga ketinggalan.

Mohd.Taib bin Osmn

Universiti Malaya di-Kuala Lumpur.

1.1.61.

---

2.Kesulitan menggunakan kamus bahasa Sian harus di-akui kerena kamus2 ini kebanyakan-nya menggunakan huruf Sian, dan jika lau huruf rni di-gunakan, ka'edah-nya sangat berlainan daripada ka'edah Inggeris atau Melayu.Bagitu juga buku2 berkenaan hal-ehwal Sian yang tertulis dalam bahasa Inggeris, ejem perkataan2 Sian tidak ada ka'edah yang tertentu. Tentang gelaran2 Sian yang terdapat pada naskah ini,lihat penjelasan-nya pada Chapter III.

## BAB I

### I. Naskhab Asal Mikayat Seri Kelantan

Naskhab asal bagi naskhab photostat yang di-kaji di-sini i.e.-lah naskhab tulisen-tangan buruf Jawi yang tersimpan pada Dato' Paduka Maharaja Lela, di-Kuala Lumpur. Naskhab ini di-warithi belimur daripada ayahanda-nya, Dato' Haji Nik Mahmud bin Ismail, Dato' Pordana Menteri Paduka Raja, Kelantan, yang menyusun buku Rengginan Chetora Kelantan. Naskhab asal ini merupakan se-buah buku tulis; ukuran-nya 8.5" X 6.9" serta mengandungi 111 ms.. Naskhab yang pertama merupakan satu chototen yang tidak ada kaitan-nya dengan isi kandungan naskhab ini, malainkan pada halaman se-balik atas-nya sahaja ada tertulis: "Ini-lah di-namakan dia Mikayat Seri Kelantan".<sup>1</sup> Naskhab yang terakhir juga merupakan chototen, tetapi telah di-hapuskan dengan da'wat.<sup>2</sup> Pada kedua2 ms. pertama dan terakhir itu ada tertulis tanda-tangan yang di-kemali se-bagai tanda-tangan Dato' Haji Nik Mahmud bin Ismail. Deripada warisan da'wat yang terdapat pada tanda-tangan itu, dapat-lah di-katakan bahawa Haji Nik Mahmud-lah yang menghapuskan bahagian2 yang terhanyut pada naskhab asal ini dan juga yang membuat chototen2 di-halaman2 topi naskhab ini. Naskhab asal ini tertulis dengan da'wat hitam, tetapi pada tempat2 seperti pernahnya catu2 chorita atau gelaren2 Siam da'wat merah juga di-gunakan. Perungkasan ms. pada naskhab ini bermula pada ms. yang keenam, ia-itu ms. yang pertama sampai yang kelima tidak di-beri angka.<sup>3</sup> Naskhab

1. Lihat Chantuman I.

2. Chototen ini dapat juga di-baca dengan chorina pambesar. Lihat Chantuman II.

3. Perungkasan yang di-beri pada teks runi di-sini, ia-itu angka yang terdapat pada halaman topi se-balik kiri, i.e.-lah perungkasan saya sendiri menurut susunan naskhab-surat pada naskhab photostat.

asal ini maneh baik keadaan-nya walaupun kertas-nya sulah keluningan dan likit. Tulisan-nya, pada keseluruhan-nya, ada-lah jelas dan tawang.

## II. Menchuri Penerangan Tentang Asal-usul Nasikhah Asal

Kalau di-tinjau soal ini dengan se-pintas lalu sahaja, tentu-lah penyelesaian-nya dapat di-ohayai dengan masyarakat-nya sahaja kepada yang empuinya maklah asal ini - ia-itu Dato' Haji Nik Mahmud. Tetapi maling-nya belum sekiranya udzor kerana sangat tuh dan dari itu tidak dapat memberi apa2 keterangan. Dan oleh kerana penerangan yang topat tidak juga di-dapat dari pihak yang lain di-Kelantan, maka soal menchuri asal-usul maklah asal Hikayat Seri Kelantan ini terpaksa-lah di-tinjau daripada butir2 yang terdapat pada maklah itu sendiri.

Pada penghujung maklah ini terdapat di-tuliskan bahawa hikayat ini telah di-selosaiikan 'pada malam Baba'a 9 haribulan Rabi'ul Awal tahun (Hijrah) 1352 .... di-hadapan Wan Ali bin Wan Yusof...' Terikih ini ada-lah berasaskan dengan Tahun Maschi 5 Februry, 1914. Kemudian-nya, sa-bagai penjelasan yang lebih lanjut tentang penulisan hikayat ini terdapat pula: 'Dan ini chetora dua, saya buat satu, ia-itu saya ambil daripada chetora Raja Muda satu,yang membawa kapada saya-nya Tuun Guru Haji Awan Kenali, dan yang akhir ini saya dapat daripada Wan Ali Polan, ia-itu ia dapat daripada Hik Seri Paduka, sangat2 betul.' Demam ini dapat kita tafsirkan bahawa Hikayat Seri Kelantan ini telah di-hasilkan daripada dua buah maklah - ia-itu maklah Raja Muda satu dan maklah daripada Hik Seri Paduka satu. Pada pengenalan buku Berdjuran Chetora Kelantan yang di-susun oleh Dato' Haji Nik Mahmud ada di-katakan bahawa sejarah se-lepas pemerintahan Sultan Muhamad I sampai kapada pemerintahan Sultan Mansor seperti yang terindikasi pada buku itu ada-lah 'di-ronjakkan daripada kranangan Nik Yusof

(Nik Seri Paduka) bin Nik Jid ...'. Maka soal yang timbul ia-lah sama ada naskhab daripada Nik Seri Paduka yang menjadi bahan Hikayat Seri Kelantan itu sama dengan yang di-gunakan oleh penyusun Renkasen Chetora Kelantan. Oleh kerana kedua2 teks ini mempunyai lebuh daripada satu bahan, maka harus di-tentukan pembahagian bagi bahan2 itu. Pengenalan Renkasen Chetora Kelantan mengatakan bahawa bahan naskhab Nik Seri Paduka ia-lah rongkasan sejarah sa-lepas pemerintahan Sultan Muhammed I sampai kepada zaman Sultan Mansor. Pembahagian ini tegas, tetapi pada pendapat saya tidak berapa tepat kerana bahan bagi sejarah sampai kepada pemerintahan Sultan Muhammed I itu di-katakan 'di-salin daripada tulisan peringatan Pa' Wan Mahmud Mentor Besar yang di-tulis di-dalam Tahun Hijrah 1197....! Pa' Wan Mahmud yang di-katakan di-sini memang di-ketahui sa-bagai sa-orang yang penting serta juga sa-orang jerutulis dalam masa pemerintahan Sultan Muhammed I.<sup>4</sup> Tetapi tarikh yang di-katakan sa-bagai tarikh tulisan peringatan Pa' Wan Mahmud itu tidak kena pada zaman pemerintahan Sultan Muhammed I, bahkan sabelumnya.<sup>5</sup> Dari itu kalau di-tinjau daripada tarikh ini, maka kesimpulan-nya ia-lah peringatan Pa' Wan Mahmud itu sa-takat zaman Long Junos sahaja dan naskhab Nik Seri Paduka pula bermula daripada zaman pemerintahan Sultan Muhammed I dan tidak sa-lepas-nya. Dan jikalau bahan yang di-gunakan pada Hikayat Seri Kelantan itu naskhab yang sama maka isi-nya harus-lah sama. Saperlai yang terlihat pada Bahagian III Bab ini, persamaan antara Hikayat Seri Kelantan dengan Renkasen Chetora Kelantan pada bahagian sejarah dari zaman Sultan Muhammed I sampai penghujung-nya sangat ketara walau pun isi Renkasen Chetora Kelantan merupakan satu rongkasan sahaja.

4. Lihat Hikayat Seri Kelantan no. 58. Lihat juga makalah Isma'il Bakti, 'Bunga Raya, Golden Flowers', Malaya in History, Jil. 6 Bil. 1.

5. Pemerintahan Sultan Muhammed I ia-lah T.H. 1215 - 1251.

Di-samping itu terlihat juga pada sa-tengah2 tempat persemuan penakihian bahawa.<sup>6</sup> Dari itu dapatlah di-katakan bahawa sumber Nik Seri Paduka itu sa-rupa. Dengnn ini bermna'na-lah bahawa sumber Raja Muda pada Hikayat Seri Kelantun ini terhad pada sejarah sa-bulan zaman pemerintahan Sultan Muhammad I.

Tentang tarikh penulisan Hikayat Seri Kelantun ini dapat juga kita terima tarikh yang terdapat pada penghujung naskhah ini, tetapi tentang penulis-nya tidak dapat pula di-katakan Wan 'Ali bin Wan Yusof kerana perkataan 'di-hadapan' sa-bulan namanya itu jelas kelihatan. Mungkin juga penulisan ini di-lakukan di-bawah pencerahan atau pengawasannya. Dan lagi, mungkin juga ia yang emparnya makluk ini seperti yang terlihat pada sa-terakhir naskhah ini.<sup>7</sup> Tetapi kita ketahui juga bahawa akhirnya makluk ini berada dalam tangan Dato' Haji Nik Ahmad, ia-itu kita dapat tanda-tangan belizzi pada sa-portera dan terakhir makluk ini dan chatoten2 dan penghujung sa-tengah2 bahagian naskhah ini telah di-lakukan dengan da'wat yang membant tanda-tangan itu juga. Dari itu siapa yang menulis atau menyalin naskhah ini yang sa-benar-nya tidak di-ketahui, ia-itu 'saya' yang di-hujung naskhah ini masih menjadi tanda tanya.

Ada juga satu kemungkinan lagi yang dapat di-kemukakan, ia-itu penghujung naskhah yang mengandungi tarikh dan nama Wan 'Ali bin Wan Yusof itu ada-lah sa-benar-nya penghujung naskhah Nik Seri Paduka dan penghujung ini telah di-salin sa-kali oleh penulis atau menyalin naskhah Hikayat Seri Kelantun ini. Dan sa-terus-nya penghujung naskhah Hikayat Seri Kelantun dulu ia-lah chatoten tentang sumber2 atau bahan2 naskhah itu. Kemungkinan ini sa-benar-nya berdasarkan kapada pendangan bahawa Wan 'Ali Pekon yang

6. Lihat chatoten2 297,305 dan 307, teks rumi.

7. Lihat Chantikan II.

di-katakan sebabnya naskhab Nik Seri Paduka itu ia-lah Wan Ali bin Wan Yusof juga kerana ini dapat di-perhatikan daripada chatoten penulis Hikayat Seri Kelantan apabila ia mengatakan bahawa naskhab Nik Seri Paduka itu 'sangat2 betul'.<sup>8</sup> Ini dapat di-ertikan bahawa naskhab Nik Seri Paduka itu di-anggap sumber yang baik oleh penulis naskhab Hikayat Seri Kelantan itu kerana bukan sahaja isi sejarahnya lebih dekat kepada manan penulis sendiri, tetapi juga kerana yang membawanya ia-lah orang yang bersangkut rapat dengan naskhab itu. Jikalau dapat di-terima kemungkinan ini maka bermakna ia-lah bahawa naskhab asal Hikayat Seri Kelantan itu di-tulis se-lepas 5 February, 1914, dan mungkin pula sebelum 9 Oktober, 1915, ia-itu tarikh yang kita ketahui naskhab ini berada dalam tangan Dato' Haji Nik Mahmud.

### III. Sumber Sejarah Negeri Kelantan Yang Terkandung Pada Naskhab Ini.

Saporti yang telah di-sebutkan terlebih dahulu, pembincaraan isi kerakitan Hikayat Seri Kelantan dari segi sejarah negeri Kelantan adalah di-luar bidang pengajian ini. Dari itu, pembincaraan di-sini terhad kepada menunjukkan perbedaan dan persamaan2 yang terdapat pada Hikayat Seri Kelantan ini dengan lain2 sumber tertulis sejarah Kelantan.<sup>9</sup> Mogn2 apa yang terchatef di-sini dapat menolong ahli2 sejarah yang akan menjalankan penyelidikan tentang sejarah negeri Kelantan.

Isi kandungan Hikayat Seri Kelantan ia-lah sejarah negeri Kelantan. Sejarah ini bermula dengan kesoh Dato' Siti se-bagai raja yang asal memerintah negeri Kelantan. Tetapi menurut Pengkalan Chetora

- 
8. Y.M.Tongku Khalid dan juga Sa'ad Shukry mengatakan bahawa nama Wan Ali itu sa-rupa, ia-itu Wan Ali bin Wan Yusof, seorang guru ugama di-Pasir Pekui, Kelantan.
  9. Terutama-nya sumber2 yang tertulis dalam bahasa Melayu.

Kelantan, Enche' Siti ada-lah golaran Cho' Wan Kembang, chichit Sultan Mahmud Melaka, yang memerintah Kelantan apabila mengakatnya Raja Hussein, penyerintah Kelantan yang berasal daripada Johor.<sup>10</sup> Sejarah Kelantan seperti yang terdapat pada Renjakan Chetara Kelantan bermula dengan Sultan Mansor Shah yang di-alahkan oleh Sultan Mahmud Melaka dan yang puteri-nya, Onang Kening, di-kawini oleh Sultan Mahmud pula.<sup>11</sup> Di-sini kita lihat perbedaan antara Hikayat Seri Kelantan dengan Renjakan Chetara Kelantan. Enche' Siti sa-bagi raja yang pertama di-Kelantan juga tersebut dalam Riwayat Kelantan; di-sini di-kemukakan dun variasi tentang asal-usul Enche' Siti ini, tetapi kedua-duanya ada-lah "chorita orang tua2". Yang pertama mengatakan bahawa Enche' Siti itu keluar daripada buloh, dan kedua mengatakan dari tanah besar Asia.

Sa-lepas daripada Enche' Siti, Hikayat Seri Kelantan mengesahkan pula tentang Tuan Puteri Sa'dong. Perihal Tuan Puteri Sa'dong sa-bagai anak Raja Jembal, di-nabil oleh Enche' Siti sa-bagai anak-angkat, dan di-kawini pula dengan Raja Abdullah dari Jembal, ada-lah di-persetujui oleh Renjakan Chetara Kelantan dan juga Riwayat Kelantan. Tetapi Hikayat Seri Kelantan tidak mengesahkan asal Tuan Puteri Sa'dong saperti yang terdapat pada Renjakan Chetara Kelantan dan Riwayat Kelantan. Kedua2 sumber ini mengemukakan chorita orang tua2 tentang asal usul Tuan Puteri Sa'dong. Menurut Riwayat Kelantan, Tuan Puteri Sa'dong itu, saperti Enche' Siti juga, berasal daripada buloh betong, dan komedian di-polihara oleh Raja Jembal. Renjakan Chetara Kelantan pula mengusulkan bahawa Tuan Puteri Sa'dong

10. Lihat Renjakan Chetara Kelantan ms. 5,6 dan 7.

11. Sejarah ini berwotuju benar dengan Sejarah Melayu, Djambatan, Djakarta, 1950 (ms. 223 - 224).

itu diantara Raja Sakti yang berasal daripada buloh betong dan bini-nya berasal daripada buah. Ron Kraen Chetora Kelantan juga menyatakan bahawa Raja2 Jombal ada-lah keturunan daripada Raja Besieng Kodah.<sup>12</sup> Darihal Raja Siam hendakkan Tuan Puteri Sa'dong ita, perasaan lebih dekat pada Riwyat Kelantan; Rengkasen Chetora Kelantan mengatakan bahawa oleh kerana Raja Siam menghendakkan Tuan Puteri Sa'dong-lah maka Enche' Siti mengalwinkan Tuan Puteri Sa'dong kepada Raja Abdullah. Perihal solanjutnya tentang kedudukan angkatan Raja Siam melanggar Raja Abdullah, Raja Siam mendapat penyakit di-dada dan di-ubati oleh tuan puteri, Tuan Puteri Sa'dong di-hantar balik, Tuan Puteri Sa'dong membunuh Raja Abdullah lalu pindah ke-Dikit Marok dan sa-lain-sya boleh di-intalas sama di-antara ketiga2 sumber itu. Cuma perihal Raja Siam di-ludahi Tuan Puteri Sa'dong dan perihal inang2 Tuan Puteri Sa'dong mampuhkan tunn-nya dengan chara kesaktian sahaja yang tidak tordapat pada Rengkasen Chetora Kelantan. Kepak-sya Rengkasen Chetora Kelantan namun meninggalkan unsur2 'dongong' yang seiring pula tordapat pada Riwyat Kelantan dan Hikayat Seri Kelantan. Kejadian Raja Ibrahim<sup>13</sup> (yang menggantikan Raja Abdullah) oleh kerana keadilaman-nya itu tersebut juga pada Rengkasen Chetora Kelantan dan Riwyat Kelantan. Ron Kraen Chetora Kelantan lebih lanjut lagi sejarahnya di-sini, ia-itu To' Raja Udong yang tersebut dalam Hikayat Seri Kelantan ia-lah Raja Ngah sa-pupu Raja Ibrahim.<sup>14</sup> Sampai di-sini sahaja tersebut-sya kesah Raja2 Jombal; Hikayat Seri Kelantan dan Riwyat Kelantan menutiskan sejarah Raja2 Jombal pada Raja Ibrahim sahaja.

12. Lihat Chantawan V.

13. Raja Ibrahim (Abdul Rahim) monark Rengkasen Chetora Kelantan.

14. Lihat Chantawan V.

Tentang Datu seperti yang tersebut dalam Hikayat Seri Kelantan itu, tidak ada tersebut pada Rengkuhan Chetora Kelantan atau Riwayat Kelantan melainkan pada Ankor Rentee.<sup>15</sup> Ankor Rentee menurunkan chorita Tongku Khalid yang mengatakan bahawa Dato' Pujud dari Potani membant kota di-Pengkalan Dato' apabila ia di-desak oleh angkatan perang Siam. Dato' Pujud kerindian-nya menjunjai sa-orang kanak2 dari dalam buloh betong, ia-itu keturunan Tuan Puteri Sa'dong. Daripada budak ini-lah munculnya Raja2 Jembal. Di-sini kita perhatikan tidak sosumi-nya pencerangan ini kerana Datu dalam Hikayat Seri Kelantan itu timbul-nya sa-lepas Raja Ibrahim dan sa-belum Raja Udang atau Raja Ngah seperti yang tersebut pada Rengkuhan Chetora Kelantan. Dato' Pujud juga ada tersebut dalam naskah H. Marriot<sup>16</sup> tetapi kedudukan-nya tidak jelas. Ankor Rentee mengasalkan bahawa To' Pujud yang di-katalan oleh Tongku Khalid itu mungkin Dato' Pengkalan Tua, Raja Potani, dan sebab itu sa-harus-nya ia mencerahkan sa-lepas Raja2 Jembal dan tidak sa-belum-nya.

Sa-lepas menyebut dengan sambil lalu sahaja tentang Datu dan Raja Udang, Hikayat Seri Kelantan langsung menyebut tentang Long Pandak mencerahkan di-Kubang Lebu dan Raja Muda-nya di-Ko' Kranji. Tidak tersebut tentang asal-usul Long Pandak di-sini, tetapi silsilah Long Pandak itu di-tunjukkan oleh Rengkuhan Chetora Kelantan, naskah H. Marriot, dan juga Riwayat Kelantan. Tetapi ada berlainan-nya di-antara ketiga sumber ini. Rengkuhan Chetora Kelantan menyatakan bahawa Raja Kubang Lebu ia-lah Long Muhammad dan Raja Muda-nya di-Ko' Kranji itu pula Long Pandak. Apabila Long Muhammad mati di-bunuh oleh Raja Legoh sa-borong To' Deh, Long Pandak pula mengganti-nya.

15. A History of Kelantan, JMRAS Jil. 12 Bh.11, 1934 ms. 51.

16. A Fragment of the History of Trongyanu and Kelantan, JMRAS Bil. 72, 1916.

Kedua2 Long Pandak dan Long Muhammad itu anak beradik, ia-itu anak kepada Tuan Sulong dan chuchu Dato' Pengkalan Tun. Mengikut Riwayat Kelantan pula, Raja Kubang Labu ia-lah Long Sulong anak Dato' Pasir ia-itu anak pula kepada Dato' Pengkalan Tun. Long Sulong di-murah burch oleh ayahanda-nya kerana ahli2 majum mengatakan ia-nya 'chelaka', tetapi telah di-polihara oleh hulubalang2-nya yang men buka kota Kubang Labu. Menurut makluk H. Marriot pula, anak Dato' Pasir itu nama-nya Long Pandak.

Melain itu terdapat juga tentang asal-usul Long Junos. Menurut Hikayat Seri Kelantam, Long Junos ia-lah anak Long Sulaiman yang berasal daripada Negeri Kembayat Nengara. Renjiten Chetora Kelantan dan makluk H. Marriot bersetuju bahawa Long Junos ada-lah anak Tuan Lunik, ia-itu anak kepada Dato' Pengkalan Tun. Perbedaan-nya ia-lah Riwayat Kelantan menyebut bahawa Dato' Wan-lah yang berasal dari negeri Kembayat Nengara semestera makluk H. Marriot claim memperkatakan Dato' Wan sa-bagi raja negeri Petani komudian daripada Baginda Nam Chayam.<sup>17</sup> Rengkasai Chetora Kelantan pula, mengikut silsilah-nya, menyatakan bahawa Long Junos ada-lah keturunan anak raja Dugis (Pakoh Ali) yang datang ka-Petani dari Johor.<sup>18</sup> Yang sa-haruo-nya menarik perhatian di-sini ia-lah nama Tuan Sulaiman atau Long Sulaiman sa-bagi ayah Long Junos itu bersetuju dengan Hikayat Seri Kelantan.<sup>19</sup>

Kecah Long Junos berkawan dengan Long Ja'far (atau Long Ca'far)

- 
- 17. Menurut Hikayat Seri Kelantam, Rang Chayung (atau Nam Chayang) ia-lah raja Petani yang menolihka dan komudian-nya menghalau Long Junos. Lihat juga A. Bentoo yang mengutarkan bahawa Nam Chayung ada-lah raja Perenggan Petani yang berkahwin dengan Sultan Abd.Jalil Shah III Johor.
  - 18. Lihat Rengkasai Chetora Kelantan no.17. Juga lihat Chantuman VI.
  - 19. Komunitikan asal-usul Raja2 Kelantan daripada Komboja, lihat juga A. Bentoo no. 54.

dan peristiwa perperangan antara Raja Kubang Labu dengan Raja Pasir Mas Sa-barang To' Deh ada tersebut pada nkalah Ankor Rentso, Rengkasan Chetora Kelantan dan juga Riwayat Kelantan. Beberapa perbedaan juga terlihat di-sini sa-lain daripada nama Raja Kubang Labu (lihat di-atas). Long Ja'far (atau Long Ca'far), menurut Riwayat Kelantan dan Rengkasan Chetora Kelantan, ada-lah sa-pupu istori Raja Kubang Labu. Selanjutnya, menurut Riwayat Kelantan dan Rengkasan Chetora Kelantan, Long Ja'far ada sama dengan Raja Pasir Mas melanggar Raja Kubang Labu. Ankor Rentso pula berbeda dengan sumber2 yang lain-nya dengan tidak menyebut Long Ja'far sa-bagi punca peristiwa ini; yang meninjaskan kain-nya kepada isteri Raja Kubang Labu ia-lah Long Dahir, lakaannya kepada Long Pandak, Raja Kubang Labu. Walau pun Rengkasan Chetora Kelantan dan Riwayat Kelantan lebih tepat menentukan nama2 kain ikat pinggang dan kain chokin, namun per-samaan yang terlihat pada isi cerita peristiwa perperangan antara Raja Kubang Labu dan Raja Pasir Mas pada Hikayat Seri Kelantan dan Rengkasan Chetora Kelantan harus di-ambil perhatian. Kecah selanjutnya, menurut Hikayat Seri Kelantan, Long Junos dan Long Ja'far pergi berlindung pada Sultan Terengganu. Tidak dapat persampaikan di-sini pada Riwayat Kelantan atau pun Rengkasan Chetora Kelantan, tetapi kodum2 sumber ini bersetuju pada sa-tongkah2-nya ia-itu pendekan-nya ia-lah Long Junos dan Long Ja'far bersahabat apabila mereka berjumpa di-Kubang Garung, di-rumah Mandul Mis.<sup>20</sup> Dari sini-lah baru mereka pergi ke-Terengganu dan menyabong ayam melawan orang2 Bagis; ini terdapat pada ketiga2 tokoh. Harus juga di-cantarkan di-sini bahawa hanya Hikayat Seri Kelantan sahaja menyebutkan dari hal

20. Lihat Rengkasan Chetora Kelantan ms. 23.

Tuan Dalan menjadi Raja Terengganu, ia-itu Marhum Janggut,<sup>21</sup> dan harus juga di-nyatakan bahawa negeri 'Lingga' yang terdapat pada beberapa tempat dalam hikayat ini ia-lah 'Lingga' sa-benarn-ya. Tentang Long Junos dan Long Ja'far balek ia-Kelantan morajai negeri itu pula, terdapat juga perbedaan di-antara sumber2 yang di-bidarkan di-sini. Menurut Hikayat Seri Kelantan, Long Junos menjadi raja di-Kelantan dengan tidak ada tentangan suntu apa pun. Di-sabeknya pula, Hikayat Kelantan dan Pengikisan Chetam Kelantan berpotaju dalam nyatakan bahawa Long Junos menyerangi Raja Kubang Labu<sup>22</sup> sebelum morajai Kelantan. Kadun teks ini juga menyebut perihal Long Junos meminta Long Ja'far menjadi raja<sup>23</sup> tetapi di-tolak oleh Long Ja'far dengan alasan ia orang luar. Kadun2 sumber ini juga menyebutkan pertolongan dari negeri Bonan yang di-datangi oleh Long Ja'far untuk menyerangi Raja Kubang Labu se-lain daripada orang2 Terengganu, tetapi Hikayat Seri Kelantan tidak menyebutkan korana menurut Hikayat Seri Kelantan Long Ja'far di-halus keluar daripada negeri Bonan. Dalam perkira ini, Anker Bentoo mengurukkan jalan sejarah yang berbeda; di-sini kita dapat Long Brahman<sup>24</sup> sa-bagi Raja Kelantan se-lopas Long Pandak dan oleh korana takutnya keluaran Long Brahman, Potani dan Terengganu telah menolong Long Junos, anak Long Dahan (lihat di-atas), mengalahkan Long Brahman.

- 
- 21. Se-begai perbandingan tentang Tuan (atau Tua) Dalan (di-konali sa-bagi Sultan Muzur Shah kerudian-nya), lihat H.C. ff. Shoppard, A Short History of Trengganu, JMBAS Vol. XXII, Pt. III (1949) no.11.
  - 22. Menurut Pengikisan Chetam Kelantan, Long Pandak.
  - 23. Penjelasan Chetam Kelantan dan Hikayat Kelantan berbeda dengan Hikayat Seri Kelantan tentang pengikisan Long Junos terhadap Long Ja'far; dalam kadun teks pertama Long Junos menanggil Long Ja'far 'abang' atau 'kakanda', tetapi pada Hikayat Seri Kelantan sa-balek-nya.
  - 24. Menurut Pengikisan Chetam Kelantan, Long Brahman ia-lah Raja Lejoh, dan ia menolong Long Pandak (Pandok?) apabila Long Junos dan Long Ja'far menyerang Kota Kubang Labu.

dan menjadikan-nya raja di-Kelantan. Nasihah H.Marriot pula lebih dekat pada Berskuan Chester Kelantam tentang butir2-nya dalam peristiwa ini melainkan dalam memperkatakan bahawa Long Junos tidak berjaya melanggar Kelantan pada kali pertama-nya kerana Long Pandak di-tolongi oleh Long Brahma dari Logeh. Selanjut-nya, Sultan Mansor Shah Terengganu berjaya mendauhikan perseengketaan ini dan Long Junos di-jadikan Raja Muda di-bawah Long Pandak. Peristiwa ini tidak habis di-sini sahaja kerana nasihah ini menyebutkan bahawa akhir-nya Long Junos menjadi "raja di-Kelantan"<sup>25</sup> apabila Long Pandak angkar kepada Sultan Mansor Terengganu lalu di-perangi dan terhalau dari Kelantan. Yang penting terlihat di-sini ia-lah nasihah H.Marriot ini menegaskan perlindungan Kelantan di-bawah Sultan Mansor Terengganu<sup>26</sup> dan ini dapat di-fahamkan kerana nasihah H.Marriot itu nasihah Terengganu. Pendek kata, perihal asal-usul Long Junos dan kosah ia menjadi raja di-Kelantan itu di-salubungi oleh kekusutan jika lau di-bandingkan sumber2 yang di-sebutkan di-sini, dan dari segi penorongan yang di-bunt di-sini, apa yang terkandung pada Nikayat Seri Kelantan tidak lengkap dan kebenaran-nya harus di-sanggalkan.

Sejarah negeri Kelantan selanjut-nya seperti yang terdapat pada Nikayat Seri Kelantan, ia-itu daripada penceritaan Long Junos se-terus-nya, tidak pula menunjukkan perbedaan2 yang besar apabila di-bandingkan dengan sumber2 yang di-sebutkan di atas seperti yang kita dapati pada bahagian yang tordahulu tadi. Nikayat Seri Kelantan menchatotkan dua peristiwa

25. Perhatikan, bukan 'Raja Kelantan'. Dalam kosah selanjut-nya, Sultan Mansor Terengganu melantik putera-nya Tengku Muhammad menjadi Yang Di-Pertuan Kelantan.

26. ".... dari hal angkutan Yang Di-Pertuan yang datang di-laut itu ia-lah yang asyura Kelantan dan Long Pandak itu sa-imbau wakil Long Brahma yang telah mati .....". (H.Marriot no. 7.)

penting dalam masa pemerintahan Long Junos ia-itu perihal putera-nya Long Muhammad melenjar Legeh kerana menuntut bala pembunuhan puteri Long Junos oleh suami-nya, anak raja Legeh, dan perihal perkahwinan putera Sultan Mansor Terengganu dengan Encho' Tuu Nawi, puteri Long Junos. Kedua-dua peristiwa ini juga tersebut pada Pendekan Chetora Kelantan dan Riwayat Kelantan.<sup>27</sup> Se-lopas mangkatnya Long Junos, Rikayat Seri Kelantan menyatakan persetujuan anak2 Long Junos mengangkat Tengku Muhammad, anak Raja Terengganu se-bagai Yang Di-Pertuan Kelantan. Tidak banyak perbedaan terdapat pada Pendekan Chetora Kelantan atau Riwayat Kelantan malainkan kedua-dua tokoh ini lebih mempertahankan hak anak2 raja Kelantan. Menurut Pendekan Chetora Kelantan, Tongku Muhammad chuma di-beri kuasa sementara, dan Riwayat Kelantan pula menyatakan menang sudah di-ator Long Muhammad manjadi baul Raja Kelantan, tetapi Tengku Muhammad telah merampas kuasa. Di-sambaleknya pula, naskhah H. Marriot menyatakan kuasa Terengganu atas Kelantan; ia-itu Long Junos di-lantik oleh Sultan Mansor se-bagai Raja Muda Kelantan sementara Tongku Muhammad pada masa kochil lagi sudah di-rajai di-Kelantan. Di-sini se-kali lagi kita lihat naskhah H. Marriot berat ku-sabalah pihak Terengganu.

Perihal Long Muhammad anak Long Junos berjaya memajui Kelantan (Sultan Muhammad I), perihal Terengganu bersama Potuni menyerangi Kelantan dan bersekutu dengan Long Muhammad under ka-Sungai Mal dan komodien merobut kembali kerajaan Kelantan dengan pertolongan China2 Galas ada juga terobut pada Pendekan Chetora Kelantan, Riwayat Kelantan, dan naskhah H. Marriot. Daripada ketiga2 sumber ini, Pendekan Chetora Kelantan sangat

27. Nama anak raja Terengganu yang berkenaan berlainan di-sini; menurut Pendekan Chetora Kelantan Tongku Muhammad, dan Riwayat Kelantan Tengku Muda Tila.

dekat percasannya kepada Rikayat Seri Kelantan. Misalnya tidak tersebut pada Rivayat Kelantan atau pun naskah H. Marriot tentang Long Jonal (adik Long Muhammad) menentang chadungan supaya Engku Keluchar (bapa seudara Long Muhammad) di-jadikan raja. Pada Rikayat Seri Kelantan dan Renjissen Chetora Kelantan pula, percasan di-sini sangat2 terdzahir. Dapat di-katakan dalam cherita sa-lanjutnya, Renjissen Chetora Kelantan dan Rikayat Seri Kelantan sangat orat percasannya, chama isi Rikayat Seri Kelantan lebuh lanjut percheritaan-nya. Pengundoran Long Muhammad ke-Sungai Mal di-setujui oleh Renjissen Chetora Kelantan walau pun Renjissen Chetora Kelantan juga menyebut Sukor di-samping Sungai Mal. Dan Sukor pula di-setujui oleh naskah H. Marriot. Chuma Rivayat Kelantan sahaja yang jauh beda-nya, ia-itu tempat berundor Long Muhammad di-sebut Pasir Lalat. Tentang kelanggaran Terengganu yang berhenti di-Besut itu pula, ada tersebut pada sumber2 yang lain walau pun Rivayat Kelantan merongkakkanambil lalu sahaja. Di-sini juga sangat ketara percasan antara Rikayat Seri Kelantan dengan Renjissen Chetora Kelantan, manakala naskah H. Marriot mengatakan pembatalan polanggaran itu di-sebabkan Yang Di-Pertuan Terengganu sendiri gering dan bukan pemaisuri-nya seperti yang terdapat pada kedua2 sumber yang sama itu. Begitu juga tentang Sultan Muhammad I mengantar bunga omes ke-Siam, hadun2 Renjissen Chetora Kelantan dan Rikayat Seri Kelantan sangat bersetuju dalam hal ini, ia-itu pengantaran bunga omes itu di-sebabkan oleh ugotan dari Terengganu dan Patani. Rivayat Kelantan chuma mengatakan Kelantan dan Terengganu "menghalorkan persahabatan kapada Kerajaan Gajah Putih mudah-mudahan di-bawah naungan-nya akan sentosa."

Perihal Raja Temenggong, Long Tan, di-bunuh oleh China2 Galas, kita lihat bahawa Rikayat Seri Kelantan dan Renjissen Chetora Kelantan

menunjukkan persamaan sementara Riwayat Kelantan membawa chorita yang berbeda. Kadang Riwayat Seri Kelantan dan Raja-Raja Chetora Kelantan menyatakan Raja Bendahara (Long Jonal) kerana peristiwa ini, tetapi Riwayat Kelantan tidak sadikit pun mengaitkan Raja Bendahara. Menurut Riwayat Kelantan, China2 itu membunuh Long Tan kerana Long Tan cuba menukar China2 itu membeli beras daripada-nya, ia-itu ikmasa yang di-bori kepada-nya oleh Sultan Muhammad. Begitu juga tentang nama tempat, Riwayat Seri Kelantan dan Raja-Raja Chetora Kelantan mengatakan China2 di-Calao, tetapi Riwayat Kelantan mengatakan China di-Pulai. Ankor Rontee pula, walau pun pembicaraan-nya bersotuju dengan Raja-Raja Chetora Kelantan dan Riwayat Seri Kelantan, memberikan nama tempat yang lebih dekat kepada Riwayat Kelantan, ia-itu China2 di-Pulai dan di-Sukor.

Kesah selanjut-nya, ia-itu se-lopas mangkat-nya Sultan Muhammad I, ia-lah kesah perperangan antara Long Senik Milut Morah anak Raja Tenong-Cong Long Tan dengan Raja Bendahara Long Jonal, ayah saudara-nya. Kesah ini-lah yang di-cheritakan oleh Munshi Abdullah dalam Kesah Pelayaran-nya ke-Kelantan. Menurut Riwayat Seri Kelantan, se-lopas mangkat Sultan Muhammad I, Raja Bendahara (Long Zainal atau Jonal) telah menjadi Raja Kelantan walau pun Sultan Muhammad I telah mengirim surat ke-Legor menentukan Tuun Long Senik Milut Morah menjadi genti-nya. Yang di-balakang ini tidak tarsebut pada Raja-Raja Chetora Kelantan atau pun Riwayat Kelantan; Raja-Raja Chetora Kelantan menyatakan Raja Bendahara di-torima menjali raja dengan shariat nemerentah dengan ‘adil dan di-jatohkan komulian-nya kerana tidak meneati shariat itu sementara Riwayat Seri Kelantan dan Riwayat Kelantan pula memberi kesan bahawa Tuun Long Senik adok beradek memang telah merancang/jam rebutan kuanan itu. Saadiah H. Harriot pula menyatakan bahawa dua kuli Tuun Long Senik melanggar Long

Zainal; pada kali pertama-nya, "hendak di-tindoh-nya oleh Long Ahmad (iaitu Raja Raja yang di-lantek oleh Long Zainal dan di-panggil Raja Bukit dalam Riwayat Seri Kelantan) tinda di-benarkan oleh Lun Zainal dan orang Siam pun larang kedua pihak." Pada kali kedua-nya, Tuan Long Senik tiba-tiba membunt kubu di-Banggol serta di-lengkong-nya kota Raja dan akhirnya Long Zainal kari ka-Siam. Sampah-nya naskah H. Marriot ini berat ka-sabehah pihak lawan Tuan Long Senik kerana dalam memperhatikan perperangan antara Tuan Long Senik dengan Long Ahmad terdapat naskah ini menunjukkan Long Ahmad ("..... hampir-lah akan dapat Kelantan oleh Lun Ahmad .....") dan kalau tidak Siam menggalang-ganti, kalah-lah Tuan Long Senik. Tetapi Riwayat Kelantan, Rongkuon Chetora Kelantan, dan Nikayat Seri Kelantan tegas menyatakan kalahnya Long Ahmad. Di-sini juga perbezaan2 antara Rongkuon Chetora Kelantan dan Nikayat Seri Kelantan sangat jelas. Pada ruang tempat perperangan itu berlaku, Riwayat Kelantan dan naskah H. Marriot bersatu menyatakan 'Kempung Bukit', sementara Nikayat Seri Kelantan dan Rongkuon Chetora Kelantan mengatakan 'Padang Bonboian'. Bagitu juga Riwayat Kelantan dan naskah H. Marriot berbezaan pada menyatakan Long Ahmad di-tolak oleh Raja Teronggongu kerana takut menimbulkan perbalahan dengan Kelantan. Di-sini juga tamatnya naskah H. Marriot itu.

Dalam masa pemerintahan Tuan Long Senik Mulu Morah (bergolar Sultan Muhammad II), kosah yang terkenal ia-lah perbalahan antara Sultan dengan Raja Penambang<sup>23</sup> yang borganda dari pada Awang Chik. Perihal ini sampai kepada tertangkap-nya Raja Penambang oleh Raja Chalaya (Chaiya)

28. Raja Penambang juga di-konul sebagai Sultan Dewa. Ia di-lantek menjadi Bendahara oleh Long Zainal pada masa Tuan Long Senik di-lantek menjadi Teronggong. Raja Bendahara yang di-temui Abdullah dalam Kesah Polayarmu-nya ia-lah Raja Penambang ini juga.

langsung di-bawa ka-Siam terdapat pada Ronggosen Chetora Kelantan dengan segala butir2-nya serupa belaka. Riwayat Kelantan pula chuma menyebutkan Raja Penumbang cuba merampas kuasa dan komodien "Raja2 Negeri Chaya dan Legor" membawa-nya keluar negeri dan "di-rajakan di-negeri Jambu."<sup>29</sup>

Dalam kesah selanjutnya, Ronggosen Chetora Kelantan sa-kadar merupakan ronutan Hikayat Seri Kelantan, ia-itu yang di-chatotkan ia-lah tentang keangkatan dan perlantukan raja2 sahaja, dari pada perlantukan Sultan Muhammad II sampai naiknya Sultan Mansor. Tarikh2 keangkatan Sultan Muhammad II, Sultan Ahmad, Sultan Muhammad III, dan Sultan Mansor ada-lah bersamaan belaka di-antara Hikayat Seri Kelantan, Ronggosen Chetora Kelantan dan Riwayat Kelantan. Dari pada ketiga2 sumber ini, Hikayat Seri Kelantan yang lanjut sekali isi kud nyan-nya. Satu sifat yang tidak terdapat pada sumber yang dua lagi itu ia-lah Hikayat Seri Kelantan beryak mengomunikasi tentang perhubungan antara Siam dan Kelantan, sepaikan gelaran2 Siam yang di-gunakan oleh Sultan2 dan orang2 besar Kelantan pun ada di-chatotkan. Antara butir2 tentang perhubungan antara Siam dan Kelantan yang harus di-perhatikan, sa-lain dari pada hantaran2 bunga emas ka-Siam, ia-lah lawatan Maharaja Siam ka-Kelantan dan Terengganu pada T. H. 1505,<sup>30</sup> kuncia Siam di-ates pentadbiran negeri Kelantan,<sup>31</sup> dan ketidakpuasan hati Raja Kelantan (Tengku Long Senik)<sup>32</sup> terhadap perubahan hendak

29. Menurut Ronggosen Chetora Kelantan, Raja Penumbang di-pindahkan ke-Jambu dari Legor. Menurut Hikayat Seri Kelantan pula Raja Penumbang akhir-nya di-rajakan di-negeri Jaring.
30. Mungkin lawatan yang di-sabutkan oleh H. Clifford dalam buku-nya In Court and Keeping no. 14; tetapi tarikh-nya berbeda.
31. Soal ini beryak di-persoalkan oleh ahli2 sejarah Inggeris; misal-nya lihat L.A. Millis, British Malaya, 1824 - 1867, JMIRAS Jil.III Bh.II, 1925 no.123 - 170.
32. Komodien-nya Sultan Muhammad IV. Perhatikan penggunaan gelaran 'Raja Kelantan' sa-bagai bekai raja dan tidak 'Raja Raja' seperti yang terdapat pada negeri2 Melaju yang lain.

menegaskan lagi kuasa Siam di-Kelantan seperti yang terdapat pada babak penjabisan Hikayat Seri Kelantan ini. Tentang butir yang terkebelalung itu, harus di-ingat bahawa dalam zaman pemerintahan Tongku Long Senik (Sultan Muhammad IV) itu-lah perjanjian antara Siam dengan Kelantan di-kaji balik dan di-beri asas yang lebih togoh dan sempurna dan yang kemudian-nya membuka jalan bagi negeri Kelantan bermaung di-bawah Kerajaan Inggeris.<sup>33</sup> Namun bagitu, butir2 yang terdapat pada hikayat ini tidak akan dapat membri gambaran yang sa-jelas2-nya terhadap perhubungan antara Siam dengan Kelantan.

Satu lagi sifat Hikayat Seri Kelantan yang tidak terdapat pada Rimayat Kelantan atau Rengkutan Chetora Kelantan ia-lah pencheritaan tentang adat istiadat. Ini dapat di-fahamkan pada Renungan Chetora Kelantan kerana teks ini merupakan ronggukan sejarah sahaja; dan bagi Rimayat Kelantan pula, lebih di-pentingkan hal ehwal penorentahan dalam negeri. Di-samping itu, beberapa perkara yang tercatut dalam Hikayat Seri Kelantan harus di-ambil perhatian. Pertama ia-lah tentang Tuan Zamik Salor cuba membangun Engku Putera, ia-itu Tongku Suleng Ahmad yang kemudian-nya menjadi Sultan Ahmad atau Sultan Tongah. Peristiwa ini ada juga tercatut pada Rimayat Kelantan. Kedua ia-lah berkenaan lantekan Sultan Mansor menjadi ganti Sultan Muhammad III. Tidak tersebut pada Rengkutan Chetora Kelantan atau Rimayat Kelantan bahawa Sultan Muhammad III sa-belum mangkat-nya namun sudah membuat perjanjian supaya saudara-nya menggantinya sa-belum anak-nya sendiri. Ketiga ia-lah peristiwa Mat Ali dan keempat ia-lah

33. Bagi perkembangan ka-arah ini, lihat Rimayat Kelantan dan juga buku2 sejarah tentang Tanah Melayu. Penjajah Inggeris Hikayat Seri Kelantan ia-lah perihal Raja Kelantan, Tongku Long Senik, pergi ke-Bangkok untuk mengkaji balik perjanjian antara Siam dengan Kelantan.

peristiwa berkenaan orang Kaya Semunten dan To' Gajah.<sup>34</sup> Kedua2 perkara ini juga tidak tersebut pada Bengkang Chitern Kolantem atau Hilmyat Kolantem. Tentang perkara Mat Ali itu, Bengkang Chit yang berkenaan itu mungkin sekali Raja Chik Abdullah (bergolar Tongku Bendahara), ia-itu saudara Sultan Mansor yang nonerentah pada masa itu.

sa-orang lagi nama Encho Chi' dan yang sa-orang lagi nama-nya Tuan Lonik<sup>170</sup> dan yang perempuan nama-nya Tuan Ning Besar dan sa-orang lagi nama-nya Tuan Ning / Tongah dan sa-orang lagi nama-nya Tuan Ning Nunah. Maka Tuan Lonik itu memiliki beristori dengan anak Raja Long Junos. Maka berapa lama-nya beristori itu maka Tuan Lonik pun borkaschan2 antara kedua isteri itu. Dan ada-lah pada suatu hari, Tuan Lonik itu membuat gila, bunuh isteri-nya, anak Long Junos itu. Maka Tuan Lonik pun lari balik ke-negeri Legoh. Maka tatkala itu Raja Long Junos pun dapat ketahui-lah akan Tuan Lonik membunuh anak-nya itu, maka Raja Long Junos pun marah-lah kepada Raja Legoh<sup>171</sup> sebab membunuh akan isteri-nya itu tidak dengan sa-suatu dosa.

Maka tatkala itu lalu baginda suruh akan anak-nya nama Long Muhammad pergi langgar negeri Legoh, kota Pasir Emas To' Doh itu. Maka Long Muhammad pun berkorah-lah sakalian rakyat sakar, balentara, hulubalang, 'adi pondokar, johan pahlawan, sakalian-nya. Maka pahlawan dan gajah pun siap-lah kenaikan yang bernama Kotitian Balai.<sup>172</sup> Maka pada ketika yang baik Long Muhammad pun berangkat-lah naik gajah yang bernama Kotitian Balai itu serta berjalan-lah dengan sogata hulubalang, pahlawan, 'adi pondokar, johan pahlawan, balentara sakalian-nya, maka menuju jalan negeri Legoh, kota Pasir Emas sa-berong Ta' Doh itu. Maka tiada berapa lama-nya berjalan, lalu sampai-lah ka-negeri Legoh serta langgar sa-lalu oleh Long Muhammad itu sakalian balentara itu. Maka bertemu-lah kedua pihak itu lalu berporang-lah bertontak<sup>173</sup> dan bertikam, hulubalang sama hulubalang, dan pahlawan sama pahlawan, dan rakyat sama rakyat.

Maka menjadi besar-lah perang pada masu itu, orang Legoh dengan orang Kelantan, tiada kedengaran lagi melintik kedengaran, tempek sora' segala pahlawan, ra'yat saker. Maka berchampor-lah antara kedua pihak itu, maka (di-dalam) / anak Raja Legoh yang bernama Tuan Lonik itu pun dapat-lah di-tangkap oleh sa-belah Long Muhammad lalu di-ikat taroh. (Maka tatkala itu anak Raja Legoh dapat di-tangkap oleh sa-belah Long Muhammad itu.) Maka ra'yat sa-belah Raja Legoh pun undor-lah lari sa-kali dengan raja-nya. Maka banyak-lah ra'yat Long Muhammad itu boleh rampasan alat senjata dan harta benda-nya, beroleh tawanan dari padan anak Raja Legoh itu, tiga orang perempuan dengan hamba sahaya sa-kali dengan harta benda perkakas. Maka (maka) Tuan Lonik yang membunuh bini itu pun Long Muhammad suruh bunuh balas atas-nya. Maka Raja Long Muhammad itu pun berangkat balek-lah ka-negori Kelantan serta membawa' tawanan anak Raja Legoh, tiga orang yang perempuan, serta hamba sahaya dan perkakas, harta benda seperti kerbau dan lembu kambing, ayam itok, dan sahalian perkakas itu. Maka Raja Long Muhammad pun berjalan-lah balek sa-kali dengan hulubalang ra'yat saker. Maka tiada borepa lama berjalan itu sampai-lah balek ka-negori Kelantan serta mesok mengadap ayahanda dan bonda-nya serta sembah khabar berperang itu. Maka Raja Long Junos pun mendongarkan hal itu serta mungchap shukor-lah kepada Tuhan Wahidul Kalhar monolon di atas hamba-nya. Maka hi(lil)ang-lah kesah-nya, maka torsbut-lah chotera Raja Terengganu.

Al-kesah maka ada-lah sa-orang Raja Terengganu nama-nya Al-Marhum Janggut itu, asal nama-nya Tuan Dalam.<sup>174</sup> Ia duduk

di-negeri Linggi.<sup>175</sup> Maka (maka) raja negeri Linggi itu ia duduk di-Kampung Bulan,maka itu-lah orang penasih Yang Di-Portuan Bulan. Maka Yang Di-Portuan Bulan itu ada beranak beberapa laki2 dan perempuan. Maka Yang Di-Portuan itu sangat-lah borkhendak akan Anak Sungai itu. Maka di-sureh beberapa kali pergi langgar perang tiada boleh kalah. Maka ada-lah pada satu hari Yang Di-

Portuan duduk sombalyang di-stas tempat kerjaan<sup>176</sup> / di-balairon.<sup>177</sup> Maka orang2 pun mengadap dan Tuan Dalam pun ada mengadap. Maka lalu Yang Di-Portuan melihat Tuan Dalam lalu bertitah,"Hai Tun<sup>178</sup> Dalam,ada-kah engkau chakap<sup>179</sup> pergi langgar negeri Anak Sungai itu? Jika kamu chakap Langgar,boleh kalah Anak Sungai itu, aku ambil kamu menjadi anak-ku". Maka sambil Tuan Dalam,"Titah ka-bawah duli, chakap juga',potek persembahan nyawa patok di-dalam pekerjaan ka-bawah duli tuanku." Maka Yang Di-Portuan bertanya kepada Tuan Dalam, "Berapa kamu borkhendak akan kelanggaran,perahu dan ra'yat balontara-nya?" Maka sembah-nya, "Mana2 yang borkenan dan patut nolok ka-bawah duli kepada tuanku." Maka Yang Di-Portuan pun menyuruh-lah orang bersiap perahu2 dan borkorah segala hulubalang, pahlawan johan, 'adi pendekar, ra'yat balentara-nya. Maka sudah berhimpun semua-nya,maka Tuan Dalam pun masuk mengadap,bornohon,menjujung<sup>180</sup> titah ka-bawah duli kepada-nya,"Insha' Allah ta'ala,tuboh engkau aku serahkan kepada Allah subhanhu wa ta'ala, dengan segala pekerjaan engkau, in-lah se-baik2 tempat yang di-harapkan borsorah hamha kapddu-nya." Maka Tuan Dalam pun di-kurnia persalin se-lengkap daripada edat2. Maka Tuan Dalam pun menjujung titah ka-bawah duli, lalu keluar kota berjalan turun akan perahu kenaihan. Maka berlayar-lah semua-nya,

sogala porahu, hulubalang, pahlawan, ra'yat, balentara, habis semua-nya.

Maka berapa lama bolayar itu, maka ada pada satu malam Tuan Dalam duduk tidor di-dalam kurongan bilok porahu itu, tiba2 datang sa-orang yang baik rupa-nya dan pakaian dengan harum bahu-<sup>181</sup>nya memberi salam ia, dan salut salam-nya, serta kata-nya, "Kamu hendak pergi porang negori Linggi itu; apa kamu kehendak mo(bo)nang-<sup>182</sup>kah atau apa?" Maka Tuan Dalam jawab, "Jikalau dengan petolongan<sup>183</sup> tuanmu, hamba hendak mo(bo)nang pokerjaan porang itu." Maka kata-nya, "Aku hendak minta' janji daripada kamu; jika kamu mo(bo)nang / (mo(bo)nang) porang itu, kamu jangan buang janggut itu hingga sampai mati kamu." Maka Tuan Dalam jawab, "Tidak apa-lah, jika dengan tolong tuan hamba ini, hamba terima janji-lah." Lalu di-ludah ka-dalam mulut Tuan Dalam serta capu sakalian tuboh-nya Tuan Dalam itu, maka ia pun ghairah-lah. Maka Tuan Dalam pun jaga-lah daripada tidor. Maka ia lihat porahu pun sampai ka-kuala negori Anak Sungai Linggi itu. Sudah berhimpun semua-nya kolanggaran porahu2 itu, maka Tuan Dalam pun buat surat, hantar naik kapada raja negeri Anak Sungai itu. Maka raja negeri Anak Sungai itu pun berkorah ra'yat, balentara, hulubalang, pahlawan, johan, 'adi pendekar, berhimpun nonanti sambut angkatan orang negori Linggi itu. Maka Tuan Dalam pun korah semua-nya, habis sogala hulubalang, pahlawan, ra'yat, 'adi pendekar, semua-nya monopoh masuk ka-tempat neden porangan<sup>184</sup> itu, lalu bertemu-lah kedua pokok 'askar itu, lalu berporang-lah bedil masing-masing, tikam menikam, tentak nonentak, porang momorong, torlalu ramai orang2 porang itu menjadi kolon koloni, tiada kelihatan lagi, molainkan kilit senjata juga'

tempak kelihatan, dan tempek sora' sogala hulubalang, pahlawan, juga' yang kedongaran-nya. Dan orang mati pun banyak-lah sa-belah jemolah dan darah pun banyak-lah tumpah ka-bumi. Maka dobu pun hi(li)lang-lah, baru nampak orang berperang, usir pengusir, hambat mengambat seperti permainan. Maka sa-kotika, undor-lah sa-belah orang negeri Anak Sungai, maka sora' pun seperti naga bersemboh-nya dari sa-belah orang Tuan Dalam. Tiba2 kalah, orang negeri Anak Sungai itu pun lari-lah, habis tinggal yang tiada kompat hendak lari itu, maka ia mongaku-lah akan diri-nya hambo-nya. Maka banyak-lah orang ra'yat2 Tuan Dalam boleh rampasan senjata / dan harta benda. Dan raja negeri itu mongaku tundok akan diri-nya di-bawah perontah Yang Di-Pertuan Linggi-lah.

Maka tatkala selesai perang me(ba)nang itu, Tuan Dalam pun berangkat belayar balok ka-negeri Linggi. Sakalian perahu2 dan ra'yat **balentara** pun belayar-lah dengan kemonangan. Maka tiada berapa lama antara belayar itu, ia pun sampai ka-negeri Linggi. Maka Tuan Dalam pun masuk mengadap ka-bawah duli Yang Di-Pertuan, bersembah kemonangan boleh negeri Linggi itu, serta dengan surat akuan itu di-porsambah ka-bawah duli Yang Di-Pertuan. Sudah selesai, maka Yang Di-Pertuan pun berangkat masuk ka-dalam istana dan sakalian orang2 pun masing2 pulang ka-rumah sendiri-nya.

Maka Yang Di-Pertuan pun mulai bekerja hendak Kahwin Tuan Dalam itu dengan anak-nya, Tongku Puteri Dulah, dengan putera Yang Di-Pertuan (dan) paduka anakanda leh12, nama-nya Tongku Besar, hendak Kahwin dengan adik Tuan Dalam itu. Maka pada

ketika yang baik dan yang molek berchahaya-lah, lalu di-nikah-lah  
 Tuan [Dalam]<sup>185</sup> dengan putera-nya yang bernama Tongku Puteri  
 Dulon itu, dan (dan) Tongku Besar pun nikah dengan adik Tuan  
 Dalam. Maka duduk borkasih2-lah dengan dua laki isteri itu.  
 Maka telah sempurna solehni, maka bertitah Yang Di-Pertuan  
 suruh hantar Tuan Dalam dengan Tongku Besar kepada negori  
 Terengganu hendak lentak<sup>186</sup> menjadi raja di-negeri Terengganu.  
 Maka Tuan Dalam bersua laki isteri dan Tongku Besar laki isteri  
 pun masuk ke-dalam istana Yang Di-Pertuan, bermohon ke-bawah  
 duli Yang Di-Pertuan dengan permaisuri, duduk bertangisan2  
 dengan dayang2 isi istana; somua-nya menangis sebab hendak ber-  
 chorai itu. Maka di-kurnia persalin akan Tuan Dalam laki isteri  
 chulap sa-lengkap somua-nya pakaian kerajaan dan produk  
 anakanda Tongku Besar pun sa-rupa-lah / di-kurnia-nya. Maka Tuan  
 Dalam pun bermohon dan Tongku Besar berempat laki isteri lalu  
 keluar turun berjalan ke-porchu kenaikan. Sa-sudah sampai lalu  
 menuju akan negori Terengganu. Maka segala perahu pengiring pun  
 menurut-lah bolaku belayar borkibaran2 tunggal menunggol<sup>187</sup>  
 mendoral<sup>188</sup> sa-genap buah perahu itu. Maka segala moreka itu,  
 yang melihat di-darat, pun banyak-lah menangis, sayu melihat  
 anak raja berempat beraduk belayar meninggal negori ayahanda  
 bonda-nya. Maka masing2 pun terlambau boles hati monikiri-nya.

Maka torsobut anak raja berlayar itu, tiada berupa lama-  
 nya, maka anak raja berempat itu pun sampai-loh ke-negori  
 Terengganu. Maka orang Terengganu pun hadzir-lah menanti  
 menyambut anak raja itu. Lalu Tuan Dalam pun naik borsoma2  
 Tongku Besar, ipar-nya itu, di-sambut orang bolara' masok

ka-dalam kota istana. Maka tatkala sampai naik ka atas balairom, di atas potera<sup>189</sup> kerajaan, lalu segala orang Terengganu pun bersetuju-lah mengakat<sup>190</sup> naik kerajaan di atas tempat bergelar Yang Di-Pertuan Terengganu dan Tengku Besar bergelar nonjadi kombaran-nya.<sup>191</sup> Maka sakalian perkara di-negeri Terengganu kerajaan memerlukan dengan adil mu(a)rah<sup>192</sup> dengan segala rakyat isi negeri Terengganu berapa lama. Maka yang Di-Pertuan dengan Tengku Puteri Dulan pun berputera-lah sa-orang, komudian nonjadi banyak anak laki2 dan perempuan, wa'llahu a'lam, beberapa orang, akan tetapi banyak sungguh anak-nya. Dan Tengku Besar pun beranak beberapa orang, wa'llahu a'lam. Dan yang sa-orang laki2 bernama Tengku Wot (dan Tengku Hitam)<sup>193</sup> yang mengakat<sup>194</sup> di-Kelantan ini.

Shahadan maka Yang Di-Pertuan Terengganu mendengar ada raja / di-Kelantan boroloh anak laki2 dan perempuan banyak. "Maka patut-lah di-pinta" akan dia daripada-nya di-satukan dengan anak kita." Maka Yang Di-Pertuan Terengganu pun lalu suruh orang2 mari moninang akan anak Long Junos, Yang Di-Pertuan Kelantan. Maka sekurang orang besar2 pun mari-lah ka-negori Kelantan hendak mengadap Yang Di-Pertuan Kelantan karena hendak meminang anak Yang Di-Pertuan Kelantan yang bernama Enche' Ku Tuan Hawi itu. Maka tatkala itu orang besar2 yang di-suruh oleh Yang Di-Pertuan Terengganu itu pun sampai-lah kapada negori Kelantan, lalu di-persenjatai oleh orang suruhan daripada Raja Yang Di-Pertuan Terengganu itu sudah sampai masuk mengadap. Maka lalu Long Junos, Yang Di-Pertuan Kelantan, pun suruh orang panggil utusan itu. Maka utusan itu pun masuk mengadap Long Junos,

Yang Di-Pertuan Kelantan, serta bawa' sa-puchok surat daripada Yang Di-Pertuan Terengganu. Maka Long Junes, Yang Di-Pertuan Kelantan, pun ambil surat daripada utusan lalu buka bacha akan dia. Demikianlah bunyi-nya, "Surat tulus dan iklas, ia-itu daripada anakanda Raja Terengganu, bahawa masuk mari mengadap ka-bawah hadhrat paduka ayahanda Yang Di-Pertuan Kelantan. Paduka anakanda hendak pohonkan bunga sa-kutum<sup>195</sup> daripada ayahanda hendak bunt sori istana di-dalam negori anakanda." Sa-telah sudah surat di-bacha, maka Yang Di-Pertuan Kelantan pun mendengar bunyi surat itu. Maka Yang Di-Pertuan Kelantan pun sangat-lah suka-nya serta masuk mendapat istori-nya mengatakan, "Raja Terengganu meminang anak kita hendak kahwin dengan anak-nya; sa-bagaimana-lah fikiran adinda?" Maka lalu jawab oleh / permaisuri, "Ikut molek kakanda-lah kerana adinda ini memerlukan sahaja." Maka tatkala itu Yang Di-Pertuan Kelantan pun berthonan-lah akan Raja Terengganu meminang anak-nya yang bernama Encho' Ku Tuan Nawi itu. Maka lalu di-buat surat balas kepada utusan yang mari itu tanda menerima-lah seperti maksud di-dalam surat Raja Terengganu itu. Maka utusan itu pun di-beri persalin oleh Yang Di-Pertuan Kelantan dengan chukup lengkap betapa 'adat raja2 kurnia kepada utusan itu. Maka utusan itu pun menerima surat sa-puchok serta menjujong duli bornohon balok ka-negori Terengganu. Maka tiada berapa lama boloyar itu lalu sampai ka-negori Terengganu, masuk mengadap ka-bawah duli Yang Di-Pertuan Terengganu itu serta persembahkau segala hal ia pergi meminang itu, "Maka Yang Di-Pertuan Kelantan pun suka-lah seperti maksud ka-bawah duli itu." Maka utusan itu pun

sembah surat itu kepada-nya, maka Raja Terengganu pun ambil-lah surat itu lalu di-buka bache akan dia. Maka Yang Di-Pertuan Terengganu mendengar bunyi surat itu hal keadaan Raja Kelantan nonerima seperti kohondak-nya. Maka ia pun bersimpan siap hendak suruh anak-nya mari ka-negeri Kelantan hendak berkawin.

Maka sampai hari yang baik, maka anak Raja Terengganu pun berangkat belayar menuju akan negeri Kelantan hendak mengadap Long Junos, Yang Di-Pertuan Kelantan. Maka tiada berapa lama belayar itu lalu sampai ka-negeri Kelantan lalu di-porsambah orang kepada Long Junos yang demikian bunyi-nya: "Anak Raja Terengganu sudah sampai di-kuala negori." Maka Long Junos pun menyuruh segala orang besar2 pergi sambut dengan porahu kenaikan. Maka tatkala sampai porahu, sa-kali dengan orang besar2 yang di-suruh oleh Long Junos / itu, maka anak Raja Terengganu pun mudok-lah semua-nya sa-kali dengan orang besar2 Kelantan, persambut orang Terengganu itu. Maka tiada berapa lama borkayoh mudok itu lalu sampai ka-pekalan. Maka ramai-lah orang melihat di-pekalan itu penoh sesak segala orang2 melihat anak Raja Terengganu itu. Maka tatkala sampai lalu naik-lah mengadap Long Junos itu sorta di-tegor oleh Long Junos itu, "Ya anak-ku, sampai bila?" Maka jawab oleh anak Raja Terengganu, "Ya ayahanda, baharu juga patek sampai." Maka borchokap-lah sadikit banyak sa-orang. Maka hidangan pun di-angkat orang-lah di-atas talai hendak berjamun<sup>196</sup> oleh Long Junos itu akan anak Raja Terengganu itu dan orang besar2 yang meri bersama2 anak Raja Terengganu itu. Maka tatkala sudah siap persatapan<sup>197</sup> itu di-poridan<sup>198</sup> orang, lalu Long Junos pun menyuruh-lah akan anak Raja

Terengganu itu makan di atas balai itu. Maka lalu anak Raja Terengganu dan orang besar2 pun naik masing2 dudok dengan taraf, raja bersama raja, dan orang besar bersama orang besar, dan dato' sama dato', masing2 kader-nya. Maka tatkala sudah santapan itu, minuman pun di-porodar orang pula. Masing2 pun minum-lah betapa<sup>199</sup> adat orang makan jamuan raja2 itu. Maka tatkala selesai daripada makan minuman itu, masing2 pun turun dudok mengadap Long Junos itu. Maka Long Junos pun beri-lah suatu tempat perhentian kepada anak Raja Terengganu itu. Maka anak Raja Terengganu itu pun berhenti-lah di-tempat yang di-sediakan oleh Long Junos itu. Maka lepas daripada demikian itu, maka Long Junos / pun bekerja-lah hendak di-mulai molentak<sup>200</sup> korja hendak kalwin akan anak Raja Terengganu itu.

Sa-telah putus kira-nya, maka hari yang baik dan ketika yang molok, di-mulai bekerja empat puluh hari empat puluh malam. Sampai hari yang molok lalu di-kalwin anak Raja Terengganu itu dengan Encho' Ku Tuan Nawi itu betapa adat raja2 yang besar2 itu. Maka tatkala selesai lalu di-pelator<sup>201</sup> saperti raja2 besar2 pelator itu. Sa-telah sudah daripada pelator itu lalu di-suap nasi' sangat, kemudian di-mandi orang. Maka tatkala sudah mandi itu lalu di-beri persalin kain. Sa-sudah, makan nasi' handapan<sup>202</sup> pula. Lopas itu anak Raja Terengganu pun masuk-lah bordun laki istori itu saperti adat raja2. Maka selesai daripada pekerjaan itu, anak Raja Terengganu pun borkasoh2-leh dua laki istori itu sa-hingga berapa lama-nya, tiada-leh hamba panjangkan halan lagi, terloboh na'lum orang baharu borkasoh2 itu. Maka anak Raja Terengganu pun solong

sa-hari atau tiap2 hari masuk mengadap Long Junos itu.

Sa-bermula, maka tersebutlah chotera; tatkala selesai dari pada kahwin itu maka anak Raja Terengganu duduk di-negeri Kelantan. Tiada berapa lama-nya lalu anak Raja Terengganu pun hendak balik-lah, sembah kapada Raja Kelantan, Long Junos, demikian-lah sembah-nya, "Jikalau mengapuni nekurnia, paduka anakanda hendak bermohon balek ka-negeri Terengganu dahulu nombawa" paduka adinda itu; tidak berapa lama paduka anakanda nari pula mengadap ayahanda.<sup>203</sup> Maka lalu sabda-nya, "Baik-lah, anakanda hendak balik dahulu, kemudian mari pula." Maka Raja Terengganu<sup>203</sup> bordua laki isteri pun bersimpan siap-lah hendak balek ka-negeri Terengganu itu / sebab di-beri oleh ayahanda Long Junos pergi itu. Maka tatkala sudah siap sakolian-nya, lalu kedua laki isteri pun masuk mengadap-lah ayahanda Raja Long Junos bersama dengan bonda-nya, bermohon hendak belseyur ka-negeri Terengganu itu. Maka tatkala sudah bermohon itu lalu Long Junos pun suruh anak-nya sa-orang yang bernama Long Muhammad pergi bersama2 anakanda Raja Terengganu itu serta dengan orang mongiring bersama2 Long Muhammad itu. Maka Long Muhammad pun pergi-lah bersama2 adok-nya dan Raja Terengganu itu.

Maka tatkala itu lalu belseyur anak raja itu menuju negeri Terengganu itu. Maka tiada berapa lama belseyur itu lalu sampai-lah di-Kuala Terengganu itu lalu di-persentah orang kapada Yang Di-Pertuan Terengganu itu, "Akan paduka anakanda sudah berangkat balek sorta bawa' isteri dan sa-orang anak raja negeri Kelantan nama-nya Long Muhammad, mari bersama2 putera duli tuanku itu."

Maka Yang Di-Pertuan pun menyuruh orang besar2 pergi sambut anakanda bordua laki isteri serta anak raja negeri Kelantan itu serta bawa'-lah perahu konaikan pergi itu. Maka segala orang besar2 pun pergi-lah sambut anak Yang Di-Pertuan itu. Maka ramai-lah orang pergi menyambut itu, terlalu ramai-lah, terlebih ma'lim anak raja2 negori baharu kahwin. Maka tatkala sampai orang itu lalu di-persembah kapada-nya, "Titah duli paduka ayahanda baginda sambut tuanku serta dua laki isteri dan paduka kakanda Long Muhammad Kelantan bersama2 tuanku itu dan perahu konaikan pun patok sudah bawa'mari." Maka lalu anak Yang Di-Pertuan pun berangkat naik-lah ka-dalam perahu konaikan itu bordua laki isteri dan anak raja Kelantan naik perahu lain, sa-buah sulu.<sup>204</sup> / Maka ramai-lah orang2 pergi sambut itu, borkayoh duduk-lah sakalien itu ka-kampong Raja Terengganu itu. Maka tiada berapa lama-nya lalu naik-lah mengadap paduka ayahanda itu. Maka lalu di-tegor-lah ayahanda akan anakanda bordua laki isteri itu dan anak Raja Kelantan itu. Maka bertanya, "Khabar Raja Kelantan sekarang sa-bagaimana-nya?" Maka sombah, "Sekarang ini ada baik." Maka tiada berapa lama-nya nasi' santapan pun di-angkat orang-lah di atas balairom itu. Maka tatkala sudah santap, nasi' itu di-angkat. Maka lalu baginda pun ajak anakanda dan anak Raja Kelantan santap nasi' itu. Maka tatkala santap nasi' itu, minuman pula di-angkat orang, maka masing pun minum-lah. Maka tatkala sudah selesai-nya, masing2 pun turun<sup>205</sup> dari atas balairom itu ka-bovah. Maka baginda Raja Negeri Terengganu pun bori satu istana kapada anak Raja Kelantan itu suruh duduk. Maka Raja Long Muhammad pun duduk-lah sa-hulu

dengan anak Raja Terengganu itu kerana adok-nya itu menjadi istori anak Raja Terengganu itu. Maka tatkala tiada berapa lama duduk di-negeri Terengganu itu, maka bercimpunkan<sup>206</sup> anak Raja Terengganu laki istori lalu masuk mengadap baginda Raja Terengganu, bernohon hendak balok ka-negeri Kelantan pula. Maka borangkat-lah balok bordua laki istori dan Long Muhammad itu serta diring-lah<sup>207</sup> oleh orang besar2-nya serta dengan hamba sahaya-nya itu, belayar balok menuju / ka-negeri Kelantan. Maka tiada berapa lama-nya belayar itu maka sampai-lah Ita-kuala negeri Kelantan lalu di-persembah orang-lah kapada Raja Long Junos itu, sambil-nya, "Anakanda Raja Long Muhammad serta anakanda Raja Terengganu laki istori itu telah sampai balok di-kuala negeri Kelantan." Maka lalu Raja Long Junos pun menyuroh-lah orang pergi sambut naik anak raja itu, maka pergi-lah orang besar2 pun. Maka tatkala sampai lalu Raja Long Junos pun bertanya khabar kepada anak raja Long Muhammad itu serta anak Raja Terengganu laki istori. Maka di-persembah selamat sempurna-nya. Maka lalu anak Raja Terengganu pun sembah salam kapada-nya. Maka di-antara itu jadi-lah berulang2 pergi mari anak Raja Terengganu, sa-kali balok ka-Terengganu, sa-kali balok Kelantan. Maka Raja Long Muhammad itu di-minta' oleh Raja Terengganu buat anak angkat. Maka Raja Long Junos pun bori-lah. Maka Raja Terengganu pun terlalu-lah kasih kapada Long Muhammad itu, maka Raja Long Muhammad pun berulang pergi mari-lah ka-negeri Kelantan dan Terengganu itu. Maka tiada berapa lama Raja Long Muhammad pun beristori-lah dengan anak Tuan Besar, anak Raja Lojoh itu, dan Enghu Tongah jadi bini muda Raja Terengganu itu.

Maka berulang pergi mari itu, domikian-lah sa-bulan dua

bulan di-Kelantan, dua tiga bulan ka-negori Terengganu. Demikianlah fakir cheterakan. Maka Raja Long Junos pun memerintah negori dengan selamat sejahtera-nya. Maka tiada borapa lama lalu Long Ja'far pun jatoh sakit bandan-nya tiada dapat hendak di-ubat akan dia lagi. Maka sampai hukum Allah atas-nya lalu habis 'umur-nya kembali ka-rakhmatullah, meninggal negori yang sanā kapada negori yang baktā'. Maka lalu di-kuburkan dari Limbat.<sup>203</sup> / Maka tiada borapa lama lagi lalu Raja Long Junos pun borasa sakit; kemudian terlalu sangat, maka ramai-leh anak2-nya berhimpun, mengubati penyakit itu dan bohong2 dipanggil mengubati penyakit itu, tiada-lah sombah juga'. Maka tatkala itu tiada daya dan upaya-leh oleh anak2-nya. Maka dalam antara itu tordongar khabar-leh kapada anak-nya Raja Terengganu itu. Maka ia pun berangkat mari dengan segori-nya ka-negori Kelantan ini kerana hendak melihat Raja Long Junos itu. Pada masa itu Raja Long Junos tengah borasa sangat, maka masing2 pun dudok melihat, hadzir-leh semua-nya anak2-nya dan taib2 dudok mengubati Raja Long Junos itu. Maka tiada juga' sehat penyakit-nya. Maka tiada borapa hari lalu sampai hukum porodaran dunia, kembali ka-rakhmatullah meninggalkan negori yang sanā ka-negori yang baktā'. Kālu innā illāhi wa innā ilalhi rāji'ūn. Maka tiada-leh dapat salah lagi datang takdir Allah Ta'ala atas-nya. Maka lalu muafakat oleh anak2-nya sakalian itu bersiap simpan hendak menanam. Maka di-panggil orang2 menyuroh buat usongan seperti 'adat raja2 memerintah negori dan sakalian alat lain2 lagi pun banyak-leh di-siap-nya itu seperti raja2 memerintah negori Mukah. Maka tatkala simpan siap semua-nya itu lalu di-usong

orang Jinazah<sup>209</sup> Raja Long Junos itu bawa' pergi ke-Langgar.<sup>210</sup> Maka di-tanam pun di-Langgar-lah; hingga sampai sekarang ini di-panggil orang Kubor Al-marhum Long Junos di-Langgar itu. Maka tatkala sudah di-simpan Kubor itu, masing2 pun balik-lah ka-rumah mesghol akan komatian bapa'-nya. Maka masing2 pun tiap2 hari pergi menziarah akan Kubor bapa'-nya itu. Maka tatkala sampai hari yang ketujoh, maka menyampai-lah hari-nya seperti 'adat raja2 / yang besar2; kemudian sampai empat puluh hari, maka menyampai hari hingga yang keempat puluh hari. Demikian-lah maka tatkala Al-marhum Long Junos itu sudah hilang, maka negori pun tiada-lah boraja2-nya.

Maka tatkala itu lalu muafakat semua-nya anak Al-marhum Long Junos itu angkat naik anak Raja Terengganu itu menjadi raja kerana pada masa itu tiada siapa2-lah patut melainkan anak Raja Terengganu itu-lah yang lebih patut-nya, maka di-golar Yang Di-Pertuan Negori Kelantan.<sup>211</sup> Maka ia-joh menjadi raja-nya. Tiada berapa lema-nya lalu Yang Di-Pertuan Kelantan pun fikir ia-lah lebih sa-kali, maka ia pun tiada berapa hirau kapada anak2 Al-marhum Long Junos itu. Maka lalu anak2 Al-marhum Long Junos pun berasa malu kapdda-nya itu dengan sebab Yang Di-Pertuan Kelantan buat tiada hirau kapada sekalian anak2 Al-marhum Long Junos itu. Maka tatkala itu lalu bermuafakat-lah dengan segala adik beradik-nya dan bapa' saudara-nya Engku Koluchor<sup>212</sup> hendak langgar Yang Di-Pertuan Kelantan itu. Maka tatkala sudah bersiap, sempai ketika yang baik, waktu yang molek, maka raja2 anak Al-marhum Long Junos pun langgar-lah kota Raja Terengganu, Yang Di-Pertuan Kelantan itu, lalu bertikam-lah

orang Kolantan dengan orang Terengganu itu. Maka bortikan itu tiada berapa lama-nya lalu alah sa-belah orang Terengganu kerana orang Terengganu pada masa itu tiada berapa banyak lagi dan orang Kolantan terlalu banyak kerana negeri sendiri dan lewan dengan orang luar negeri, terlebih ketahui-lah. Maka tatkala itu Yang Di-Pertuan Kelantan pun undor lari pergi ka-negeri Terengganu balek ka-negeri yang dahulu itu, habis semua-nya dengan ra'yat Terengganu itu, terlebih na'lum-lah orang lari daripada musoh, habis-lah semua-nya.

<sup>213</sup> Maka tatkala<sup>214</sup> / (maka tatkala) itu kemonangan-lah sa-belah orang Kolantan, ia-itu anak Al-marhum Long Junos itu. Maka boleh banyak-lah rapasan<sup>214</sup> daripada Yang Di-Pertuan Kelantan kerana Yang Di-Pertuan Kelantan lari undor itu tiada compat hendak bawa' harta benda hanya ambil mana yang komas<sup>215</sup> sahaja. Maka tatkala sudah kemonangan itu, masing2 pun bermostharat pula, "Negeri masa itu tiada-lah beraja2 lagi, siapa-lah yang patut hendak angkat naik menjadi raja daripada segala adek beradik anak Al-marhum Long Junos itu?" Maka lalu di-jawab oleh Long Muhammad, "Ayahanda Engku Keluchor-lah yang patut jadi raja-nya." Maka pada ketika itu ramai2 tiada menjawab melainkan Raja Long Jonal-lah menjawab-nya perkataan itu, kata-nya, "Jikalau ayahanda Keluchor menjadi raja, perhamba tidak mau nembah, baik korat tangan hamba ini." Maka di-tanya pula, "Jikalau sa-bagitu, siapa pulak yang suka menjadi raja pada masa sekarang ini, mana-lah yang berkenan oleh raja2 itu?" Maka lalu jawab Long Jonal itu, "Abang Long Muhammad-lah adek berkenan menjadi raja." Lalu di-tanya-lah akan raja2-nya, maka raja ramai2

pun berkenan kepada Long Muhammed itu menjadi raja pada masa sekarang. Maka di-angkat di-golarkan Long Muhammed itu Raja Kelantan dan Long Jenal itu menjadi Mendahara<sup>216</sup> dan Long Tan itu menjadi Raja Temonggong dan Long Bongsu menjadi Raja Muda, masing2 pun borgeler-lah seperti yang tersebut itu semua-nya; maka memerentah negori Kelantan ini dengan sempurna-nya.

Maka di-dalam hal yang demikian itu, tiada borapa lama-nya, maka di-chotorakan pula kesah Raja Terengganu. Sa-bermula maka tersebut-lah perkataan yang Di-Pertuan Terengganu yang berjanggut itu menyuruh utusan pergi ka-negori Potani / mendapat raja yang memerentah di-dalam negori pada masa itu, bernama Datu Pongkalan.<sup>217</sup> Ia-lah yang memerentah negori Potani pada masa itu. Maka maksud Yang Di-Pertuan Terengganu yang berjanggut itu hendak minta' tolong bantu orang Terengganu, ia-itu Yang Di-Pertuan Kelantan, anak,<sup>218</sup> kerana ia sudah kalah musoh<sup>219</sup> dengan orang Kelantan itu. Maka Datu pun sanggup-lah hendak tolong bantu sa-balih<sup>220</sup> orang Terengganu itu. Maka tatkala itu utusan Raja Terengganu pun membuat surat perjanjian dengan Datu Pongkalan, raja negori Potani itu, sa-kian sa-kat<sup>221</sup> hari-nya bori sempai ka-negori Kelantan kerana Yang Di-Pertuan Kelantan hendak langgar semulai pula. Maka utusan pun balik-lah persombah kepada raja, Yang Di-Pertuan Janggut itu, Raja Potani sudah sanggup sa-kian hari hendak borangkat ka-negori Kelantan itu. Maka Yang Di-Pertuan Terengganu (n)<sup>222</sup> menyuruh orang besar2 pun bersiap hendak langgar Raja Kelantan, ia-itu Raja Long Muhammed itu. Maka orang besar2 dan hulubalang pahlawan dan ra'yat sakor pun bersimpan siap-lah semua-nya hari yang di-janji oleh Raja Potani,

Datu Pongkalan itu. Maka Yang Di-Pertuan Kelantan pun langgar semulai negori Kelantan di-sabelah batik timor dan orang Potani langgar di-sabelah barat. Maka jadi-lah orang Kelantan duduk sama tengah di-antara dua pihak itu. Maka sampai perjanjian itu, maka Raja Terengganu dengan sakalian rakyat2 dan pahlawan pun sampai-lah ka-negori Kelantan dan Raja Potani pun sampai-lah ka-negori Kelantan dengan sakalian balentara-nya. Maka tatkala itu borlanggaran2-lah orang Terengganu sa-selatan timor dan orang Potani sa-bolah barat. Maka ramai-lah berperang pada masa itu nesing2 ketumbukan dan bortikam dan sa-tengah orang Kelantan belawan<sup>223</sup> dengan orang Terengganu / dan sa-tengah orang Kelantan berlawan dengan orang Potani. Maka jadi-lah borkapit orang Potani, maka orang Kelantan sama tengah. Maka bortikam pada masa itu terlalu besar-lah perang-nya. Maka tiada daya dan upaya-lah sa-bolah orang Kelantan hendak molevan lagi kerana dua lawan dengan satu lawan, jika lau satu sama satu tentu-lah mo(bon)ong orang Kelantan. Ini apa-lah hendak di-katakan lagi malainkan undor lari-lah sa-bolah orang Kelantan mudok ka-hulu berhenti dalam Sungai Kuala Nai.<sup>224</sup> Maka negori Kelantan sa-bolah Kuala boleh ka ada Yang Di-Pertuan Kelantan pula, porontah ia, menjadi raja pada masa itu memerintah di-sabelah Kuala Kelantan. Tanda berapa lama-nya lalu di-langgar oleh Raja Kelantan ia-itu Raja Long Muhammad pula.

Al-kosah maka tersebut Raja Long Muhammad dan adok beradok itu lari pergi dudok dalam Sungai Nai itu. Sa-kalian rakyat sakar-nya bermesuarat-lah sakalian itu. Maka tatkala putus mesuarat itu, lalu di-curoh Raja Tomonggong mudok pergi ka-hulu

Calas<sup>225</sup> pergi muafakat dengan China. Calas itu minta' ia tolong bantu sakalian adok beradok itu, ia hendak langgar Yang Di-Pertuan Kelantan semulai (pula) serta suruh Raja Tomonggong itu buat janji dengan orang China. Calas itu apakah no(bo)nang hendak menbenarkan kapada China. Calas itu merampas<sup>226</sup> tiga hari berturut2 kerana pada masa itu di-Calas banyak orang2 China.

Maka putus-lah mesyuarat itu lalu Raja Tomonggong pun berangkat mudok-lah ka-dalam Calas itu. Maka tiada berapa lama-nya lalu sampai-lah ka-dalam Sungai Calas itu lalu pergi berjumpa-lah dengan Kapitan China itu, serta Raja Tomonggong pun berkhabar-

<sup>57</sup> hal ia di-suroh / oleh Raja Kelantan itu mari muafakat dengan China2 deerah Calas ini hendak suruh bantu-nya itu. Maka lalu Kapitan China pun muafakat-lah dengan China2 itu. Maka suka-lah semua-nya menolong raja-nya itu lalu Raja Tomonggong pun ajak China2 sakalian itu hilir sa-lalu mendapat Raja Long Muhammad itu. Maka sakalian China2 pun hilir-lah ka-Kuala Kel itu masuk mengadap Raja Long Muhammad itu serta di-buat janjinya oleh Raja Muhammad itu sa-kian hari hendak hilir langgar.

Maka sampai hari yang baik lalu Raja dan sakalian orang2 China pun hilir-lah sa-belah matahari jatoh sungai besar<sup>227</sup> dan orang Melayu hilir sa-belah matahari naik sungai besar. Maka hilir-lah semua-nya, Melayu, China, sampai ka-tengah negeri lalu perong-lah terlalu besar-nya, orang Melayu dengan orang Terengganu, orang China berlawan dengan orang Petani. Maka perong itu banyak-lah mati sa-belah jemolah-nya, akan tetapi banyak sa-belah orang Terengganu, Petani, sebab ia orang tiada berapa tahu. Maka perong itu sangat-lah dahsyad-nya,<sup>228</sup> orang

Terengganu dan Potani itu, lalu orang Terengganu pun lari balik akan Terengganu, orang Potani lari balik akan Potani. Maka mo(ben)ang sa-balih orang Kelantan dan orang2 China pun morampas-lah; chukup tiga hari berhenti-lah rampas-nya. Maka Raja Muhammad pun tontap-lah jadi raja pula di-negeri Kelantan ini beberapa lama-nya. Maka Yang Di-Pertuan Janggut hendak langgar sondiri, lalu di-bori surat kepada Raja Kelantan menyatakan ia hendak langgar negeri Kelantan. Maka Raja pun berkorah, di-siapi hubu<sup>229</sup> nana2 tempat hendak datang itu hingga sampai akan Bukit Yong<sup>230</sup> pergi buat hubu itu. Maka Raja Kelantan pun menanti-lah orang hendak datang itu.

Al-kosah tersebut-lah Raja Terengganu berjanggut itu berkorah ra'yut tentara semua-nya naik perahu belayar mari sampai di-Kuala Besut.<sup>231</sup> / Maka Yang Di-Pertuan Janggut pun masuk ka-dalam Besut menanti berhimpun ra'yut tentara serta korah ra'yut dalam Besut itu. Tiba2 datang orang bawa' surat Yang Di-Pertuan Janggut, kata-nya Tongku Puteri Dulun sakit sangat hampir mati. Maka Yang Di-Pertuan Janggut jadi-lah cerba salah, tidak balik takut istori yang domikien itu kerana ia dapat lobosaran kerajaan pun dengan sebab pemberian ayahandanya-nya. Maka Yang Di-Pertuan Janggut pun belayar-lah, tiada jadi melanggar itu dan segala perahu-nya pun balik-lah masing2 haluan menuju rumah tempat sondiri. Kemudian berapa2 orang Kelantan menanti tiada sampai orang Terengganu, lalu di-suruh orang Mihat. Maka orang itu pergi ka-Besut, lihat tiada orang Terengganu itu, lalu bertanya orang Besut itu. Kata-nya, "Yang Di-Pertuan tidak jadi masuk Kelantan sebab orang mari bawa' surat Tongku Puteri Dulun sakit

sangat, itu-lah sebab tiada boloh hendak masuk Kelantan." Maka orang itu pun balik persembah khabar domikien itu. Maka Raja Kelantan berhimpun segala adok beradok semua-nya, Raja Bendahara, Temonggong, Raja Muda Kampong Laut, dan Engku Dulit, dan Syed Ja'far, dan Pa' Wan Mahmud, dan Wan Sulaiman, To' Tongulu Latif, Dato' Nekong,<sup>232</sup> dudok berneshuarat ramai<sup>2</sup>. Kata-nya, "Apa kesahan kita ini sekiranya, awal<sup>2</sup> satu negeri Terengganu sahaja, ini jadi dua, negeri Potani pula. Kita sa-orang lawan hadapan bolak-balik; tiada siapa<sup>2</sup> boloh kita pernahnya<sup>233</sup> pada-nya. Jika domikien, baik-lah kita kirim tubuh kita sakalian ini kapada negeri luar supaya boleh kuat sadikit, jangan bori orang negeri Terengganu, Potani, buat mudah di atas kita." Maka ramai<sup>2</sup> semua pun seperti binchara<sup>234</sup> domikien itu. Maka iaitu Raja Kelantan pun suruh Pa' Wan Mahmud buat surat seperti kehendak yang di-binchara-nya itu. Maka Pa' Wan Mahmud pun buat surat itu. / Sa-telah sudah buat, surat itu pun di-persembah ka-bawah Raja. Maka tatkala dengar bunyi-nya di-dalam surat itu: "Ini-lah di-surat daripada perhamba Raja Long Muhammad, kerajaan negeri Kelantan, masuk mari persembah ma'lum ka-bawah dul<sup>1</sup> Chukon Pia Sit Sakrat Chatdi Dicchu Chir Mahir Suria Publi Upi Firi Dura Kerumpahak Bang Nebla Sikat<sup>235</sup> pokeraan negeri Longgor Ras Timrat.<sup>236</sup> Ehwal, maka di-persembah ma'lum ka-bawah dul<sup>1</sup> Chukon fasal perhamba dengan kaum adok kake<sup>1</sup> situan kerunkan<sup>237</sup> rakyat isi negeri Kelantan telah perhamba bersoroh ka-bawah dul<sup>1</sup> Chukon hendak kirim tubuh sambil ka-bawah dul<sup>1</sup> Chukon di-sini, manapun pokeraan ka-bawah dul<sup>1</sup> perhamba hendak kerjakan, manapun yang patut dengan perhamba, kerana tiada-lah

tempat borkirim diri perhamba malainkan yang nampa' pada hati  
 perhamba ka-bawah duli Chukon yang boloh tolong menolong  
 perhamba. Wassalam. Maka sekarang boloh siapi emas urai<sup>238</sup>  
 berat 10 tahil dan chinchin bunga anyior<sup>239</sup> 10 urat<sup>240</sup> dan kain  
 putch 10 kayu, suroh bori Enche' Wan dan satu2 bawa' masok nari  
 persembah, sementara ini-lah perhamba ma'lunkan ka-bawah duli  
 Chukon boloh Chukon terima-nya. Harap-lah ampun beribuu2 ampun.  
 Ehwal, itu-lah perhamba ma'lum, adu-nya." Maka tatkala sudah  
 surat itu, di-suroh utusan 4 orang yang membawa' surat menjadi  
 utusan; sebab itu-lah hingga sampai sekarang utusan masok akan  
 Siam dengan pekerjaan yang besar2 itu dengan 4 orang (sampai  
 pada masa ini). Maka utusan 4 itu pun terima-lah surat serta  
 bekasan<sup>241</sup> yang tersebut itu serta bersohor menjujung duli  
 ka-bawah Imaus. Raja pun bahagi kurnia persiap akan utusan; itu-  
 lah jadi 'edat utusan sa-bolah kita, suroh-nya orang mori  
 kepada kita, kona-lah persalin ikut 'edat orang itu. Maka  
 utusan 4 itu pun turun ka-perahu bolayar. Tiada berapa lama  
 sampai-lah ka-negeri Longgor. Maka orang negeri Longgor pun  
 samput-lah surat/itu bawa' masok mengadap persembah ka-bawah  
 duli Chukon. Maka di-suroh jerubahasa salin<sup>242</sup> chara Siam surat  
 itu lalu di-bacha domikian buniyi-nya surat itu. Maka Chukon  
 Longgor pun sangat2 kesukaan-nya boroloh ra'yat, kedapatan tiada  
 susah sa-suctu. Maka titah-nya, "Fasal maksud Raja Kelantan ini,  
 bawa' masok sembah ka-bawah duli Perat Somidit Peraju Kelua<sup>243</sup>  
 ia-itu Raja Demua Siam-lah baharu sempurna dan boroloh ketuaan<sup>244</sup>  
 atas negeri Kelantan. Jangan-lah bimbang hati lagi." Maka Chukon  
 Longgor pun bawa' masok-lah ka-bomua Siam, persembah ka-bawah

duli itu. Maka Raja Maha Besar pun terima-lah hendak menolong dengan segala perkara yang Raja Kelantan koto'tan<sup>245</sup> itu. Lalu Raja Maha Besar pun kurnia nama Pia Pipit Pakdi Sori Sultan Muhammad Ratna Muchit Sitar Santuan Soru Dura Wirbu Wangsa Pia Kelantan,<sup>246</sup> ikut nama Melayu Long Muhammad itu, sorta di-kurnia samrat<sup>247</sup> persalin jadi raja, perkakas omas, kontor,<sup>248</sup> kondi,<sup>249</sup> bekas sirih, chukup perkakas anak2-nya,<sup>250</sup> dan kain baju, saputangan<sup>251</sup> bortopi omas, kurnia hantar keluar ka-negeri Lenggor. Maka Chukon bersiap bersama2 keluar kapada Raja Kelantan, banyak perkakas2, pal,<sup>252</sup> anak kasa,<sup>253</sup> batilis,<sup>254</sup> chukup semua-nya. Maka utusan 4 orang itu pun Raja Lenggor bori orang bersama2 hantar keluar negeri. Maka utusan pun bolayar-lah balok.

Tiada borapa lama-nya, maka sampai-lah ka-negeri Kelantan. Maka Raja Kelantan bersiap sambut surat Raja Maha Besar yang berkurnia (itu) borgelaran nama Raja Kelantan itu. Maka belara' dengan tunggol2 China, Melayu, lombing borpayong 2 borapit dengan surat itu, terlalu romai-nya belara'. Sampai ka-dalam kota bawa' naik ka atas balai, lontak atas pal besar dua lapis, lalu di-bacha surat itu, mendengar semua-nya. Maka tatkala sudah bacha itu berangkat masuk ka-dalam istana dan masing2 pun balok ka-rumah-nya. Maka pada masa itu tiada siapa2, negeri Terengganu, Poteri, pun nonchari jalan. Maka Kang Di-Portuan Janggut Terengganu pun berasa takut kepada Raja Kelantan di-aku oleh orang Siam itu. Maka Raja Terengganu pun buat surat menyuruh masuk akan Singgora<sup>255</sup> hendak / menupang kirin diri-nya. Maka Raja Singgora bawa' hantar ka-bonus Siam kapada Raja Maha Besar.

Maka jadi-lah Kelantan, Terengganu, sama sa-tuan penghulu masing2. Maka pada masa itu tiada-lah siapa2 berani lagi membuat pergaduhan. Maka pada masa itu Kelantan, Terengganu, buat Janji hantar bunga emas tiga tahun sa-kali hantar-nya.

Al-hosah maka tersebut perkataan Raja Negeri Potani muafakat hendak derhalma kepada Raja Siam, masok balek negeri2 sama Potani molevan Raja Negeri Singgora. Maka banyak-lah orang masok perang molevan sabil dengan Siam hingga tiada tahu orang2 Singgora banyak tewas perangan-nya. Maka orang Singgora minta portolongan kepada Naha Besar. Maka Raja Naha Besar suruh orang negeri Lenggor maril bantu perang itu. Maka tatkala sampai orang negeri Lenggor masok perang itu, jadi kuat-lah lagi, pandai membedil, dan berani bertikam, lalu-lah kalah orang Potani. Maka Raja Potani lari akar Kelantan. Maka orang Siam pun turut maril ka-dalam negeri Kelantan minta ambil Raja Potani bawa balek ka-bonua Siam. Maka Raja Kelantan kena salah adat masok sama orang derhalma. Maka Raja Kelantan kena bayar perak tiga puluh ribu. Itu-lah kesalahan masok sama dengan orang derhalma itu. Maka lepas daripada itu senang-lah.

Ada pun di-chetora oleh orang yang empunya chetora, Raja Kelantan berapa lama tiada boleh anak dan Raja Bandahara boleh anak laki2 berapa orang, wallahu a'lam; yang ada mashhor Tuan Bulat jadi Raja Dalat<sup>256</sup> Potani dan Tuan Tengah duduk di-Tumpat.<sup>257</sup> Raja Tomonegong banyak beroleh anak laki [~~laki~~] dan perempuan; yang mashhor itu Raja Penambang dan yang jadi Tengku Seri Indera dan Raja Long Sonik Mulut Morah dan Tuan Bongsu (yang laki2 dan perempuan). Maka anak Raja Tomonegong, Tuan Sonik Mulut Morah

itu, Raja Kelantan ambil buat anak angkat. Maka Raja Bondahara sangat2 monaroh dongki kepada Raja Temenggong sebab Raja  
 62 Kolantan kasih kepada anak-nya<sup>258</sup> / dan dengan Raja Nuda pun  
 tiada berbotulan sangat2. Maka Raja Bondahara upah orang China  
 Galas suruh buat<sup>259</sup> Raja Temenggong. Maka Raja Temenggong  
 memegang tanah Galas itu. Maka ada pada satu hari Raja Temenggong  
 mudok pergi ka-Hulu Galas dengan ada pokorjaan, maka datang  
 orang China itu buat Raja Temenggong serta di-bakar mayat. Maka  
 orang Konal Temenggong itu gigi bortatah cuas. Itu-lah bolch  
 Konal, lalu di-bawa' hilir di-kuburkan. Maka hal pokorjaan itu,  
 Raja Bondahara mengupah orang China itu. Maka Raja Kelantan  
 suruh orang2 mudok tangkap segala orang2 China yang membuat itu.  
 Maka orang2 pun mudok pergi tangkap, ambil sesua-nya China  
 dorhaka itu di-tambat dua2 satu.<sup>260</sup> Berapa banyak China kena  
 tangkap, bawa' hilir serta poroksa, di-bunuh habis China itu  
 hingga ikan di-dalam sungai pun tiada bolch hondak sebab  
 banyak bertemu kuku<sup>261</sup> di-dalam porut ikan itu. Maka sudah  
 dapat ketahui Raja Bondahara mengupah orang China itu bunuh  
 Raja Temenggong itu, maka lalu Raja Kelantan suruh orang2,  
 dato'2, dan penghulu2, borkira hambat koluar nogeri Raja  
 Bondahara, tiada bori dudok dalam nogeri Kelantan. Maka Raja  
 Bondahara hilir pergi berhenti di-Kuala Tampang,<sup>262</sup> tiada naun  
 koluar. Maka berapa orang2 nasihat tiada naun juga' hilir. Maka  
 orang mudok sambil kapada raja nogeri hal yang domikian itu.  
 Maka sabda-nya, "Jika tiada naun juga' koluar suruh tombak dengan  
 bodil." Maka orang2 bawa' hilir segala bela2 Konchi,<sup>263</sup> hendak  
 bodil, baharu-lah ia koluar belayar pergi akan Kuala Menara.<sup>264</sup>

Sobab sangat2 Raja Kelantan itu kasoh anak2 Raja Temenggong itu, terlebih kasoh itu kepada Tuan Senik Mulut Merah sa-hingga membuat surat pergi kirim kepada Lenggor minta' tolong, komudian daripada-nya bori boloh Tuan Senik Mulut Merah menjadi raja negori Kelantan ini. Berapa lama-nya / Raja Kelantan pun jatoh borasa sakit, maka orang pun tahu kata Raja Kelantan sakit itu dan Raja Bondahara pun balok masok berjumpa dengan raja negori sakit itu. Maka datang takdir Allah sampai hukum kembali ka-rahmattullah. Maka berhimpunlah segala anak saudara-nya dan lain2 semua-nya membuat usongan perarakan jinazah itu. Sa-telah sudah lalu belara' pergi ka-nakam Langgar itu. Sa-telah sudah di-kuburkan lalu Raja Bondahara naik-lah menjadi Raja Kelantan dan Raja Bukit jadi Raja Muda. Maka perion<sup>265</sup> bunga emas pun sampai lalu membuat bunga emas bunga perak, di-buat sa-lalu, suroh Hik Kochi' yang jadi Dato' Bija Di-Raja Banglavan<sup>266</sup> bawa' masok akan Bangko' itu.

Maka Tuan Senik Mulut Merah ada unafakat adok beradok rombut<sup>267</sup> Langgar ambil kota kerajaan-nya, lalu musoh bodii bertikan nonikan. Berapa lama-nya orang dua (dalam) di-dalam kota kekurangan ubat poluru, di-tembak, Lenggar, bodii, tikum nonikan, terlalu-lah besar. Maka Raja Bondara<sup>268</sup> pun undor lari, tinggal kota itu dapat akan Tuan Senik Mulut Merah. Raja Muda Bukit pun undor pergi bertahan di-Bukit Mara' itu dan Raja Bondahara lari keluar negori sa-lalu dengan anak2, sa-tongah noninggal di-dalam negori. Maka Raja Long Bongsu dengan Engku Limbat di-suroh turut Raja Bukit di-Bukit Mara'. Maka ramai-lah orang2 bertikan di-Padang Rombukan<sup>269</sup> sampai Engku Limbat luka.

Maka berapa lama Raja Long Bongsu sangat cherdik bertilam misoh itu dan Raja Dukit berani sangat. Maka berapa lama-lah juga', Raja Nuda Dukit undor lari keluar negori pergi dudok akan Sungai Kemasiik,<sup>270</sup> ta'lok negori Terengganu. Maka tatkala perang itu selesai, maka Raja Tuan Sonik pun buat surat persembah masok akan negori Longgor fasal negeri Kelantan sudah dapat kapada-nya. Maka Raja Longgor suruh Tuan Bongsu masok akan / Bangku' mengada [p]<sup>271</sup> Raja Maha Besar. Maka lalu Raja Tuan Sonik pun menyuruh-lah Tuan Bongsu masok mengadap (mengada) Raja Maha Besar itu. Maka Tuan Bongsu belayar-lah masok ka-bonua Siam. Berapa lama-nya la[lu] sampai-lah masok mengadap ka-baweh duli Raja Besar yang bernama Cha Krum<sup>272</sup> bergolar Parbat Somedit Peropan Meluju Yohua.<sup>273</sup> Maka lalu Raja Besar pun buat surat nama golar Tuan Sonik satu dan golar nama Raja Penambang satu dan nama Engku Seri Indra satu dan Tuan Bongsu satu dengan surat tora perkunjir<sup>274</sup> sa-puchok bersama2 sorta perkakas kotor, kondi, bekas sirih, dengan (dengan) sa-longkay-nya, masing [-masing] taraf-nya,<sup>275</sup> kain baju. Maka lalu Tuan Bongsu pun terima kurnia lalu bermohon balok ka-negori Kelantan. Maka Tuan Bongsu pun sampai-lah ka-negori Kelantan. Maka Tuan Sonik Raja Kelantan sambut surat tora itu dengan surat soniabat<sup>276</sup> nama gelaran semua-nya.

Maka kapada hari yang baik ketika pun sulah molok, maka sambut bolara' dengan tungkol panji2 bedil lembing dengan tempek sora' dan orang yang membawa' surat itu memakai totarpan<sup>277</sup> pucha<sup>278</sup> berumbai2 lagi borpayong putih kuning morai borapit. Maka bolara' itu terlalu ramai bunyi-nya. Maka tatkala sampai

ka-dalam kota bawa' naik ka atas bolai di-lenta' di-ates pal  
 besar bersusun dua lapis itu, lalu masuk orang membacah surat  
 itu, tersebut di-dalamnya ka-bawah duli Maharaja Kurnia gelaran  
 nama Tuan Senik Pia Pipit Pakdi Seri Sultan Muhamad Ratna  
 Muchit Siti Santun Dua Bahdiengsa Pia Kolantan<sup>279</sup> dan Raja  
 Penambang jadi Pia Chopuan,<sup>280</sup> orang tua2 lihat negori Kolantan,  
 dan Tengku Seri Indra menolong pokorjaan negori Kolantan dan  
 Tuan Bongsu angkat jadi Raja Muda yang menolong pokorjaan  
 bersama2 negori Kolantan dan serta dengan / samrat perkakas  
 kerajaan sorab<sup>281</sup> emas dan persalin kain baju saputangan, dan  
 masing2 nama yang di-golar itu. Maka masing2 pun monorina-lah  
 persalin itu. Maka negori Kolantan pun senang-lah sabetar<sup>282</sup>  
 itu. Maka orang binchara-nya pertama Engku Limbat bergelar Engku  
 Pordena Montori, dan (dan) Syed Ja'far golar Engku Hakim,  
 Pa' Nik Jid, Pa' Nik Ya, di-bawah itu Wan Samad<sup>283</sup> dan Encho'  
 Ahmad, Pa' Wan Sup dan Ponghulu Senik.<sup>284</sup>

Maka tiada borapa lama, di-cheternakan orang empuanya  
 chetora, ada sa-orang nama Awan Chit.<sup>285</sup> Maka orang jahat  
 penjurit<sup>286</sup> besar jadi budak<sup>287</sup> Pia Chopuan, Raja Penambang, itu.  
 Maka Awan Chit itu pergi churi harta orang Teronggaru nama  
 Nakhoda 'Isa, tupang bawa' naik taroh di-rumah Nik Jid. Pada  
 masa itu Nik Jid ta'da<sup>288</sup> di-rumah. Banyak harta ada se-ribu  
 ringgit, Maka Awan Chit churi naik masuk ikut bawah (di-)rumah  
 chokoh later papar<sup>289</sup> lalu ambil semua-nya. Maka Nik Jid balok  
 chari, berjumpa, tahu Awan Chit-lah churi-nya, lalu di-sebah  
 kapada Raja Kolantan sah dengan terang-nya. Maka Raja pun curoh  
 orang chari tangkap ambil Awan Chit itu, lalu dapat Awan Chit

itu di-pasong rantai lalu malam osok hendak poroksa. Maka malam itu Raja Penambang suroh orang besar dengan kawan2 ra'yat porgi rombak chabut pasong Avan Chit bawa' teribit. Maka Avan Chit pun torlopas, lalu orang2 itu persombah kepada Raja, semua-nya orang2 Raja Panambang yang membuat pekerjaan itu. Lalu Raja pun suroh orang porgi tangkap orang2 itu, dapat tangkap lalu dibuboh di-dalam ponjara. Maka Raja Penambang pun marah-lah lalu di-suroh ra'yat2 membuat kachau berkolahi tidak anirah<sup>290</sup> kapada Raja Kelantan. Maka jadi huruhara-lah negori Kelantan pada masa itu / hingga bertikam di-kedai dan lain2, hingga sampai ~~jeoden~~  
Ponghulu Ngah, bapa' Maha Montori itu, di-tikam oleh Raja Penambang sendiri. Maka ka-bawah Iaus Raja pun buat surat sinarai<sup>291</sup> sakalian perbuatan-nya per[on]tahan<sup>292</sup> Raja Penambang sorta surat persombah masuk porgi kapada Raja Longgor. Maka Raja Longgor jawab, "Tidak apa-lah fasal itu, aku toleng Raja Kelantan sa-boloh2." Maka di-dalam hal yang demikian itu bertambah huruhara, makin sa-hari bertambah. Maka antara itu hantar masuk surat sinarai perbuatan orang Penambang, raja-nya. Maka balas surat titah Raja Longgor, "Hendak-lah Pia Kelantan sabar2, jangan susah hati, aku toleng Pia Kelantan sa-boloh2; maka aku lekat sa-hekai sa-pigang<sup>293</sup> pun aku rodha toleng menolong, bori dapat Pia Kelantan perentah sa-orang negori Kelantan itu." Maka orang sa-boloh orang Raja Penambang tidak ketahui fasal itu. Demikian selang sa-hari dua hari bertikam di-mana2 tempat yang bertemu antara kedua-nya, maka dalam hal yang demikian tiba2 kedongaran-lah kata orang Siam Raja Chabya<sup>294</sup> dan Pia Sangha.<sup>295</sup> Montori Longgor ada sampai akan Petani hendak

mari ka-negeri Kolantan. Maka baharu-lah berhonti huruhara<sup>296</sup> itu. Tiada borapa hari lama-nya, Raja Chahya dengan Pia Sangha Montori pun sampai di-sambut naik ka-dalam kota, boleh perbuat rumah chukup genap. Maka Raja Chahya pun naik ka-rumah dalam kota yang di-perbuat itu dengan Pia Sangha Montori Longgor itu. Maka Raja Chahya bawa' surat dua puchok, sa-puchok surat mari ambil Tuan Besar Kampong Laut bawa' pergi monjadi raja negeri Potani karana Raja Potani alah musoh,<sup>297</sup> tangkap bawa' ka-Siam itu, jadi negeri Potani bolum ada raja lagi, dan sa-puchok surat Raja Chahya dengan Pia Sangha Montori mari tuntut<sup>298</sup> lihat negeri Kolantan tolong ajar tegor karana Raja Kolantan orang muda, Pia Chopuan boleh kotakui sama2 (boleh) ada-nya.

67 Maka Raja Kolantan siapi sambut surat tora / dua puchok itu balora' bagaimana 'adat sambut surat itu dan surat pun sudah bacha somua-nya.

Shahadan, maka Tuan Besar pun bichara-lah hondak pergi ka-Potani dengan ra'yat2 hondak monurut raja-nya. Sa-tengah tidak maun monurut, maka jadi borhicab-lah,<sup>299</sup> di-mana2 orang yang mongikut raja-nya di-buat montori sinarai nana bolaka. Maka Raja Tuan Besar pun hilir-lah sorta ra'yat2-nya dudok monanti orang2 itu mari ka-pasir Pulau Kerbau.<sup>300</sup> Mana2 yang ada botul nama di-dalam daftar sinarai itu di-lopas hilir pergi, dan mana yang tidak botul nama orang itu daftar sinarai itu di-pogang,<sup>301</sup> taroh tiada beri pergi. Itu pun monjadi haruhara juga orang yang mongikut, sa-tengah atas sa-tengah. Maka tatkala colocai somua-nya baharu-lah senang orang yang momogang pokorjaan negeri itu. Maka Raja Chahya pun dudok-lah binchara mana2 terlekat di-hati,

tiada puas sobab haruhara itu. Maka banyak-lah orang berguan<sup>302</sup> itu, akan tetapi-nya jika orang Raja sa-bolah berlawan dengan orang sa-bolah Raja Penambang, nipis sa-bolah Raja. Sobab itu-lah Raja Penambang tiada ketahui apa2 hendak jadi, akan tetapi-nya sakalian rusia,<sup>303</sup> Raja Kelantan tahu semua-nya. Maka jadi-lah Raja Penambang suar hati,<sup>304</sup> jadi bobas mari borkata2 dengan Raja Chahya dan Pia Sangha Monitori, tiada khabar akan jadi bagaimana. Kira2 berapa lama sa-kat ia hendak ambil Raja Penambang itu di-royat kepada Raja Kelantan, "Malam sekarang-lah akan hendak ambil Raja Penambang itu, kira2 ada waktu jam pulok 8." Maka Raja Chahya suruh orang pergi panggil, Raja Penambang pun datang-lah, masuk dua tiga orang sahaja; 'adat, orang ramai tiada boloh masuk, tinggal di-luar pintu menunggu koris lembing raja itu. Maka tatkala sampai Raja Penambang ka-balai lalu Raja Chahya pun tegor dengan manis mulut borkata2, jadi suka hati Raja Penambang. Maka dudok-lah borkata2 borgurau sonda hingga / sampai tengah malam. Maka titah Raja Chahya, kata, "Baik Pia Chopuang pergi dudok songong<sup>305</sup> di-rumah dekat itu, bori hilang panas, sekarang boloh (boloh) kita borchangkap<sup>306</sup> pula." Maka Raja Penambang pun pergi-lah naik ka-rumah itu sorta dudok borchangkap2 tiada khabarkan diri-nya karena orang Raja Chahya itu buat hormat kapada-nya, pada hal pintu kota sudah buboh serandang<sup>307</sup> dengan kukuh dan orang yang menunggu koris lembing semua habis kona tangkap bawa' turun ka-poraku-nya. Dan Raja Kelantan, di-lokong (di-)rumah Tunku Sori Indra karena Raja Kelantan panggil ia tiada maun mengadap itu, hingga sampai Raja Kelantan suruh ambil bedil btor sa-keliling kampong itu. Maka

datang Pia Sangha Menteri dengan usongan dan polita di-hadapan porgi sampai dekat Raja Kelantan lalu bertintah, "Apa buat saporti ini, tiada patut." Jawab Raja Kelantan, "Patok kerja ikut titah dalam surat ka-bawah duli bawa' akan patok." Lalu Pia Sangha Menteri pun porgi ka-dalam kampong masuk ka-dalam rumah lalu di-ambil Tengku Seri Indora buboh dalam pengusongan, bawa' toribit porgi akan rumah-nya. Maka Raja Kelantan undor ka-lain balok ka-rumah. Itu-lah hal-nya Raja Ponambang, esok pagi ada pukol 7 Raja Chahya suruh orang porgi ka-rumah Raja Ponambang suruh bawa' hantar nasi' kepada Raja Ponambang. Maka orang pun hantar-lah. Maka baru tahu-lah Raja Ponambang ia kena pogang itu. Maka hendak bawa' Tengku Seri Indora dan Raja Muda; maka Raja Muda sendiri porgi minta' tiada benar hendak bawa' bersama2 Raja Ponambang dan, "Fasal raja patok harap balok, dan Tengku Seri Indora pun jika ka-bawah duli boleh, suruh buat akuan hendak melalukan porangai yang baik pun perhamba terima-lah sama2 patok." Maka Raja Chahya panggil Raja Muda, Tengku Seri Indora, sampai anak gundok Encho' Mc'Liang;<sup>308</sup> pada masa itu membuat akuan tiada hendak jalan pekerjaan yang jahat hendak molaku porangai yang baik dengan Raja / dan ra'yat negori ini. Maka Raja terima-lah kedua sama. Maka Raja Chahya bawa'-lah turun Raja Ponambang itu ka-porahu yang di-siap i hendak bawa' hilir ka-laut. Maka takkola hendak bawa' turun tiada-lah orang2 Melayu porgi dekat molainkan segala orang Siam semua-nya penoh sesak. Raja Ponambang sama tongah, orang Siam himpit tuboh tiada lagi tinggal. Maka takkola sampai ka-porahu itu maka Raja [Ponambang] di-buboh dalam kurun<sup>309</sup> porahu dan orang Siam borhimpit2 tiada boloh choloh lagi

lalu bawa' hilir sa-lalu, teribit Kuala, naik atas perahu habis dengan anak istori hamba sahaya-nya, dan pegawai menurut di-bolakang itu. Maka bawa' masuk ka-benua Siam mengadap Maharaja Besar serta bertitah suruh bawa' hilir duduk di-negeri Longgor. Maka Raja Penambang pun Raja Longgor tarch sa-kampong tempat suku dengan orang2 tiada iherchampur ada-nya.

Maka tersebutlah dalam Kolantan tatkala solesai Raja Penambang sudah bawa' ka-Siam, maka Raja Kolantan pun moshuarat dengan hakim Syed Ja'far dan Engku Pordana Mentori Limbat dan Engku Sala dan Nik Jid, Nik Ya, To' Menggat<sup>310</sup> Mahkota, mongatorkan isti'adat sakalian. Maka negeri Kolantan pun sempurna-lah. Raja Kolantan banyak menurut hakim<sup>311</sup> Allah - *walay* menchuri hukum dengan hakim Allah potong tangan, dan bunoh di-bunoh balas. Ada sa-tengah yang laka<sup>312</sup> patut di-kicas<sup>313</sup> dan patut [do]nda<sup>314</sup> mengikut hukum Allah. Itu-lah hukum Kolantan daripada Raja dahulu sorta lantarkan kadhi dan Tuan 'Abdul Rahman Muda, anak Pa' Wan Othman, chunciu<sup>315</sup> To' Wan Ramat, jadi mufti, dan Syed Ja'far hakim; Nik Jid, Nik Ya, jadi kelengkap<sup>316</sup> hakim, Wan 'Abdul Kadir jadi somion.

Maka anak Raja, Tuan Sulong, itu pun besar-lah. Maka Raja Kolantan borkira2 hendak bersunat Tuan Sulong itu. Maka Raja pun monyuroh-lah orang membuat perkates hendak bekerja itu semua-nya. Maka tatkala sampai hari yang baik dengan ketika-nya, maka Raja suruh / berator-lah; tunggal dahulu berjalan, dan gondong serunai bolakang, bedil senapang bolakang, lombing bolakang, pawai<sup>317</sup> berjalan sahaja dan pawai kain dukong<sup>318</sup> 16 zapis bolakang pawai nombawa' diam<sup>319</sup> onom2, kemudian kotor kondi, bekas sirih,

adat

komudian pedang kerajaan dua2 sa-belah, komudian keris panjang  
 dua2 sa-belah, komudian nemura mo'yong, jogot 'ashok, komudian  
 tukut,<sup>320</sup> nasi' semangat puteh merah kuning, dan tempun<sup>321</sup>  
 semangat dan ayor panchalogam,<sup>322</sup> komudian buram<sup>323</sup> porarakkan  
 lang<sup>324</sup> kompaga<sup>325</sup> Gago<sup>326</sup> Sura<sup>326</sup> nama-nya. Dan anak baik<sup>327</sup>  
 berjalan mengiring kiri kanan empat puluh sa-belah, di-belakang  
 orang bardzikir rebana,<sup>328</sup> komudian ra'yat di-belakang semua-nya.

Lalu banyak orang molihat  
 Borchampor gaur<sup>329</sup> baik dan jahat  
 Ada 'sa-tengah sa-hilat tengah mata molihat  
 Ada lari bordulu<sup>2</sup>  
 Ada ka-hilir ada ka-hulu  
 Tersimpat kaki rembah<sup>330</sup> sa-lalu  
 Molihat orang sangat nalu  
 Orang buta toraba<sup>2</sup>  
 Karana molihat hondak di-chuba  
 Di-tolak orang tangan meraba<sup>2</sup>  
 Lalu terpara<sup>331</sup> ka-dalam roba<sup>332</sup>  
 Jawab orang buta  
 Orang yang tempok<sup>333</sup> ia borkata  
 Kapada sogala orang yang buta  
 Mana<sup>2</sup> ongkau tentu-lah buta  
 Engkau juga' suka orang  
 Sa-bagai mana molihat mahlota  
 Engkau patah anggota  
 Pandai pula mengatalan orang  
 Jilm sampai ka-sana sekarang  
 Engkau-lah juga' di-suka orang  
 Sunggoh engkau buta bagini  
 Berapa orang alii dapat bini  
 Tuboh kuat ka-sana sini  
 Perempuan sulta menjadi bini.

Sa-bormila, orang belara' pun sampai-lah ka-dalam kota  
 lalu bawa' naik di-dalam komajangan<sup>334</sup> serta di-suap<sup>2</sup> nasi'  
 semangat yang berbunga di-pagar tokor<sup>335</sup> itu bagaimana 'adat  
 anak toruna makan semangat. Sa-telah makan lalu berara' turun  
 borkoliling panchapersada, tujoh koliling lalu naik ka atas  
 balai persada hadapan mulut naga. Naka pawai<sup>12</sup> borator  
 borkoliling di-balai itu di-istana dan di-ator empat orang

nomgang podang / borchabut. Maka naga pun menyombor-lah ka-atas balai panchapersada itu. Maka terlalu ramai-lah orang permandi anak raja2 itu, bersombor habis basah kain baju-nya sorta to' bohna pun di-mandi pula dengan ayor-nya mayang nyior. Sudah, maka bohna pun lonor tempong tewar lalu tarek lolompas<sup>336</sup> sorta bersalin kain naik ka-atas balai masok ka-dalam. Maka pokorjaan pun sudah.

Sa-bersama, tiada berapa lama solongan lalu di-pinang anak raja adok kapada Tuan Long Junos Penambang; sudah, lalu bekerja pula borkchwin bagaimana 'adat raja2 itu. Maka anak raja itu pun masok ka-dalam tempat beraduan<sup>337</sup> borgurau sonda laki istori melakukan kesukaan bagaimana 'adat orang baharu berjumpa kekasih-nya.

Al-kosah, maka tersobut perkataan raja negori Potani. Maka Raja Tuan Besar Kampong Laut itu-lah yang lonta' oleh orang Siam menjadi raja negori Potani lagi beripar dengan Raja Kelantan, ia-itu Raja Muda Kelantan. Maka Raja Potani ada anak tiga orang laki2 dan perempuan, wallahu a'lam, berapa2 ada juga'. Maka anak yang [tua] bernama Tuan Putoh, yang tengah bernama Tuan Muda, yang bangsu orang panggil Tuan Bongsu. Maka Raja Potani curoh orang bawa' muri nominang anak Raja Kelantan yang perempuan, nama-nya Engku Chit<sup>338</sup> itu, hendak menjadi<sup>339</sup> dengan anak-nya Tuan Putoh itu. Maka orang membawa surat itu pun sampai ka-negori Kelantan lalu masok mengadap bawa' surat itu sorta persombah ka-bawah haus Raja lalu di-sambut sorta di-buka bache surat itu; tahu-lah kehendak Raja Potani hendak monghubungkan rahim yang dudok jauh itu. Maka Raja pun terima-lah

pinang-nya serta di-balas surat itu. Maka orang penyuroh Raja Potani pun masuk mengadap lalu Raja Kelantan dan Raja Muda pun membori surat balas itu serta dengan bekas pembalasan kepada-nya serta Raja Kelantan dan<sup>340</sup> / (dan) Raja Muda pun borkirim salam dengan semua-nya, Raja Potani laiki isteri, dan domikian lagi posuroh itu pun di-persalin botapa 'edat persalinan. Maka penyuroh pun bermohon-lah ka-porahu lalu belayar.

Tiada berapa lama sampai-lah ka-negeri Potani lalu masuk mengadap Raja Potani. Maka Raja Potani terima serta Saham-lah barang yang di-dalam-nya. Maka sangat2 kesukaan serta Raja Potani pun berangkat masuk dekat Raja Perempuan lalu bersabda, "Alhamdulillah, shukor-lah kita fasal anakanda itu sudah di-terima kehendak kita dengan jelas-nya." Sorta kedua2 pun borkirim salam adok beradok, 'alamat suchi iklas. "Maka yang domikian boleh-lah borsimpan apa2 yang ada dan [yang] tiada boleh di-suroh mengadakan, pada bulan ini-lah kita perci-nya." Maka semua orang bersiap. Maka Raja Potani pun belayar dengan sakalian kelengkapan porahu berpuluhan buah, ra'yat, penghulu yang mongiring Raja Potani laiki isteri membawa' anak, Tuan Putch itu. Maka Raja Potani belayar tiada berapa lama-nya, maka ia pun sampai-lah di-Kuala Kelantan. Maka Raja Kelantan pun menyuroh putera-nya dengan orang baik2 hilir menyambut Raja Potani laiki isteri anak beranak bawa' mudok. Maka anak Raja pun bertemu-lah dengan Raja Potani laiki isteri serta anak-nya lalu menyambut salam dengan kesemuanya serta di-sambut ajak mudok. Maka Raja Potani pun mudok-lah; terlalu ramai porahu Raja Potani, Kelantan, bermimpun mudok sa-kali, tiada-lah meninggal sa-buah porahu pun.

Maka orang2 pun terlalu ramai melihat Raja Potani dengan putera-nya sa-hali dengan anak raja2 Kelantan. Maka lalu di-persilakan naik ka-balai sorta hidangan pun di-angkat orang-lah kapada-nya. Maka selesai daripada makan itu sorta Raja Kelantan bersiap i hondak lenta' kerja / kahwin itu borope lama.

73 Sa-bermula, pada hari ketika pun baik, Raja Kelantan pun memulai lenta' kerja borjaga2 bermain sakalian pormainan bagaimana 'adat raja2 kahwin anak-nya. Maka tatkala sampai ketika yang baik maka Raja Potani pun bolara'-lah bagaimana 'adat raja' bolara'. Maka apabila selesai daripada borjaja itu maka Raja Potani pun hendak balok-lah kapada negori Potani kerana meninggal negori-nya sudah lama-nya. Maka Raja Potani minta diri hendak balok, lalu berjabat salan dengan Raja Kelantan, dan Raja Muda anak boranak pun bertangisan-lah sebab hendak borchorai. Itu-lah hal raja2 hendak meninggal. Maka Raja Potani pun berjalan-lah turun ka-porahu laki isteri dan sakalian ra'yat2 semua-nya lalu hilir bolayar menuju Kuala Potani. Tiada borapa lama-nya maka sampai ka-negori Potani dengan sempurna-nya duduk boraja2. Sa-bermula, di-negori Kelantan pun seorang-lah tiada suatu apa2.

Al-kosah maka tersobut peritasean Raja Bukit mari duduk di-Kemaman.<sup>341</sup> Ada kira ia hendak langgar negori Kelantan. Raja Baginda Terengganu bori surat kapada Wan Yusof bawa' surat kapada Raja Kelantan menyatakan Raja Muda Bukit hendak langgar negori Kelantan. Maka Raja Kelantan dan Raja Muda semua-nya borkoroh ra'yat turun berhimpun buat kubu tempat yang hendak bertahan langgar itu. Maka Raja Bukit pun berangkat mari-lah

sampai ka-Bosut, dudok berkira di-Bosut itu. Maka Raja Kelantan suruh Haji Mamat Polima<sup>3+2</sup> dengan Encho' Ismail orang Jemeloh<sup>3+3</sup> Encho' Ahmad, Ponghulu Komu,<sup>3+4</sup> pergi lihat. Maka Haji Mamat dengan Encho' Ismail pergi sampai ka-Bosut. Maka Raja Bukit suruh orang2 tangkap Haji Polima dengan Isma'il itu. Maka dalam hal itu Raja Bukit tiba2 tiada jadi melanggar itu. Wallahu a'lam.

Maka Haji Mamat dan / Encho' Isma'il di-pengang oleh Raja Bukit dan Raja Bukit undor balok ka-Torongganu kapada Komaman tempat dudok sedia itu-lah. Dan Haji Mamat dengan Encho' Isma'il di-lepas balok dengan sempurna tiada di-porbuat suatu apa2-nya. Maka pada masa kena tangkap Haji Mamat dengan Encho' Isma'il itu, Encho' Ahmad pergi ka-rumah Nik Jid monchari khabar apa2. Maka Nik Jid suruh Encho' Ahmad monajum dengan orang Nik Jid nama-nya Pa' Din. Orang itu to' lebai, totapi ia monilok mujum banyak botul. Maka lalu Encho' Ahmad pun bertanya-lah akan Pa' Din itu kata-nya, "Chuba-lah Pa' Din lihat orang kita nama Haji Mamat dengan Encho' Isma'il ada sa-bagaimana." Maka lalu Pa' Din monudokkan<sup>3+5</sup> kapala-nya sorta membaccha bilang2 jari-nya. Maka kata-nya, "Haji Mamat dengan Encho' Isma'il itu tiga hari lagi sampai-lah balok, insha'allah ta'ala, tiada suatu apa2-nya."<sup>6</sup> Maka Encho' Ahmad pun bernadzar-lah, kata, "Jika botul seperti kata itu wajib-lah aku hendak buat nasi kunyit makan alu sendiri monyuapken mulut-nya, insha'allah ta'ala." Maka komudian lalu Pa' Din kata, "Nik, perhamba hendak balok ka-rumah karana Raja Bukit semua-nya berpaling balok sudah bolayar-nya." Maka berapa orang2 (di-)tahan tiada beri balok lagi, maka kata-nya, "Perhamba hendak juga' sa-malaman ini. Esok perhamba turun

pula." Akan tetapi lopas jauh sudah balok-nya, maka lalu ia naik ka-rumah-nya dudok di-birai bondul. Dan esok-nya ia pun turun dengan suka sebab kata tentu-lah sudah balok Raja Bukit itu tiada jadi-nya. Maka lalu Nik pun persenbah juga' seperti Pa'Din kata itu. Tiba2 sampai tiga hari lalu sampai Haji Namat dan Encho' Isma'il dengan sempurna-nya. Maka orang Terengganu bawa' surat mari pula menyatakan tentu-lah Raja Bukit tiada jadi masuk Kolantan. Maka Encho' / Ahmad pun panggil Pa'Din buat nasi' kuniyit lalu di-suap kapada Pa'Din ka-mulut-nya seperti kata itu. Komudian negeri Kolantan pun sonang-lah pula tiada : suatu apa2 perkara lagi.

Akan tetapi dahulu [dari] pada tersobut (ini) Raja Potani itu, di-negeri Terengganu yang jadi raja itu Yang Di-Portuan Tolor,<sup>346</sup> orang panggil. Pada masa itu Baginda Tongku 'Omar,<sup>347</sup> dudok di-Lingga borapa lama-nya. Maka tatkala ia mendongar Yang Di-Portuan Tongku Mansor hilang, anak-nya, Yang Di-Portuan Tolor, jadi raja di-paku<sup>348</sup> oleh Tongku Wot (Tongku Hitam),<sup>349</sup> anak Tongku Besar Padang,<sup>350</sup> adek kepada Tongku Puteri Bulan, isteri Marhum Janggut, anak Yang Di-Portuan Bulan, kerajaan Negeri Linggi, (maka tatkala itu Yang Di-Portuan Tolor jadi raja di-paku oleh Tongku Wot (Tongku Hitam) itu) maka Baginda Tongku 'Omar mari buat kira dengan Tongku Besar chunchu Yang Di-Portuan Kolantan dahulu, jadi-lah berjanji taroh rusa<sup>351</sup> ia li-dalon negeri Terengganu itu. Maka tatkala Baginda 'Omar pun belayar mari dari Linggi ka-Terengganu lalu masuk ka-dalam negeri tiada siapa2 tahu, tentu sudah berhirau2 dengan orang Terengganu itu, lalu tortikan orang sa-bolah Yang Di-Portuan, tiada (tiada)

compat berkorah lagi rusoh pun rapat sudah, lalu Yang Di-Portuan Telor dengan Tengku Hitam pun undor lari masuk ke-dalam negeri Kelantan. Maka lalu Tengku Wet (dan Tengku Hitam) beristori dengan Engku Chit<sup>352</sup> Limbat anak Engku Pordana Montori. Hingga mangkat pun di-Kemuning negeri Kelantan ada-nya.

Sa-bormula, Engku Bosar Tuan Sulong, anak Raja Kelantan, berputera sa-orang laki2. Maka di-beri nama Tuan Kundor oleh nonda Raja Kelantan. Kemudian sa-orang pula di-beri nama Tuan Puteh. Di-dalam antara itu, Raja Tuan Puteh itu pun beroleh sa-orang anak laki2. Maka nonda Raja Kelantan beri nama Tuan Timun. Kemudian bolch pula perempuan, / nama Engku Ambuan,<sup>353</sup> ada-nya.

Al-kosah maka terselut Raja Penambang yang dudok di-negeri Lenggor itu berapa lama-nya. Ada-lah di-negeri Jarin,<sup>354</sup> Jomkabat<sup>355</sup> jadi raja di-negeri Jarin itu, asal-nya nama Wan Yusof. Ia sangat membuat bakti kepada Raja Singgora lalu di-angkat nama Jomkabat. Tatkala lepas rusoh Potani itu, Raja Singgora beri Jomkabat menjadi raja dan Nik Leh anak Mokong Kolong jadi raja di-negeri Sai<sup>356</sup> dan Nik Bongsu menjadi raja di-negeri Longgoh, tiga raja yang ada ini.

Sa-bormula, ada pun Raja Jomkabat negeri Jarin itu beroleh anak sa-orang laki [-laki] nama-nya Nik Timun, dan sa-orang nama-nya Nik Dorasa, dan sa-orang nama-nya Nik Ngah, perempuan, dan laki2 Nik Hassan, Nik Saki, sa-orang lagi nama-nya Nik Nat yang menjadi raja, bapa' pada Raja Kuda Pra' Yuta<sup>357</sup> sekarang ini. Maka Nik Timun di-lonta' jadi Raja Balat dan anak-nya Nik 'I yang chondora<sup>358</sup> hidong itu. Dan berapa lama Jomkabat menjadi

raja sampai-lah di-poridaran dunia dan hukum Allah, Jomkabat pun kembali ka-rehmattullah, maka di-kubor-nya. Maka di-porsebah masok kapada Raja Maha Besar kata raja negori Jerin mati. Lalu Raja bertintah suroh hanter Raja Ponambang bori jadi raja di-negori Jerin. Maka Raja Ponambang pun pergi-lah jadi raja di-negori Jerin. Anak-nya nama Tuan Sulong lonta' jadi Raja Muda. Sudah habis berhimpun anak2-nya lalu di-buat kira dengan sakalian anak-nya hendak langgar negori Kolantan.

Tentap<sup>359</sup> bersiap tiba2 jatoh penyakit; tiada berapa lama-nya lalu hilang mangkat, di-kubor di-sana-lah ada-nya. Dongan yang domikian Nek Timun, Raja Balat, pula kerajaan-nya. Maka Raja Kolantan dengan Raja Muda suroh orang / pergi kutib<sup>360</sup> ambil anak2 itu semua-nya bawa' bolok ka-negori Kolantan dan di-sini pula sa-orang anak poropuan di-poristori oleh Engku Besar Tuan Sulong, beroloh sa-orang anak nama-nya Engku Solich yang jadi Engku Temonggong itu. Komudian borjorai,<sup>361</sup> bolok kapada Engku Selia Raja, beroloh anak sa-orang nama-nya Engku Tuan Sori Mah itu. Komudian Engku Besar Tuan Sulong di-poristori [nya] pula sa-orang (sa-orang) anak Raja Ponambang juga', bolok sa-orang anak, nama Engku Long Mamat, boristori di-Potani, Engku Limbat,<sup>362</sup> anak Raja Potani Tuan Putch itu, borchorai pula.

Sa-bormula, Raja Besar Siam yang bernama Chalro Nejit<sup>363</sup> borgolar Pra' Pin Koluju Yahwa<sup>364</sup> itu hilang mati sudah, dan raja kakoi'-nya jadi to' samin<sup>365</sup> itu di-dalam wat<sup>366</sup> tiada maun jadi raja. Maka Kelihum tua bapa' Semedit Chupia Tu<sup>367</sup> itu pergi mengadap dalam wat ajak keluar monjadi raja. Maka ia tiada maun, kata-nya, "Tiada aku maun monjadi raja. Kalau bori, anak kamu

yang nama Pra' Niwai<sup>368</sup> lah menjadi raja." Maka jawab Koluhum,  
 "Pra' Niwai [tidak] boleh jadi raja sebab ia hamba raja." Maka  
 kata Koluhum, "Ka-bawah duli tiada maun jadi raja patok hendak beri  
 kepada orang lain-lah; yang sangat kuat itu-lah yang patut jadi  
 raja, orang puteh bangsa Inggeris-kah atau Perancis<sup>369</sup> dan  
 Bolanda-kah, ikut patok-lah." Maka tatkala ia mendongar Koluhum  
 berkata demikian lalu berfikir-lah raja itu, 'jikalau sunggoh  
 demikian itu orang bangsa lain menjadi raja rosak-lah ugama  
 nonok kita'; komudian lalu sunggoh hendak jadi raja-nya. "Dan  
 jika demikian bagaimana aku hendak masuk ka-dalam kota takut  
 kedapatan kepada orang pula?" Maka jawab / Koluhum, "Mudah sangat,  
 fasal itu atas patok; boleh ka-bawah duli ikut patok dengan  
 mudah-nya." Maka Koluhum memanggil segala tuan<sup>2</sup> haji Melayu  
 berhimpun kata hendak masuk tabong<sup>370</sup> buat pahlia. Maka segala  
 tuan<sup>2</sup> haji pun berhimpun banyak di-dalam wat itu. Maka Raja pun  
 di-beri momakai chara to<sup>t</sup> haji bersama2 dengan haji2 yang ramai  
 itu lalu berjalan masuk ka-dalam kota, sa-orang pun tiada  
 ketahui rusia itu. Maka tatkala lepas masuk tuan haji pun  
 mengaji-lah dan Raja itu masuk ka-dalam istana momakai pakaian  
 korajaan; sudah, lalu keluar-lah ka-balai pengadapan orang  
 ramai2 itu. Maka lalu Koluhum pun torialt-lah, "Hai sakalian  
 orang2 ini tiada tahu-kah mana Raja?" Maka orang itu tiada  
 ketahui, lalu di-jawab, "Ini-lah Raja kamu; dengar-irah tidak?  
 Siapa2 tidak dengar, aku pachong<sup>371</sup> batang lehor kamu." Kona tiga  
 kali lalu menjawab dengar-lah semua-nya. Maka orang2 semua pun  
 bersembah-lah pada kotika itu lalu di-golar nama-nya Ppat  
 Somodit Boru Menst Borumba Pit Pra' Jum Koluju Yahua Pusang Pra'

Kentam Annaha Pra' Sud,<sup>372</sup> itu-lah ada-nya. Maka Raja Maha Besar pun boloh sa-orang anak nama Chakrumbun Long Wangsa<sup>373</sup> dan sa-orang nama Chupa Chulalangkon<sup>374</sup> dan sa-orang lagi. Maka kira2 hati, suruh monjadi Chakrumbun itu akan jadi ganti raja-nya, maka anak itu mati dahulu. Maka Raja Maha Besar itu keluar mari ka-negori Singgora dengan kapal api. Pada masa itu-lah orang2 Siam berkapal api itu. Maka sakalian raja2 pun masok semua-nya pergi mengadap di-negori Singgora. Maka Raja Kolantan pergi bawa' masok paduka anakanda Engku Besar Tuan Sulong dan Raja Nik. Porahu Pawan Sup<sup>375</sup> belayar pergi Nik Jid, dan porahu comulah<sup>376</sup> tukang kanjar timbal<sup>377</sup> jadi porahu Wan' Omar, sa-pupu Nik Jid, pergi sampai di-hadapan Kuala Sai. / Porahu Raja Nik sangat-lah tiada laju hingga orang2 monanti solalu, maka lalu Raja bertukar-lah dengan porahu Raja. Maka segala bokes isi bokal sa-tongah2 yang habis, ponti<sup>378</sup> tiada kompat angkat, orang Raja tinggal Encho' Awang sa-orang menunggu perkakas Raja itu, lalu belayar. Tiada berapa lama sampai-lah ka-negori Singgora lalu Raja pun masok mengadap Raja Maha Besar itu. Maka lalu Raja buat surat borgolaran nama Engku Besar Tuan Sulong itu. Dua tiga hari lalu Raja Maha Besar pun belayar balik ka-negori Siam dan raja[raja] sakalian pun masing2 keluar-lah dari Singgora itu belayar balik menuju ka-negori.

Maka Raja Kolantan pun sampai-lah ka-Kolantan dengan sempurna-nya lalu bolara' sambut surat sejabat<sup>379</sup> nama-nya, golaran raja2 bagaimana 'adat sambut surat itu. Maka apabila surat sampai ka-balai sorta Nik Jid pun bache akan dia. Demikian bunyi-nya: "Surat Chu Pia Akmaha Sina Tabdi Upi Pirat Bura

Krumpahak Samarhak Pra' Kolahim<sup>380</sup> kurnia bori tahu kepada adek kakо' dan sakalian ra'yat negeri Kolantan ada-lah ka-bawah duli Pra' Somidit Boru Monat Borumba Pit Pra' Jum Koluju (Klu) Pucang Pra' Kentam Annaha Pra' Sud di-porangkat nama Pra' Bantuan Sura Sangha<sup>381</sup> bortitah kata Pia Pipit Pakdi Pia Kolantan borsiapi bawa' porsembah tunjok anak yang Pia Kolantan tiada lain hanya-lah sa-orang sahaja itu nampa' kata patut Pia Kolantan bolch polihara berganti Pia Kolantan hori komudian. Maka Pra' Maha Besar kurnia angkat Tuan Sulong bori nama Pra' Rasda Tibbodi<sup>382</sup> buat surat monjadi ponolong pokorjaah negeri Kolantan sorta bori pangkat raja2-nya sorta golaran nama2 yang tersobut itu ada-nya." Maka taroh panggil chara Melayu Engku Putera Somora<sup>383</sup> sampai sekarang ini.

Se-bermula, ada pun porjanjian Raja Kolantan, anak Engku Putera itu pun besar-lah, maka Raja Kolantan pun mulai / berjaga2 lonta' korja hendak masuk Jawi Engku Muda bordua Engku Besar anak Puteh Tuan Potani itu. Maka pokorjaan itu besar-lah bagaimana 'adat raja2 masuk Jawi korja-nya. Maka tatkala tordahulu sadikit ada-lah Engku Sala<sup>384</sup> pun tolak hilang mati tinggal anak nama Tuan Besar dan Tuan Lonik Tekil dan Tuan Kuning dan Tuan Porang dan perempuan2 semua-nya di-polihara oleh ka-bawah kaum raja negeri dan Engku Putera Somora'-nya. Dan Tuan Kuning, ia ada pokorjaan hendak belaga lembu. Ia menyambut Engku Putera mudok pergi sama2 To' Hakim, Tuan Besar, dan To' Menggat Mahkota dan Penghulu Drahman, To' Wan Musa dan penghulu2, budak raja, ra'yat, mudok pergi ka-Sala. Maka apabila sampai Engku Putera pun pergi-lah dudok di-tompat bangsal di-dalam pagar. Maka ada sa-beberapa lama

orang2 pun tengah hendak bolaga lembu, tiba datang Tuan Lonik Takil dan tikam Engku Putera lalu kena longan sadikit. Maka Engku Putera pun suruh orang2 tangkap Tuan Lonik itu ambil keris dan To' Hakim pun tangkap sorta di-ikat bawa' hilir bersama2 dengan Raja Engku Putera mari persembah ka-bawah Iaus Raja Negori. Maka Raja pun sangat-lah murka ka atas anak2 Engku Sala itu sorta di-suruh dato' pengbulu2 semua-nya mudok porgi tangkap ambil bunoh semua kaum2 orang yang dorhaka itu semua-nya, habis laki2 perempuan, kochil2 dan besar, habis di-tangkap bawa' hilir semua-nya molainkan sa-orang nama Tuan Perang, tiada bortomu chari hingga bortukar bokas menurut juga' hingga sampai akan rata2 negori tiada dapat khabar-nya. Maka yang / dapat itu boborapa banyak, adok Tuan Kuning anak beranak semua-nya habis di-bunoh dan Tuan Kuning itu di-bunoh sorta gantong pula. Itulah hal-nya orang2 mendorhaka kapada anak2 raja-nya. Shahadan maka Raja Putera yang luka itu somboh-lah luka itu.

Maka di-dalam hal yang demikian berapa lama-nya, maka torsobut-lah perkataan Raja Maha Besar sampai hultum mati-lah. Maka anak-nya yang bernama Chupa Chulalongkon naik menjadi raja. Maka Chulon Kolahum suruh Luong Ku Cha Ishak dato' sabandar<sup>385</sup> koluar mari panggil Engku Putera masok mengadap Raja Maha Besar baru ini. Maka ka-bawah Iaus Raja pun monyuroh-lah Engku Putera masok, Luong Ku Cha Ishak dengan kapal api 'Pora'pat' orang Siam ramai2 mongiring-nya, portama To' Semian Encho' Drahman dan Dato' Tumpat dan anak baik2 empat puloh orang yang mongiring-nya. Maka raja baharu ini bergolar nama Parbat Sonedit Pra' Maha Chulalongkon Budin Tu Tit Pia Pra' Maha

Mahkota Pra' Chula La Chum Kluju Yalwa Pucang Pra' Kantam Anmaha Pra' Sud.<sup>386</sup> Maka pada masa itu di-pakai 'adat sedia masok mengadap sampai kapada pintu balairong itu, dudok morangko,<sup>387</sup> masok hingga kapada tempat pengadapan itu. Maka Engku Putera Somera' ramai2 pun [di-]bawa' oleh Luong Ku Cha masok mengadap Raja Maha Besar. Koluar di-Kelantan belayar ikit susor2 tujoh hari tujoh malam lalu sampai-lah di-Singgora serta masok ka-negeri Bangko' lalu naik berhenti di-rumah gudang Luong Ku Cha Ishak lalu masok mengadap Kolahum dan Somedit Chao Pia.<sup>388</sup> Sudah, bertitah Chukon Kolahum osok-lah masok mengadap ka-bawah duli Maha Besar. Maka esok hari lalu masok ka-dalam kota berhenti di-Sla Langkong<sup>389</sup> sabotar, borbunyian-nya di-paluan/raja borangkat koluar. Orang pun panggil-lah Raja Putera bawa' masok mengadap mana yang tersobut orang membawa' masok itu. Lalu Raja Maha Besar bertintah tanya berapa hari di-laut. Maka jawab, "Tujoh hari dengan tuah duli sampai-nya." Maka titah pula, "Pia Kelantan dudok senang-kah tiada sakit domam." "Dongan tuah ka-bawah duli tiada." Maka titah Raja Maha Besar, "Jika ada kira binchara apa2 boleh pergi kira dengan Pra' Kolahum." Maka Raja Maha Besar pun berangkat masok. Maka Raja Putera pun buat surat hendak pergi ka-dalam maligai,<sup>390</sup> mengadap monyembah. Sudah, lalu berjalan turun ka-porahu hilir ka-rumah Luong Ku Cha. Maka Raja Maha Besar pun buat surat hendak kurnia nama gelaran raja2 itu, Raja Putera itu. Maka Luong Ku Cha pun membawa' masok Raja Putera mengadap kerana hendak bermohon. Maka Raja Putera pun masok-lah mengadap bermohon; sudah, lalu koluar turun balok bersimpan akan kapal. Maka Luong Ku Cha pun sudah

akan kapal 'Pora'pat' itu-lah juga', lalu hilir bolayar menuju nogori Singgora dan Chonampun<sup>391</sup> dan Potani. Singgah di-kuala, maka Engku Putera dan ramai2 pun naik berjumpa dengan Raja Potani, Tuan Putch itu, dudok lina onam jam lalu hilir turun akan kapal di-laut serta bolayar tujoh jam sa-tengah sampai-lah akan kuala nogori Kolantan. Pada masa itu-lah ka-bawah haus Raja Kolantan ada monanti di-kuala dengan perahu kayoh ponaikan dan perahu burom Lanchong Indora<sup>392</sup> nama-nya dan semua perahu-nya ada ponoh sungai itu. Lalu Raja Putera pun naik atas perahu gago<sup>393</sup> ponaikan paduka ayahanda Raja dengan Luong Ku Cha Ishak lalu berhabar2 sadikit2. Lalu Raja pun turuh borkorah orang berantor<sup>394</sup> hondak sa-lalu mudok, lalu sampai / kepada penkalan lalu berangkat naik sambut dengan bedil moriam dan lain2-nya bagaimana 'adat bolara' sambut surat lalu sampai ka-rumah-nya.

Shahadan, tatkala hari yang baik, maka Raja Kolantan pun lalu borgolar2 raja2-nya, demikian buniyi-nya di-dalam surat itu: "Tan Chu Pia Almaha Mina Tabdi Upi Piri Duru Krumpahak Somuhak Pra' Kelahum<sup>395</sup> mari sampai Pia Pipit Pakdi Sori Sultan Muhammad Ratna Muchit Siti Suntun Duru Wangsa Pia Kolantan semua adok kako' santuan krunkan. Ketahui, ohwal, maka ada-lah ka-bawah duli Pra' Sonedit Maha Chulalongkong Duddin To' Tit Pia Maha Mingkot Pra' Chula Chum Kluju Yahwa Pusang Pra' Kantan Annaha Pra' Sud boleh berkomali2 dengan Pra' Rasda Tibbodi; buat turut nasihat, Pochu<sup>396</sup> borhukunkan yang putera Pia Kolantan dengan sa-orang ini sehaja minta' bori toleng kutib polihara itu. Maka ada Pra' Raja angkat nama Pra' Bantun Suar Sanghanat Tanrat<sup>397</sup> itu atas jambul ubun2 bortitah kata boleh Pra' Rasda ganti tempat

Pia Kolantan. Pa' Maha Koruna<sup>398</sup> angkat naik menjadi Pia Rasda Tabdi i Pubin Murip Pakdi,<sup>399</sup> orang ganti tempat Pia Kolantan, himpong<sup>400</sup> ka-hadapan boloh bori orang Jerusiapi kurnia semorab portakas-nya." Maka lalu di-suroh segala anak raja2 dan orang besar2-nya masuk menjunjong duli pada masa itu. Shahadan paduka anakanda Engku Nuda dan paduka anakanda Raja Putera di-kahwin dengan paduka anakanda Engku Puteh, Raja Potani itu, dan paduka anakanda Tuan Timun dan Engku Tuan Puteh Raja Potani borkahwin dengan paduka anakanda Raja Putera pula ada-nya. Maka menjadi senang-lah nogeri Kolantan dengan segala ra'yat / 'adil perontah semua-nya mengikut hukum Allah ta'ala menurut nogeri yang besar2-nya. Maka ada-lah pada Tahun Tikus bahasa Siam, Hijrah Nabi 1293, pada masa itu-lah pemberian hantar bunga emas. Maka ka-bawah kaum Raja Kolantan menyuruh Pa' Nik Jid buat surat persembah kapada Raja Siam Maha Besar hantar minta' bori Raja Maha Besar lonta' Raja Putera baru itu bori menjadi raja sa-lalu. Ia hendak molihat sudah2 kerana diri-nya sudah 'udsor tuha sangat2. Maka Pa' Nik pun buat-lah saperti maksud Raja itu. Maka di-bori-lah masok ka-bonua Siam. Yang bawa' bunga emas itu, ia-itu Pa' Nik Wan Yaliya dan Nakhoda Pa' Nik Wan Su itu dan (dan) Nik Wan Muhammad Kochi', jadi bapa' saudara ka-bawah kaum yang mulia Engku Seri Raja Mamikubumi<sup>401</sup> itu dan Nik Wan Muhammad Amin Ponambang dan Wan Nawar menantu-nya.<sup>402</sup> Maka Nakhoda pun bawa'-lah masok pohon bunga emas dengan surat itu. Maka bunga porak di-torima oleh orang persembah pada Raja-nya. Habis sudah maka Raja Maha Besar pun balas surat yang di-maksud Raja itu, dan Nakhoda pun balok-lah, sampai lalu persembah surat yang

fasal itu dan lain surat pun di-sambut belara' somua-nya. Sudah maka di-bacha surat itu, Raja Maha Besar suka-lah. Yang domikian sudah borbontulan-lah<sup>403</sup> Raja Kelantan suruh orang yang bernama2 bawa' surat itu. Maka buka, nombor satu lonta' naik jadi Chopuang,<sup>404</sup> ia-itu raja tuha golar nama Pia Chopuang, pekerjaan bolch lihat baik dan jahat-nya. Maka nama itu ka-bawah bori surat kata Pia Chopuang di-negeri Kelantan tidak rasi<sup>405</sup> sebab dahulu ada ampuni<sup>406</sup> tiada kokai, bolch ampuni / lain2 nama pula kalau2 dengan tuah duli bolch rasi sempurna berhubung2 kahadapan jadi di-bawah tapak chorpu duli Pra' Senodit Pra' Chu Yahwa<sup>407</sup> pula ada-nya. Maka surat sudah di-buat lalu suruh Nik Wan Muhammad Kochi' dengan Wan Nawang dan Wan Muhammad Penambang bawa' masok persombah surat itu. Maka Nahjoda pun belayar naik kapal masok ka-bonua Siam, lalu tiada borepa lama-nya sampai, masok persombah surat itu lalu di-porai<sup>408</sup> dengan bahasa Siam. Maka paham-lah somua-nya. Maka lalu di-kurnia bori surat anak Clinton Kolahum yang bernama Pra' Ambun Trusi Song Somardit<sup>409</sup> dan Pia Dejongsan Keruna Sajam<sup>410</sup> dan Pra' Sangha Monteri Longgor dan Pia Sambat Pirong<sup>411</sup> negeri Singgora bori bawa' surat tora dan seniabat nama suruh chap nama gelaran nama2 raja Itodua bersama2 dengan Nik Wan Muhammad Penambang. Dan Nik Wan Muhammad Kochi', kata Pia kita, sudah kembali ka-rahmattulah ta'ala, mati kubor di-dalam Bangko' itu-lah ada-nya.

Maka Pra' Ambun Trusi Song Somardit, Pia Raja Wangsan Keruna Sajam, Nik Wan Muhammad Penambang, keluar mari dengan kapal perang berhenti ambil Pra' Sangha Monteri di-negeri Longgor dan Pia Sambat Pirong negeri Singgora. Sudah, belayar mari sampai-lah ka-negeri Kelantan. Maka ia naik mari berhenti

di-balai gembong<sup>412</sup> dari atas pangkalan Raja. Sudah,lalu  
mongadap Raja serta ia kata hendak sambut surat seminbat gelaran  
nama2 itu,kona-lah buat pintu hutang<sup>413</sup> dan buat tunggal bondora  
gajah<sup>414</sup> boleh empat puluh helai,boloh di-pasang di-atas pintu  
hutang itu dan pintu kota pun kena pasang juga'. Maka ka-bawah  
kaus Raja pun suroh-lah orang membunt pintu itu,tukang-nya orang  
Longgor dan kerah segala orang kodai<sup>415</sup> suroh jahit kain morah  
bondora gajah leboh empat puloh. Maka pintu / hutang pun di-buat  
sudah serta di-pasang-lah bondora gajah itu oleh tukang Longgor,  
di-ator molek2 semua-nya dan Nik Wan Yusof nonjadi binchara  
mengator orang di-balai di-beri dengan Nik Mat Besar jadi kapit-  
nya serta di-beri hukum pakaian seluar empat karat<sup>415</sup> berbaju  
bolah dan seluar panjang,baju kurong jadi larangan,tiada  
beri naik atas balai serta di-beri sakalian Raja Muda dan  
Raja Putera dan anak2 raja semua-nya kapada hari ini kona ikut  
perotoran Nik Wan Yusof semua-nya, baik penghulu ra'yat semua  
pun domikian-lah kona ikut antoran-nya.<sup>416</sup> Dan Pa' Nik Jid  
membacha surat peruai<sup>417</sup> di-atas Pa' Nik Wan Yahya dan Nik Wan  
Yusof peruai orang2 di-baloi dari buah sampai ka-tanah. To'  
Seman Dralman jadi kapit serta Pa' Nik Jid bersama2 serta  
momogang pedang semua-nya melainkan Pa' Nik sa-orang yang  
tiada momogang pedang,dan lain semua momogang pedang kerajaan.  
Maka pada hari yang baik pergi menyambut surat,kopala-nya To'  
Hokim dan To' Menggat Mahkota dan Date' Kaya Hulubalang Kadak dan  
anak orang baik2 jemelah Pa' Nik Jid dan Pa' Nik Ya membawa  
surat; Nik Wan Mustapha,menantu-nya, dan Encho' Ali Jorubahasa  
momogang payong lalu bolara'-nya. Maka tatkala sampai lalu  
di-bacha domikian bunyi-nya: "Surat Tan Chu Pia Alminha Sina

Tabdiil Upi Piri Dura Krumpahak Semuhak Pra' I Klahum mari sampai  
 Pia Pipit Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Muchit Siti Santun  
 Bru Wangsa Pia Kolantan, dan Raja Muda satu nogori, maka-nya<sup>418</sup>  
 nogori Kolantan. Ketahuil, ohwal, maka ada-iah Perbat Semedit  
 Pra' Chulalangkon Budin Tak Tipia Maha Minghot Pra' Chula Chum  
 Kluju Yalwa Pusang Pra' Kantam Annaha Pra' Sud fikir lihat Pia  
 Kolantan sudah tua, 'umor pun banyak, patu'<sup>419</sup> jadi orang kalka,<sup>420</sup>  
 bolch sorta ada Pra' Raja / ikut nama Pra' Bantun Sudra  
 Sanghanan Tamrit, atas jambul ubun2 bertintah, kata patut Pia  
 Kolantan angkat naik lonta' jadi Pia Rija Muchit Semedit Soraj  
 Nukon Wibun Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Tara Maha Prak  
 Tana Tikan Pusamkan Nobun Kolantan,<sup>421</sup> kata orang kalka lihat  
 pokorjaan nogori Kolantan, dan Pia Nasur<sup>422</sup> bolch angkat naik  
 lonta' jadi Pia Pipit Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Muchit  
 Siti Santun Bru Wangsa Pia Kolantan serta bolch di-bori suroh  
 orang Jurubinchara siapi mari Jadi semorab Pia Rija Muchit Maha  
 Soraj Nukon Wibun Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Tara Maha  
 Prak Tana Tikan yang kata lihat kotor kondi sakalian pernakas-  
 nya." Lagi panjang saya pendoktan. Maka sudah lonta' boraja2  
 somua-nya, orang Siam pergi Terongganu pula hondak pergi moraja2  
 Raja Terongganu. Maka tatkala sampai-iah Raja itu colosai  
 boraja2 itu sebang<sup>423</sup> nogori itu berapa lama-nya.

Sa-bermila tersebut pula Maharaja Besar hondak bokerja  
 membakar istori-nya mati tenggolan di-dalam perahu hondak mudah  
 di-topoh oleh kapal yang monunda perahu itu. Maka Maharaja Besar  
 pun memanggil<sup>424</sup> segala raja2 masuk akan bonua somua-nya, raja2  
 yang ta'lok-nya. Maka di-Kolantan tortontu hondak akan anak Pia

Kolantan chuchu Pia Rija Ducht sebab Sultan kasoh, lalu di-beri kapal perang keluar mari ambil. Maka Sultan minta' pada Raja Kolantan Engku Mansor hendak bori pergi sa-kali dua beradik itu. Maka Raja Kolantan minta' mohon pada Sultan, lalu ka-bawah kaus Sultan marah sadikit kepada Raja Kolantan lalu Sultan bersabda, "Jika orang sayang tidak boleh bercherai dengan yang di-kasoh itu baik-lah; dan pergi-lah Wan Muhammad bori tahu sudah-lah kita hendak bori Long Doris,<sup>425</sup> ya'ni Tongku Putera Senora<sup>4</sup> sekarang, pergi bersama2 ka-bonua Siam / itu karana ia itu Raja tiada kasoh, itu-lah boleh mudah kita ambil." Maka Wan Muhammad Langgar<sup>426</sup> pun pergi mengadap Raja Kolantan di-porsenbah bagaimana yang di-sabda oleh Sultan itu. Maka Raja Kolantan terkejut karana tiada di-sangka atas Tuan Long Doris (dan di-siap i itu) karana sangka2 Raja Kolantan jika tidak Tuan Long Mansor kena Tuan Long Mahmud-lah pergi-nya serta siap i pakaian2 Tuan Long Mahmud chukup lengkap, sudah tiba2 kena Tuan Long Doris. Maka Jadi-lah sorba-salah Raja-nya karana Long Doris tiada suatu pakaian, di-negeri pun tiada seperti ada-nya, apa lagi di-negeri jauh tempat orang. Maka lalu Raja Kolantan dengan sabetar2 itu-lah di-ambil pakaian tubuh sondiri, baju soluar kain sa-lengkap, di-suruh orang bawa' pergi kurnia kepada anakanda Engku Tuan Long Doris itu. Maka ka-bawah kaus Sultan siap i surat2 dan perkakas2 bukal paduka chunchunda<sup>427</sup> Engku Muda itu, di-siap i semua-nya. Maka Engku Muda dengan Tuan Long Doris pun bermohon-lah ayahanda dan bonda-nya lalu turun berjalan ka-perahu yang di-sedia oleh Nik Wan Yusof, Nik Jid, Nik Wan Mustapha, dan To' Semian, Encho' Ha'd, dan Wan Ahmad, To' Semian tuu, dan Wan

Muhammad Ponambang ganti Nik Mat (Nik) Besar dan Dato' Polina Raja dan lain2 orang banyak lagi yang mengiringi hilir pergi naik kapal perang. Lalu kapal pun belayar dua hari dua malam sampai di-Kuala Bangko' masuk Kuala mudok dan pada pukul 7 pagi berhenti sa-sa'at di-negeri Simut<sup>428</sup> sebab kabut, kapal ta'boleh jalan. Sudah hilang waktu pukul 8, kapal pun mudok pergi sampai di-Pongkalan Chukon Kolahum naik borjuma mengadap Kolahum Sori Pil<sup>429</sup> hendak berhenti di-topi sungai. Maka lalu Chukon kata, "Baiklah mu pergi." Lalu Engku Muda jawab, "Jika boleh berhenti dudok di-porahu atau rakib<sup>430</sup> di-dalam ayor mudah ka-sungai."<sup>431</sup> / Maka lalu Chukon berontah,<sup>432</sup> "Baik mu pergi berhenti di-kapal api di-Pongkalan Rula<sup>433</sup> itu." Lalu di-suroh anak-nya Long Chat<sup>434</sup> pergi siapi kapal itu baik2 bori kuat. Maka Engku Muda, Long Doris, ramai2 comua-nya pergi-lah di-kapal itu dudok comua-nya. Maka dua hari dudok lalu Kolahum suroh orang bawa' Engku Muda dan Engku Long Doris, bawa' sa-kali contuan krumikan, masuk mengadap ka-bawah duli Raja Maha Besar. Maka Engku Muda comua-nya pun masuk-lah ka-bawah Pra' Sharif mengadap Raja Maha Besar lalu berontah<sup>435</sup> tanya, "Sampai bila? Berapa hari di-laut? Pia Rija, Pia Kolantan, dudok sonang-lah tiada sakit domam?" Jawab, "Sampai dua hari, Pia Rija Ducht dan Pia Kolantan dudok banyak sonang, tiada apa2, dengan tuh ka-bawah duli." Maka tintah, "Kalaup kamu ada bersangkut boleh kamu binchara dengan Pra' Kolahum." Maka Raja Maha Besar pun berangkat masuk. Hasing2 pun koluar-lah pergi akan kapal tempat dudok itu. Kata2 lima belas hari, Raja Maha Besar hendak lonta' kerja bormain2 7 hari lalu hendak bakar mayat raja porospuan

90 bini-nya itu. Maka tatkala Raja Maha Bosar bekerja membakar solosai sudah, maka Raja Maha Bosar itu pun kurnia surat golaran nama Engku Muda dan Long Doris. Sudah, maka Engku Muda kedua semua-nya bernehon-lah balok. Maka Chukon Kolahun bori Long Laksanana menghantar koluar dengan kapal api. Maka lalu hilir koluar bolayar. Tiada berapa lama-nya lalu sampai-lah ka-Kelantan. Maka Sultan ada menanti di-Kuala Encho<sup>436</sup>, Latif<sup>436</sup>, dengan perahu ramai. Maka yang ranai dengan bok,<sup>437</sup> Sultan Iopas dahulu sadikit, kapal jadi lambat. Maka Engku Longgor tongah borasa domam. Maka ia hendak lokas panggil sa-buah kolet<sup>438</sup> masuk dokat; sudah di-angkat barang2, ia pun turun atas kolet tiada sempat hendak naik kapal lalu naik porahu dan porahu Sultan dan lain2 semua-nya sampai meninggal porahu Engku Longgor di-balakang ada-nya.

91 Sa-bormula maka Sultan bersabda kapada Long Laksanana ajak mudok dengan kapal "Waling,"<sup>439</sup> mari sampai di-tombing Ponambang,<sup>440</sup> borhenti sobab ayor tidak chukup. Maka Engku Muda dan Engku Long Doris pun naik-lah semua-nya; dan Long Laksanana, ka-bawah haus, sudah berhenti di-rumah Nik Wan Yusof. Pada masa itu Nik Jid tudor tiada berjalan masuk ka-dalam kampong dan To' Sorian tua sudah mati dan Pa' Nik Wan Su Nakhoda / pun ta'dak, habis tinggal Pa' Nik Jid dan Pa' Nik Ya.

92 Sa-bormula ka-bawah haus Sultan dan Raja Kelantan pun bersabda hendak belara' dan nambah surat nama golaran yang di-kurnia Raja Maha Bosar. Pada ketika hari pun baik, dan orang semua, Engku Ha'kim dan To' Menggat Nahkota dan Ta' Kaya Hulubalang dan Tuan Mot dan orang2 pun porgi-lah sambut surat

itu bolara' betapa 'adat sedia-nya, ia-itu Wan Mustapha membawa' surat dan lain2-nya binchara siapi porsalin kain baju, capu tangan, chukup semua-nya, boloh bori bawa' balok ka-negeri Kelantan. Hendak terima sama paling muka, hendak masuk kerab bangkong.<sup>441</sup> Surat ini boloh tulis bahasa Siam sa-puchok dan Melayu sa-puchok sorta pukol chap tora Pra' jadi tanda 'alamat tammat. Maka ka-bawah kuas Sultan suroh mondsahir-lah kehendak nama Pra' Raeda itu di-golar nama Raja Bondahara, Awan<sup>442</sup> Pra' Nahar Lek Nara Rak<sup>443</sup> itu di-golar nama Engku Putera. Maka dua tiga kali, maka orang ramai pun menjawab-lah tiga bersama2. Komudian porual<sup>444</sup> pukol chanang dengan nama Raja Bondahara dan Engku Putera. Maka Raja Bondahara pada masa itu telah beroleh putera laki2 tiga (perempuan), yang tuha nama Engku Tuan Sonil<sup>445</sup>, dan yang tongah nama Tuan Long Ahmad, dan bongsu lagi nama Tuan Long Jonal<sup>(446)</sup>. Dan yang perempuan tua nama Engku Tuan Dol, dan yang tongah nama Engku Chit, dengan Long Ahmad, nama Engku Biru jadi istori Engku Silia, dan yang bongsu nama Engku Tuan Embun jadi istori Tongku Long Besut, dan ada dua lagi sa-orang perempuan nama Engku Yeh dan Engku Bongsu pun nama juga', dan sa-orang lagi nama Engku Long Brahman yang bongsu laki2.<sup>445</sup> Maka Sultan pun sa-orang pula di-nama Tuan Putera. Maka di-polihara dengan sempurna-nya oleh Sultan dan Raja Bondahara dan Raja Muda pun boloh sa-orang anak komudian<sup>446</sup> / sedikit daripada Sultan. Maka berapa lama solang-nya, maka datang panggil Raja Kelantan suroh Raja Kelantan buat kerja hendak masuk Jawi Tuan Putera. "Somotar<sup>447</sup> aku boloh aku tupang lihat tiada usah bormain2-lah buat kerja, baharu pula panggil lebai katib, boloh

dapat muda anak churchu, komudian menurut pilih yang mana borkonan, jawab balok-lah jadi sonang boloh ikut." Komudian Raja Kelantan menurut orang2 bersiapi alat hendek kerja-nya. Maka Raja pun momulai lenta' kerja mengaji, bordzikir, dan siang hari [ga-hingga]<sup>448</sup> suruh orang pedekar<sup>449</sup> bermain silat. Itu-lah permainan-nya, chukup tujoh hari lalu bolara' inai dua kali. Komudian bolara' bosar burom dan tiga tungkut<sup>450</sup> delapan borusong, daikir bordah<sup>451</sup> dan hadhra gebana<sup>452</sup> bosar borusong, dan buat naga mananti di-hedapan balai akan menyembor ayor. Maka orang2 semua-nya pergi-lah ka-tempat itu dan tempat permandi di-Pasir Penambang. Lalu sa-sudah mandi momakai2 semua, habis lalu bawa' naik ka-atas penaikan burong. Pada ketika itu bolara' tungkol dahulu dan gong gondang serunai bodil sorta mebodil, demikian-lah bunyi-nya. Komudian lembing koris dan lain2-nya, lalu sampai ka-dalam kota burom di-lonta', orang pun sambut ambil bawa' turun atas kain puteh di-bawah khemah, lalu berjalan masuk ka-dalam kota lalu naik komajangan, semangat di-angkat sorta di-sua'-nya.<sup>453</sup> Sudah, lalu di-bawa' turun berholiling balai panchaperasa;<sup>454</sup> sudah, naik atas balai bersalin dan podang berchabut 4 penjuru. Maka pawai pun undor sadikit, naga pun menyembor ayor koluar atas anak raja dan semua-nya kena-lah semboran itu. Sudah taib bonor pun bawa' ayor panchalogam dengan bentil perak di-jirus atas kain kabani<sup>455</sup> puteh di-pagang morpha atas kepala-nya. Komudian mayan anyior pinang, sorta buboh tempong tawar, tarok lolopas, sudah semua-nya sorta bersalin kain bawa' naik atas balai ka-dalam; sudah selesai pokorjaan / dengan sempurna-nya.

Maka di-dalam negori pun senang hingga sampai kapada tahun 1302. Maka Sultan Pia Rija pun bertambah naik penyakit yang sedia-nya itu-lah. Maka sampai kapada malam Sabtu 2 haribulan Safar tahun 1304, maka Sultan pun kembali ka-ralmattullah ta'ala. Inna lillahi wa inna ilaihi raji'un. Maka itu-lah jalan bagi kita. Maka Raja Kelantan pun menyuroh-lah orang2 membuat alat porarakan jenazah Al-marhum itu, siapi semua-nya sampai tempat makam di-Langgar itu, di-porbuat usongan enam belas raja di-raja dan persiapan 16 raja di-raja dengan kondi bekas dan bekas sirih, podang, keris. Sudah, dan sedekah kain borkura<sup>456</sup> 16, dan bekas raja di-raja dan buyong ayor panchalogam 16 raja di-raja, dan dian 16 raja di-raja dan kain dukong 16 raja di-raja, dan tembing 16. Sa-telah sudah di-sebahyang mayat, jenazah itu lalu di-angkat usong berjalan. Sakalian 'ulama haji2 mombacha fatihah sa-kali berjalan semua-nya sampai kapada usongan di-lenta' di atas-nya, dan tuan2 haji yang lihat pun di-suroh naik 4 orang mombacha do'a dan selawat atas nabi sorta di-suroh monghamborikan derham sedekah bunga rapai<sup>457</sup> emas perak kapada fakir miskin karana 'adat raja itu. Sa-telah sudah semua-nya lalu di-angkat usongan sorta berjalan dan orang2 melihat pun ramai-lah lalu sampai akan makam lalu di-ambil jenazah sorta di-bacha talkin. Sa-sudah mombacha tahliil solesai sudah, masing2 balek ka-rumah-nya. Maka Raja Kelantan dan Raja Muda dan Raja Bendahara anak beranak pun sempurna maafakat kira-nya. Maka kata Nik Wan Yusof kapada orang2 ramai, "Jangan-lah kamu sakalian hendak borkata2 pokorjaan yang kita tiada mengetahui dengan hakikat itu. Jika siapa2 borkata2 yang domikian hendak jadi

pergaduhan komudian daripada Al-marhum itu, hendak-lah kamu kata baik." Maka yang demikian dengan perkataan itu ada sa-tahun lebih sa-lama ka-bawah duli Sultan di-dalam berasa sakit itu hingga sampai / hilang. Itu-lah hal ehwal yang demikian jadi-nya. Maka teralih-lah di-dalam negeri Kelantan tuah daulat Al-marhum dan Raja Kelantan empunya memerentah dengan selamat sempurna-nya.

Maka di-dalam berapa lama maka Raja Muda pun bekerja pula masok Jawi Engku Chit anak-nya. Sudah bekerja tiada berapa lama Raja Muda pun hilang pula. Komudian Raja suruh Raja Bondahara masok ka-Bangko' dengan Engku Long Mansor dua beradik itu. Maka Raja Bondahara masok mengadap Raja Maha Besar tiga boranak itu dan Raja Bondahara membawa' anak-nya Engku Tuan Sonik. Maka Raja Bondahara masok mengadap Raja Maha Besar, maka Raja Maha Besar pun kurnia gelaran nama semua-nya sorta Raja Maha Besar buat seniabat gelaran 4 puchok dengan surat tora kurnia, bori bawa' keluar. Maka Raja Bondahara pun terima-lah surat2 semua itu bawa' balok sampai ka-Kelantan sudah. Maka pada masa itu Raja Kelantan ramai2 duduk di-kuala sebab orang balok dahulu nari berkhabar kata kepada hari Ahad itu-lah sampai-nya anakanda itu. Maka duduk sampai hari yang di-janji itu tiada sampai, lalu Raja ajak mudok-lah. Maka Nik Wan Yusof persembah nichon tanggoh minta' nanti satu hari, esok hari kira2, seperti orang kata perjalan[an] kapal api itu boloh tentu, akan tetapi ada juga' kapal itu gendala sa-suatu, siapa ketahui. Maka Raja kata bonar-lah. Sampai esok tiada juga sampai. Hingga lepas cembahayang dzohor Raja hendak mudok-lah dahulu. Maka Nik Wan Yusof cembah, "Apabila kita mudok waktu ini, banyak susah sampai

orang perempuan2 di-rumah susah sebab sorba salah, di-rumah orang tidak berchadang dan kita ramai2 pun ponat sangat. Sampai ka-rumah orang di-rumah tidak berchadang. Itu-lah hemat perhamba tuanku. Baik-lah potang ini masing2 borsimpan bertanak makan nasi'. Lopas sembahyang kita mudok sampai ka-rumah, sonang, hingga borsimpan sonang ada-nya. Itu-lah hemat perhamba." Maka Raja Kelantan borkonan-lah mudok waktu itu lalu Raja suroh Wan Abu Bakar dan Encho' Bakar pergi beritahu sogala orang2 porahu serta di-suroh tarok porahu naik ka-darat itu. Tiba2 orang pergi mengadap Engku Chit mongatakan kapal / nampa' di-Kuala Tumpat. Maka orang ramai2 pun masing2 menuju poralmu-nya dan poralmu sorati<sup>458</sup> pun sabda suroh bawa' turun sa-lalu dan orang2 masing2 naik hilir dokat Kuala. Kapal pun sampai dan orang ramai2 pun menuju kapal lalu naik. Raja Bondohara pun turun ka-porahu sorati serta masuk mengadap ayahanda-nya. Maka lalu ka-bawah kaus Raja Kelantan suroh-lah mudok borkorah China hilir sa-kali dengan tunggol paluan2. Maka hari pun malam-lah. Esok hari pagi2 semua porahu-nya sampai berhimpun-lah lalu belora' kayoh mudok.

Shahadan tatkala sampai, naik bawa' taroh surat itu di-rumah Nik Wan Yusof lalu siapi membuat alat sambut surat itu dengan pintu hutan tunggol Bondora gajah semua-nya. Maka pada ketika baik surat pun di-ara'-lah dan Nik Besar dan Nik Kar dan Encho' Bakar, Nik Sup Gudang<sup>459</sup> memanggang pedang, To' Hafiz sa-belah. Maka Nik Wan Yusof naik ambil surat lalu di-bacah surat itu domikian bunyi-nya: "Raja Kelantan naik Sultan Muhammad Ratna Nuchit dan Engku Mansor angkat menjadi Tora Pakdi Raja Muda dan Engku Tuan Senik menjadi Tongku Sori Indora dan ayah-nya Tongku

Raja Bondahara(j) menjadi Raja Kelantan.<sup>460</sup> Maka tatkala boraja sudah, maka Sultan pun berangkat balok semua-nya dan Raja Kelantan dua beranak banyak isaf<sup>460</sup> kepada Allah, pada akhirnya bacha membuat 'ibadat. Maka banyak-lah menyuroh orang2 ra'yat mengorjakan kobajikan dan hukum semua-nya. Totapi zaman Al-marhum Sultan pun sudah larang semua-nya hingga orang monyabong ayam pukol bolakang-nya, sa-tengah di-chuchut<sup>461</sup> telinga-nya. Hingga sampai Sultan Ahmad di-larang monura ma'yong dan sogala yang haram, semua-nya ikut hukum Allah. Maka pada masa itu jadi aman-lah ada-nya.

Sa-bormula pada tahun 1305 pada 20 Dzulhijjah, Raja Maha Besar berangkat masuk ka-Kelantan. Maka Sultan dan Raja Kelantan, Raja Muda, Tongku Sori Indora, menyuroh orang buat tempat berhenti dengan khomah di-jalan pengkalan sampai ka-dalam kota. Maka Sultan, Raja Kelantan, Raja Muda, Tongku Sori Indora / hilir monanti di-kuala. Pada hari Khamis 29 Dzulhijjah tahun 1305, Raja Maha Besar berangkat turun ka-atas perahu konaikan Raja Kelantan, perahu morak,<sup>462</sup> dan Pra' Sinha Montori<sup>462</sup> naik perahu sorati, dan masing2 perahu romai<sup>42</sup> anak raja2, dan orang besar2 dato' mengiring dengan perahu kayahan 16, dan perahu let2 payang<sup>463</sup> muat porkakas, banyak buah dan perahu orang monanti tanda alor pengkalan sampai kuala. Dan Raja Maha Besar pun naik-lah. Maka di-sambut dengan meriam 21 das serta dengan tunggol bendora serta berjalan di-bawah khomah sampai ka-balai. Maka Sultan Ahmad dan Raja Kelantan, Raja Muda, Tongku Sori Indora, Nik Wan Yusof<sup>464</sup>, To' Somian, Encho' Na'd,<sup>464</sup> To' Hakim, To' Menggat Mahkota, dan semua-nya duduk jauh. Maka Sultan

panggil Nek Wan Yusof dan Semian Encho' Ha'd masuk dekat dengan Sultan lalu Raja Maha Besar bertanya siapa2 yang boloh memutus binchara di-Kelantan. Maka jawab Sultan, "Nek Wan Yusof dan To' Hakim dan To' Semian Encho Ha'd." Maka titah-nya, "Mana yang nombor (1), apa nama gelaran bahasa Melayu?" Maka jawab Sultan, "Bahasa Melayu Sori Paduka." Maka Raja Maha Besar surat namanya, "Dan sa-orang itu nama apa?" Wan Yusof jawab, "To' Laksanana." Kemudian tanya pula yang lain2 itu. Maka jawab To' Hakim dan Kadhi tempat orang monda wa, dan lain santuan krumkan sa-orang nama Dato' Sori Di-Raja dan Dato' Kaya Menggat Mahkota dan To' Kaya Pahlawan dan Dato' Trawangsa dan Dato' Kaya Muhibalang dan Dato' Bandar dan Dato' Bontara dan Dato' Kaya Muda dan Dato' Polima Raja, semua-nya di-surat ada-nya. Kemudian di-tanya anak raja2 pula hingga habis. Kemudian di-tanya ada berapa ra'yat di-dalam negori ini. Jawab Sultan lebih kurang 25,000 ra'yat. Dan ra'yat Siam ada berapa. Jawab 300 orang dan orang China tidak berapa banyak ada-nya sebab jadi kelurangan<sup>465</sup> sangat2. Kemudian, binchara 'adat sa-bagaimana. Jawab ikut orang2 tuha. Dan orang gaji-kah, jawab tiada bergaji, bagi mayah<sup>466</sup> yang dapat itu, dan lain lagi banyak-lah tanya-nya. Kemudian di-tanya orang Singapura ada-kah masuk tupang di-sini. Maka jawab tiada masuk. Maka titah Raja Maha Besar baik-lah jika domikian. Kemudian ada tidak ambil pa'si.<sup>467</sup> Jawab ambil sa-ratus tiga barang koluar ambil juga'. Dan lain2 banyak lagi bertanya. Maka sombah Sultan, "Patok ini sembah pun dengan puteh hati. Perhamba sangat2 tiada-lah tempat lain2 lagi yang patok harap molainkan ka-bawah duli-lah yang di-harap dengan puteh hati

perhamba." Kemudian lalu di-bahagi persalin habis semua-nya. Lalu Maharaja pun berangkat masuk ka-dalam kota naik ka-balai lalu bertitah, "Ini balai siapa punya?" Maka jawab Sultan, "Balai ini Pia Rija Muchit, itu-lah semua-nya dan tempat sambut surat pun di-sini juga'." Kemudian bertitah, "Aku hendak masuk berjumpa dengan Raja Perempuan bolch-kah?" Maka jawab Sultan suka sangat-lah. Maka lalu masuk ka-dalam berjumpa dengan Raja Perempuan anak beranak. Sultan menyuruh angkat hidangan nasi' ka-handapan Maha Besar itu. Maka ia pun santap-lah betapa 'adat raja perjumpa adok kakot', demikian-lah ada-nya. Dan Sultan keluar ka-balai pula berjemu adok2 raja dan orang besar2 makan semua-nya. Sudah, di-angkat tempong, makan semua-nya. Sudah, lalu Raja Maha Besar berangkat turun pergi ka-kodai melihat2 dan membeli2 bunt kosukaan hingga sampai pukul 5½ baliaru hilir. Maka Sultan, Raja Kelantan, dan lain2 semua-nya turut hilir ka-kuala lalu naik ka-pasir pantai. Maka Raja Maha Besar pun suruh adok2 tiga orang masuk kurnia jam borkotak dua, Sultan satu, Raja Kelantan satu dan Kaching<sup>468</sup> baju 9 butir sa-kotak, 4 kotak sa-orang, dan bekas sirih 4 butir, satu sa-orang senapang 6 laras tiada berburon<sup>469</sup> serta dengan poluru-nya, dan kurnia bintang dua, satu sa-orang. Pada malam Juma'at itu bolayar-lah pergi ka-Terengganu dan Sultan, Raja Kelantan, ramai mudok-lah masing2 balok ka-rumah-nya. Maka sabda Sultan kepada Raja Kelantan, "Kita jadi kodapatan besar juga' atas Wan Yusof / itu; jika sa-kira-nya kita ada nama, dengan kira binchara tentu-lah tiada patut, dan baik-lah kira binchara-nya. Sudah

[di-]tolong Allah atas kita jadi dengan mudah tiada dengan kira suatu apa2." Lalu di-suroh ka-bawah kaus Raja (pun) berhimpun kapada 1 haribulan Muharram 1306. Maka berhimpun habis semua-nya, lalu di-poruai oleh Somian Enche' Ha'd. Sudah, maka Raja suroh Wan Yusof pula peruai Somian Enche' Ha'd Jadi laksanana di-kurnia porsalin 'adat-nya - masing2 keluar balik ka-rumah duduk dengan [tiada] suatu apa haruhara di-dalam negori. Per[on] tahan Raja Kelantan bongsu itu bertambah2 'adil hukum Allah sebab Raja banyak takut kapada Allah, sangat kuat di-suroh sakalian orang2 bolajar hukum Allah, serta Sultan suroh imam Nik Haji Wan Daud membacah hadith tiap hari Thalatha, berhimpun ranai mendengar-nya di-porontah oleh Sultan. Berapa lama-nya sampai bulan Jamadil Athir 1307, ka-bawah kaus Sultan Ahmad jatoh sakit, di-ubati oleh berapa2 taib tiada tahan. Demikian bertambah penyakit, maka lalu Nik Seri Paduka dan sakalian anak2-nya lalu bersabda, "Ini-lah Wan yang hamba panggil hendak berpesan atas Wan tolong jaga. Pada homat hamba lepas-lah dunia dan manakala hamba habis 'umur maka hamba minta' Wan jangan buat lain hanya-lah buat saporti hamba juga". Komedian Raja Kelantan dan Tongku Seri Indra beri jadi Raja Muda. Komedian pada itu mana2 yang patut daripada Wan-lah ada-nya. Dan lagi anak2 hamba yang laki2 beri ia muafakat semua jangan buat harubiru. Maka bolch Wan tolong tegor ajar karana orang semua belaka telah harap-lah hamba-nya. Komedian Wan Yusof-lah bolch hamba harap-nya bolch tolong ganti bapa'-nya serta Wan redha ma'af kapada hamba-nya." Maka Nik Seri Paduka sambil, "Sa-kali ka-bawah kaus minta' redha, sa-puloh kali hamba tuanku redha-nya, tiada borsangkut paut atas ka-bawah kaus

perhamba tuanku. Di-pohonkan demikian itu-lah juga' karana sa-orang tiada dapat tiada-lah juga khilap itu melainkan bonar."<sup>470</sup>

Maka Nik Seri / Paduka pun menangis jatoh ayor mata-lah pada masa itu dan yang lain2 pun menangis, jatoh ayor mata semua yang hadir dekat melihat mendengarkan itu. Shahadan sampai kapada malam Thalatha bulan Rajab 1307, Sultan pun sampai hukum kembali ka-rahmiattullah. Maka Raja Kelantan pun monyuroh orang2 bersiaapi buat usongan raja di-raja, botapa 'adat yang telah sudah karana baharu sangat2 dengan Al-marhum Sultan Muhammad itu. Maka orang perbuat perkakas dan usongan saperti dahulu itu-lah juga', botapa 'adat raja2 itu. Maka Raja pun monyuroh orang bawa' masok ka-bonua Siam persembah kapada Raja Besar dan Raja Besar suruh Pra' 'On Tur Pra 'On Jusi Sonik Wang<sup>470</sup> bawa' surat malawat bawa' perkakas kayu2 gaharu, khalambak, kasturi, dan Prak Kupan<sup>471</sup> bori suruh buat khenduri. Sedah lepas sa-ratus hari, Bawat Karaj<sup>472</sup> pun suruh Raja Long Mansor dengan Engku Seri Indora dan Engku Hal masok bersama2 Pra 'On Jusi Sonik Wang ka-bonua Siam pada 22 Dzulka'idah 1307. Maka Raja Muda dan Tengku Seri Indora dan Engku Tuan Hal pergi sampai boloh mengada[p]. Sudah, maka Raja ampun kurnia soniabat golaran 4 sa-kali serta dengan tera Pra'Kejobar<sup>473</sup> perkakas-nya. Maka Raja semua pun bermohon balok pada bulan Muharram 1308, sampai di-kuala pada hari Ahad 12 Muharram 1308, naik kapal "Serong Si Dui "<sup>474</sup> Maha Besar tolong tambang.<sup>475</sup> Kun, chunchu Pra 'On Si Sandong,<sup>476</sup> naik berhenti di-kuala sa-malam, lalu bolera' mudok bogaimana 'adat-nya. Sampai, naik taroh di-rumah Nik Seri Paduka dan pada 20 Muharram Pra 'On sampai naik berhenti ka-rumah yang

di-buat dalam Kebun Mosta<sup>477</sup> dan pada 7 Safar, Kun Nyai<sup>478</sup> sampai mari di-Singapura dengan orang putch. Berhimpun dan siapi sudah, lalu bolara' bagaimana 'adat; sudah, di-bacah surat sorta poruai saporti dahulu juga'. Maka tiada-lah suatu apa yang menjadi gadoh-nya. Maka sa-lama Sultan Muhammad Kodua<sup>479</sup> memerintah negori Kelantan terlalu-lah aman-nya.

100

P.M.H.A.  
B

Maka tersebut Sultan Ahmad / mari sampai kapada Sultan Muhammad ini banyak-lah monuja2 itu atas kedua kerajaan-nya. Maka ada suatu hari Sultan memanggil Raja Kelantan dan Sori Paduka dan Maha Mentori pergi ka-tempat jauh dengan orang ramai2 di-balai lalu bersabda, "Adok dan Pa'da Sup<sup>480</sup> dan Maha Mentori, abang hendak minta' buat perjanjian. Sa-kira-nya abang di-kohendaki Allah habis 'umur dahulu, abang hendak adok dan Pa'da Sup kira juga bori boloh bolantor<sup>481</sup> bagaimana dahulu. Adok naik menjadi Sultan saporti abang, dan anakanda Raja bori jadi Raja Kelantan, dan Sori Indera Tongku Nal itu bori jadi Raja Muda. Komudian ikut-lah mana2 komudian lopas daripada anakanda bordua itu." Maka Raja Kelantan sanggut-lah dan Nik Sori Paduka mengaku-lah dengan (dengan) Maha Mentori lalu di-porbuat surat, pogang satu sa-orang. Maka Sultan pun kesukaan-lah sebab jadi borsunggoh2 itu ada-nya.

Maka berapa lama memerintah, lebih kurang sa-tahun 3 bulan, datang-lah peridaran Iurnia kapada 2 Shawal malam Ithnin tahun 1308 waktu jam pulok 4, telah sampai-lah hukum Allah melaksanakan atas hamba-nya kembali ka-rahmattullah. Maka tolak di-siapi oleh Raja Kelantan dan Raja Muda Tongku Sori Indera membuat perarakan botapa 'adat raja2-nya bolara' ka-makan Langgar. Maka Raja

Kelantan-lah memerintah mengikut perontahan kakanda Al-marhum Sultan Muhammad itu. Maka pada masa itu-lah Per 'On Jusi keluar mari buat tempat kampong di-Pasir sa-belah hilir Kapitan China dan di-halau Al-marhum, buat rumah tempat di-dalam Kobun Nesta, kemudian ia sondiri buat kampong sa-belah hilir itu. Lalu Engku Chit sa-belah hilir dengan Engku Putera di-dalam Kobun masuk ka-benua Siam mongadap Maha Besar lalu Raja Maha Besar kurnia nama Engku Chit Pra' Annat dan Engku Putera nama Pra' Pitab. Sudah Jusi bawa' balok mari borapa lama, ada-lah pada suatu hari ada orang kuala nama Ko Li Ling<sup>482</sup> mongadap Raja Kelantan, kata, "Ada hamba Engku Chit nama Mat 'Ali churi itok." Bertemu dengan Ko li ling, di-ambil bawa' kapada Maha Monteri suroh / Kuwing<sup>483</sup> Salleh dan Dagang<sup>484</sup> anak Kuwing Huda pergi panggil. Maka Kuwing Salleh dengan Dagang pergi panggil Mat 'Ali. Maka Mat 'Ali lari masuk ka-dalam kampong Engku Chit dan Kuwing Salleh dengan Dagang turut masuk ka-dalam kampong Engku Chit. Maka jadi perkolahan bertikam. Maka Kuwing Salleh pun kena tikan dan Dagang lari tiada ketahuan dan Kuwing Salleh balek dahulu, dan Dagang lambat sebab duduk menudut<sup>485</sup> di-dalam go' ayam.<sup>486</sup> Maka Maha Monteri sangat2-lah marah-nya lalu suroh pergi binchara pada malam itu, lalu di-panggil Nik Soris Paduka suroh pergi sa-bolah hilir pergi binchara pasal itu. Maka tiada-lah siapa2 menyombah kapada Raja. Maka Nik Soris Paduka monyembah, "Jika ka-bawah kaus hendak suroh perhamba tuanku pergi binchara pasal itu maka perhamba tuanku mohonkan tanggoh pagi esok-lah perhamba tuanku pergi binchara pasal itu." Maka lalu bersabda, "Suruh Maha Monteri pula." Maka Maha Monteri pun persombah jawab saperti

Nik Seri Paduka itu juga'. Maka binchara itu semua itu poroloh orang sa-belah hilir. Maka Raja pun diam-lah, baik-lah. Nik Seri Paduka pun balek-lah. Maka pada malam itu Raja menyuruh orang2 naik ka-darat berkorah sakalian ra'yat2 turun. Maka banyak-lah ra'yat yang doket2 sampai turun pada malam itu masing2 mencheri penghulu2 dan orang sa-bolah Engku Chit pun banyak habis-lah di-korah turun. Hingga pagi2 esok akan ra'yat2 pun borsesak di-modan, masih2 ra'yat mencheri penghulu. Maka Nik Seri Paduka mnsok mengadap Raja serta di-persenbahikan, "Perhamba tuanku harap ampun-lah boribu2 ampun fasal Raja suruh perhamba pergi binchara sa-bolah hilir itu. Jika ada ampun kurnia akan perhamba tuanku pergi ka-sabolah hilir itu biar-lah perhamba tuanku pergi sa-orang dahulu, dan Maha Mentor i jangan-lah pergi lagi, b[ialr]<sup>487</sup> perhamba sa-orang dahulu pergi-nya. Jika jadi bincharaan 102 perhamba tuanku, kemudian ilut-lah siapa2 pula sebab / ada kodongaran khabar orang marah sangat kapada Maha Mentor itu. Pada masa ini perhamba tuanku h tidak pun minta', To' Hakim sudah-lah bersama2 perhamba tuanku pergi itu."<sup>488</sup> Maka Jawab Raja, "Benar saporti Pa'da Sup kata itu." Maka lalu Nik Seri Paduka ajak To' Hakim dan Dato' Panglima Raja berjalan pergi-lah. Maka sampai di atas tebing Sungai Budor<sup>489</sup> lalu borjumpa dengan Nik Mat Besar dua tiga orang bersama2-nya dan lain2 orang menusut di-dalam pagar sorts Nik Mat Besar berkata, "Mana kota Maha Mentor hendak mara, sungguh2 sampai, tiada. Maka jika demikian, abang mari ini tiada-lah jadi saporti di-kata itu. Tidak apa-lah hamba balek, abang pergi-lah, tiada suatu apa2-nya." Lalu Jawab, "Apa-lah hal h tidak suruh abang sa-orang itu, mara-lah kita bersama2 menjadi kita sama2 kita juga' yang sudah-nya , mana-lah

103 sama dengan orang lain." Maka lalu jawab Nik Mat Besar, "Jika domikian tiada apa-lah." Lalu bersama2 berjalan pergi bertemu di-rumah Jusi, di-rumah Pra' Legong, lalu Nik Seri Paduka sambil, "Perhamba engku mari ini ka-bawah kaus anekanda Raja Kelantan menyuruh perhamba engku mengadap ini kerana ada-lah Mat 'Ali membuat pokorjaan menyalah 'adat. Orang panggil dengan sebab ia perentah tikhak orang yang membawa' sabda, itu-lah salah-nya; di-sabda suroh perhamba tuanku mari pohon minta' Mat 'Ali orang membuat selahan, domikian itu-lah sabda-nya." Maka jawab Engku Chit, "Nik suroh orang2 chari juga' dah<sup>489</sup> sebab Nik pun sudah ketahui domikian itu, maka tidak apa-lah fasal Mat 'Ali itu tikhak, sudah suroh orang2 chari. Jika borjumpa boloh Nik suroh orang pergi hantar-lah kapada Pa'da Sup, jangan susah lagi, pergi balok-lah." Maka Nik Seri Paduka dan To' Nakim pun mohon balok-lah. Sampai, masuk persembah kapada Raja Kelantan. Maka sabda-nya, "Sa-bagaimana Pa'da Sup harap? Tiada torima? Ambil sa-lalu? Ada-kah saperti kata itu?" Maka Nik Seri Paduka jawab, "Kerana binchara<sup>490</sup> / ia itu dengan ikrar perkataan apa2, itu-lah yang di-boloh di-pegang, dan apa2 janjian atau tanggoh pun dengan perkataan-lah boleh di-pegang sebab mana sa<sup>491</sup> itu dengan ikrar perkataan itu-lah yang boleh di-pegang-nya." Shahadan tengah duduk bersabda2 itu orang masuk persembah kata ada Nik Mat Besar dengan Wan Husin bawa' hantar Mat 'Ali, ada di-rumah. Lalu sabda-nya suruh Penghulu Samen dengan Nik Hassan pergi torima Mat 'Ali itu. Maka kata Nik Mat Besar dengan Wan Husin, "Ta' da di-sabda suroh bori kapada lain orang kerana posanan suroh saya bori kapada Nik Seri Paduka sendiri. Maka Nik Hassan

dan Penghulu Saman pun masuk pergi sambil ka-bawah kaus Raja Kelantan. Maka sabda-nya, "Bagaimana Pa'da Sup yang domikian itu?" Maka Nik Seri Paduka sambil, "Baik-lah perhamba tuanku sendiri pergi." Maka Nik Seri Paduka pun keluar-lah berjumpa dengan Nik Mat Besar dan Wan Husin. Maka kata Nik Mat Besar, Wan Husin, "Ini-lah Mat 'Ali. Sabda Engku Chit suruh hamba bordua bawa' mari kepada abang. Itu-lah pesanan-nya." Maka jawab, "Baik-lah mari adinda bordua kita mengadap Raja, jadi bertambah tahkik pula ada-nya." Lalu masuk semua-nya membawa' Mat 'Ali sampai kapada sesang<sup>102</sup> di-dalam pintu. Mat 'Ali [di-]pegang di-situ dan Nik Mat bordua masuk bersama2 Nik Seri Paduka ka-balai mengadap Raja. Habis persembahan, Nik Mat Besar bordua pun mohon keluar balik. Sudah, tiba2 sabda pula ada sa'in Mat 'Ali tiga orang lagi kona pergi minta' kepada-nya. Maka sabda-nya, "Jika di-hantar tiga [pun]<sup>103</sup> tidak apa-lah. Jika ia tiada mahun hantar pun bolch. Maka kona-lah membayar denda sa-ribu ringgit. Manakala bayar sa-ribu ringgit, Mat 'Ali itu pun hendak pulang balik jadi selesai semua-nya." Maka Nik Seri Paduka tengah sakit lutut, tiada berapa l berjalan, lalu di-suruh To' Hakim dan Nik Hassan. Maka To' Hakim dan Nik Hassan ramai2 pun pergi-lah waktu jam pukul 8. Maka masing2 pun duduk menanti berapa banyak tiada boloh kodongaran apa2 hingga sampai pukul 1½. Maka masing2 pun balik makan, dan tatkala To' Hakim pergi, sa-bagaimana pula kata-nya, jadi terkejut pula / orang sa-baloh Engku Chit. Maka berhimpun dengan alat senjata, tiada-lah bertentu saperti yang di-binchara itu. Maka To' Hakim ramai2 semua-nya tiada dapat maksud pergi itu. Maka Raja pun menyuruh orang2 pergi bertanya

sa-bagaimana-lah pula; itu pun tiada boleh kedengaran apa2-nya lalu di-suroh Dato' Bentara dan Tuan Not dan Menggat<sup>494</sup>. Muda habis semua-nya, tiada boleh ketentuan apa2-nya hingga sampai waktu jam pukul 3<sup>b</sup>. Lalu Raja panggil Nik Seri Paduka, sabda-nya, "Pa'da Sup pula pergi. Jika tidak Pa'da Sup pergi, tiada boleh tentu." Maka Nik Sori Paduka pun berjalan pergi. Tiada berapa lama, dengan porahu tujoh lapan orang, maka sampai-lah, pergi lihat To' Hakim dan Dato' Shahbandar dan Tuan Not dan Nik Hassan dudok borchongot<sup>495</sup>. Engku Chit tiada pada masa itu, ia dudok di-dalam rumah tempat balai Somedit Jusi dengan ra'yat2-nya, berhimpun dengan alat2 senjata-nya; bodil, lombing, koris sa-gonap tangan orang2-nya. Sebentar dudok lalu di-suroh orang terbit mari panggil Nik Seri Paduka masuk. Maka lalu berajak masuk, tujoh lapan orang tinggal di-luar, lalu masuk mengadap di-dalam tempat balai Jusi Somedit. Lalu sabda Engku Chit, "Sa-bagaimana Pa'da Sup sabda Raja itu?" Maka sambil Nik Sori Paduka, "Bagaimana To' Hakim sembah ka-bawah haus?" Maka jawab kata, "Ada To' Hakim mari, kata Raja berkohondak kapada orang yang tiga lagi itu. Jika tidak Raja hendak 'adat, mudahan dengan telong Allah boleh selesaikan dengan kemudahan." Fasal ini jadi bertanggong-lah di atas perhamba tuanku ada-nya." Maka Nik Sori Paduka pun mohon ramai2 semua-nya belek. Lalu sampai masuk mengadap Raja Kolantan serta persembah Engku Chit pohon minta tanggoh tujoh hari bayar-nya. Maka lalu di-sabda, "Sabagaimana Pa'da Sup 'adat-nya, jadi seperti To' Hakim-lah, dari tujoh hari sampai lima hari kemudian tiga hari pula. Sa-bagitu-kah 'adat-nya? Boleh-kah bertanggoh?" / Maka jawab Nik Sori Paduka, "'Adat pun

boleh tanggoh." Maka sabda-nya, "Dahulu2 pada ini ada-kah tanggoh?" Jawab, "Boleh tanggoh." "Sa-bagaimana zaman dahulu Marhum, tiada bertanggoh, bukan begitu?" Maka jawab Nik Seri Paduka, "Betul sunggoh zaman Marhum. Raja Muda itu tiada bertanggoh, sebab itu (dan muda dan ini) anak Raja Muda kita tidak lonta' lagi dia jadi Raja Muda. Itu-lah sebab-nya."

Kemudian lalu sabda suroh panggil Naha Monteri hendak bertanya kepada-nya. Maka orang pun pergi-lah panggil Maha Monteri. Lalu Nik Seri Paduka sambil, "Hari ini dengan tuah ka-bawah kaus hamba ongku monghukum akan orang ini. Segala hari2 porhamba tuanku hakim orang di-bawah lidah porhamba tuanku. Pada hari ini hamba tuanku hakim orang dengan tuah ka-bawah kaus boloh hamba tuanku hakim di-bawah mulut bodil dan di-hujong lombing orang. Itu-lah boloh juga' di-hukumkan orang." Lalu di-angkat tangan menyembah undor di-bolokang dudok-nya. Sudah, Maha Monteri pun sampai mengadap, lalu Raja sabda tanya Maha Monteri, "Sa-bagaimana 'adat, orang sa-bolah hilir bertanggoh tujuh hari hendak bayar, boloh-kah?" Maka sambil-nya, "Sa-bagaimana hamba tuha itu." Maka jawab Raja, "Pa'da Sup boloh tanggoh." "Maka domikian sudah hamba tuha menyembah akan 'adat-nya, apa2 dan siapa2 lagi di-dalam negori Kelantan ini yang memutus-kan 'adat-nya? Paham porhamba tuanku tiada-lah boloh siapa2 yang boloh memutuskan 'adat-nya." Maka Raja pun diam-lah.

Sa-bermula sampai tujuh hari Engku Chit pun monyuroh-lah Nik Mat Besar dan Wan Husin dan Penghulu Sulong ranci2 membawa<sup>496</sup> ringgit sa-tengah dan gajah sa-ekor, palu<sup>496</sup> jadi chukup sa-ribu bawa<sup>496</sup> hantar ka-rumah Nik Seri Paduka Raja. Lalu Nik Seri Paduka

bawa' persombah kapada Raja, dan Raja pun terima ringgit, dan gajah di-pulang suroh polihara baik2. Jadi selesai-lah ada-nya. Maka negori Kolantan pun senang-lah tiada suatu borgaduhan apa2-nya.

Kemudian Maha Monteri kena bodil. Ia duduk di-rumah / Encho' Mah. Lopas makan sahor, belum tidor lagi, tengah duduk monyatok,<sup>497</sup> lalu di-bodil dua2 sa-kali; kena kedua2 poluru lalu mati. Tiada kedapatan orang yang membuat itu. Dan berapa lama ada borgaduh dengan To' Kaya Somatang<sup>498</sup> Pahang dan To' Gajah. Sampai Pia Tib<sup>499</sup> bawa' kuasa di-suroh oleh Raja Maha Besar Siam sorta bawa' orang mata2 dengan Luang Wisut<sup>500</sup> suroh pergi tangkap Orang Kaya itu dan Raja suroh Engku Silia Raja dan Dato' Panglima Dalam dan lain2 orang2, penghulu2, mudok pergi akan sepedang<sup>501</sup> Kolantan dan Pahang. Maka Engku Silia Raja dengan Dato' Panglima Dalam berjumpa dengan Orang Kaya dan Dato' Gajah anak boranak laki perempuan. Maka Orang Kaya dan To' Gajah pun sangsut kapada Engku Silia dan Dato' Panglima Dalam hendak ikut perontahan ka-bawah kaus Raja Kolantan, hendak suroh ia masuk akan bonua Siam pun suka-nya. Dan segala perempuan dia suroh hilir mari berhonti di-Kota Baharu monanti bila sampai kapal boleh naik bolayar masuk ka-bonua Siam. Alch2 sampai mari Pia **Tib** kuasa. Ia ajak mudok pergi tangkap. Maka jawab Nik Seri Paduka jangan tangkap, ajak ia masuk ka-bonua Siam pun ia hendak pergi juga'. Maka kata Pia Tib tiada perchahya, lalu ia suroh Raja Muda minta' mudok pergi sa-kali dengan dia. Maka Raja minta' tangcoh hendak panggil Nik Seri Paduka hendak borkira. Ia larang tiada beri sobab dia bolch borkata2 dengan Nik Seri Paduka.

Maka jadi bersalahnya kira-nya, itu-lah ia tiada maun berkira dengan Nik Seri Paduka itu. Jadi bersalahnya pendapatan - lalu Raja suroh Raja Muda dengan Nik Hassan berjalan-lah pada malam itu, dua malam baharu sampai. Akan tetapi Orang Kaya dan To' Gajah sudah ketahui orang pergi hendak tangkap ia itu, lalu ia undor mengelib,<sup>502</sup> tiada-lah siapa2 berani hendak menchari. Jadi terlepas-leh daripada tangan Engku Silia dan To' Panglima Dalam. / Komudian hilir mari buat marah kapada Engku Silia dan Dato' Panglima Dalam, hendak tangkap, suroh Raja Kolantan tangkap, ambil tuboh Engku Silia dan Dato' Panglima Dalam hendak bawa' masok ka-bonua Siam. Lalu Raja suroh tongku2 ramai2 duduk menanti di-dalam gudang piun,<sup>503</sup> di-suruh Nik Seri Paduka dengan Nik Hassan pergi ambil Engku Silia dengan Panglima Dalam bawa' masok ka-dalam gudang suruh ambil keris senjata-nya dahulu. Maka Nik Seri Paduka dua beradik pun pergi, nasihat ajak masuk dalam gudang. Sampai, minta' keris ambil tinggal tuboh saja, baharu di-bawa' masok ka-dalam gudang, di-torima oleh tongku2 semua-nya lalu di-pengang di-dalam gudang itu. Sudah, hingga sabda-nya, "Kona Pa'da Sup pergi sambil sama Raja Muda-leh ka-bonua Siam bersama2 dengan Pia Tib kuasa." Sudah, maka Raja Muda bersimpan turun hilir pergi naik kapal mengikut bolyar. Tanda berapa lama sampai ka-bonua Siam. Pada masa itu Raja Maha Besar tengah duduk berasa sakit tiada boleh mengadap hanya-lah mengadap anak yang hendak mengganti Maha Besar itu. Engku Silia dan Dato' Panglima dan saudagar Awan Ngah dan pedokan Mat Husin orang ambil masoli ka-dalam jo<sup>l</sup><sup>504</sup> dan Raja Muda orang hantar dengan kapal balok. Pada bulan itu juga sampai ka-Kolantan dengan selamat-nya. Dan

Engku Silia mati di-bomua Siam dan [yang] lain itu lopas balok dengan sempurna-nya. Kemudian Long Wisut pergi turut akan Bosut, berjumpa dengan orang, di-podaya, makan podaya-nya, di-bawa' pergi akan Terengganu, balok mari ka-Kelantan. Sudah, mudok pergi bertemu sa'in dan perjanjian nanti di-Kuala Lebir. Sudah berjumpa semua-nya, lalu di-tangkap ambil semua-nya, lalu bawa' masuk ka-bomua Siam. Habis selesai di-negori Kelantan pun senang-lah tiada suatu apa2 bergaduhan.

Beberapa kali Raja sakit, lalu Raja buat surat kepada Raja Siam fasal wasiat Al-marhum dan perjanjian Nik Seri Paduka dengan Chukon Pra'Kelahum Pia Pulatib tatkala masuk dengan Pia Tib / kuasa hendak mengadap Raja Maha Besar berapa sakit itu. Maka surat hantar masuk pergi, lalu Raja mari bawa' surat seniabat. Maha Besar sondiri mari sampai, dan Raja Kelantan hilir pergi mengadap di-laut, lalu Raja Maha Besar kurnia kapada Raja. Sudah, lalu mudok naik berhenti di-rumah yang di-buat di-tengah halaman itu. Raja Maha Besar berjumpa semua-nya lalu hilir belayar balek. Sudah, lalu Raja Maha Besar hantar surat seniabat gelaran nama-nya. Lalu Nik Seri Paduka suruh siapi alat2 hendak membuka surat chap seniabat itu. Maka lalu di-suruh orang buat pintu hutan, bendora gajah siapi di-balai sempurna-nya. Maka pada hari yang baik lalu di-arai' surat itu seperti adat sambut surat. Sampai ka-dalam kota, lalu bacha Raja Kelantan angkat menjadi Pia Raja Nuchit Mohir Seraj Nukon Webun Pakdi Sultan Muhammad Ratna<sup>505</sup> dan Raja Muda angkat naik lonta' jadi tempat Pia Pakdi Seri Sultan Muhammad Ratna Nuchit Siti Santun Wiwangsa Pia Kelantan dan Pra' Rasda angkat naik lonta'

tempat Pra' Yuti Pardok Berut Pakdi,<sup>506</sup> Raja Muda monolong pokorjaan Kolantan. Sudah teriak tiga kali, Jawab monjujung duli semua-nya. Maka lekat gelaran Sultan Mansor itu. Itu pun tiada-lah suatu apa2. Senang-lah di-dalam negori Kolantan <sup>meski</sup> berapa2 lama-nya. Maka pada masa itu Sultan menyuruh segala ra'yat2 belajar hukum alhirat semua-nya. Maka jadi-lah aman sempurna-nya. Tiada suatu apa2 dengan sebab Sultan terlalu 'adil-nya.

Se-bermula pada tahun 1317 Sultan Mansor jatoh panyakit domam sadikit, bertambah2 lama-nya tiada sehat. Beberapa di-ubat dengan taib2 pun tiada juga' sehat. Ka-bawah kaus Raja Kolantan pukol teligraf ka-benua Siam dan Raja Maha Besar suruh Pia Sukon<sup>507</sup> mari molihat Sultan borasa itu. Maka Pia Sukon sampai ka-Kolantan lalu masuk borjumpa / dengan Sultan. Maka Pia Sukon sampai dua hari, maka kembali-lah Sultan Mansor pada 8 haribulan Safar waktu jam pukol 6½, tahun 1317. Kālu innā lillahi wa innā ilaihi rāji'ūn. Demikian-lah ada-nya. Maka Raja Kolantan dan Raja Muda pun menyuruh orang membuat porketas alat usongan bagaimana 'adat raja mati itu dan di-kuborkan di-Langgar.

Al-hosah, maka tersebut-lah Raja Kolantan memerintah kerana sudah tertontu daripada dahulu itu. Akan tetapi Pia Sukon konampakan pada-nya ramai2 negori Kolantan, ia hendak bori jadi negori yang tujoh itu-lah.<sup>508</sup> Sudah di-dalam dua tiga hari datang (datang) Pia Sukon pula balok masuk ka-benua Siam pergi minta' surat kuasa kepada Raja Maha Besar hendak memerintah. Lalu, sudah di-dalam se-puluh hari lebih kurang, sungguh-lah

Pia Sukon bawa' koluar surat, ia mari kata Raja Maha Besar suruh ia mengatakan perontahan semua-nya. Sebab itu-lah di-negori Kelantan huru-hara habis kesakitan rā'yat semua-nya. Hingga beberapa lama-nya tiada bertemu kira yang berbetulan lalu Raja Kelantan borkira2 hendak masuk akan Bangko' hendak ikut Singapura supaya boloh monchari jalan jikalau dapat. Maka Raja Kelantan pun bersiap lalu belayar ikut Singapura, masuk Terengganu berjumpa Yang Di-Pertuan Terengganu. Sudah, lalu belayar naik kapal bedagang<sup>509</sup> ka-Singapura, berhenti ada lima belas hari, bolang<sup>510</sup> monchari jalan, lalu belayar ka-benua Siam mengadap Maha Raja Besar. Mula2-nya baik berhimpun Pia Sukon dengan Pra' Cha, kemudian borolah pula fasal bincharaan tiga empat perkara, tiada-lah dapat Raja Kelantan ikut perontahan2 Pia Sukon sa-genap perkara sampai kapada Pia Sukon tiada benar di-ajar matay<sup>511</sup> lain daripada / bahasa Siam. Itu-lah perontahan atas negori Kelantan. Itu-lah hal-nya yang tiada dapat hendak di-katakan lagi. Demikian-lah ada-nya.

110

Telah selesai-lah ini chotera pada malam Rabi'a 9 haribulan Rabi' al awal tahun 1332 pada waktu jam pukul 9 malam (di-hadapan Wan 'Ali bin Wan Yusof \_\_\_\_\_).<sup>512</sup>

Dan ini chotera dua, saya buat satu, ia-itu saya ambil daripada chotera Raja Muda<sup>513</sup> satu, yang membawa' kepada saya-nya Tuan Guru Haji Awan Konli,<sup>514</sup> dan yang akhir ini saya dapat daripada Wan 'Ali Pukan,<sup>515</sup> ia-itu ia dapat daripada Nilt Sori Paduka,<sup>516</sup> sangat2 botul.

CHAPITAH

1. Nama Enche' Siti momang terkenal dalam cherita2 lama di-Kelantan. Nama ini berubah2, misalnya Enche' Siti Jarum Bergiling atau Cho' Siti Wan Kembang. Rengkasen Chetora Kelantan mengatangkan bahawa Enche' Siti bukanlah penerontah Kelantan yang pertama; ia ada-lah anak Raja Ahmad, chuchu Sultan Mahmud Shah Melaka. Nama asalnya Cho' Wan Kembang, dan Siti ada-lah gelaran dari-pada bahasa Arab yang bermna'na tuan perempuan (lihat Rengkasen Chetora Kelantan ms. 6-7).
2. Kononnya ini-lah nama negori Kelantan dahulu kala; menurut Rengkasen Chetora Kelantan tempat ini ia-lah di-Kampong Chetok, Kelantan, sekarang.
3. ~~سکنی~~, ia-itu ra'yat jelata. Penukaran bunyi /ai/ kepada /r/, lihat Br. ms. 127.
4. Pada masa ini sa-buah kampong dalam jajahan Pachok, ia-itu Kedai Lalat (Rengkasen Chetora Kelantan).
5. Menurut Rengkasen Chetora Kelantan, anak Raja Luyor Jembal. Kalau mengikut cherita2 lama Kelantan, Tuan Puteri Sa'dong borasal dari buloh.
6. ~~گاران~~; ia-itu ejaan yang di-gunakan dalam naskhah ini.
7. Menurut Rengkasen Chetora Kelantan, Raja Dedolah ( دل ) anak Raja Bahar dan jadi-nya sa-pupu Puteri Sa'dong, kedua-duanya chuchu Raja Sakti, Raja di-Jembal, yang beketurunan daripada Raja Besiong, Kedah.
8. سمنن ; dan juga variasi سمنن ; sispan bermna'na: sicip, sedia, berkemas. Lihat Br. ms. 166, chatatan 2.
9. دهان
10. Sekarang tempat ini di-panggil Kota, letak-nya dalam daerah Kota Baharu, Kelantan (T. Kh.)
11. Menurut Rengkasen Chetora Kelantan, Enche' Siti pergi ka-Gunong Chinta Wangsa, sa-buah bukit di-sempadan Terengganu dengan Kelantan.
12. سرثما ; ser-umpama.
13. هلهع ; mungkin sekali salah tulis di-sini, maksud-nya hulu-balang.
14. سنه ; bertitah.

15. تُوْ چا' To' Chao, bonor Siam (Renjakan Chetara Kelantan).
16. بُرلاخ
17. مَارن ; juga مَارن , mahu
18. مَكافن ; chakaran. Lihat Br. ms. 128.
19. Tidak terang tulisan-nya; قدرت atau قدرث , kudrat atau kadar-nya.
20. Dorpasokan.
21. شد ; perkataan ini di-gunakan di-Kelantan dengan pasangan-nya sa-baloh - dan tidak sa-baloh menyebaloh.
22. شد ; membawa ma'na : pohak; ia-itu mengikut di-atas.
23. Di-gunakan di-Kelantan dengan ma'na : datang.
24. لمکع ; ia-itu lengkong, mengelilingi (Klt. Gl.)
25. Membacha montera untuk menghilangkan diri, beralih tempat, atau menukar rupa (D.P.M.)
26. Nama sa-buah hutan; chorang ma'na-nya: hutan.
27. Kota Mahligai; di-sebut sekarang Kampong Nahligai, di-dalam jajahan Pasir Putch. (Renjakan Chetara Kelantan)
28. سُرّاق ; menujum.
29. Terus menerus, langsung, sa-ketika itu juga.
30. مستحب ; mustahid.
31. Boritahu.
32. اونغ ; untong.
33. اکارا ; ankara.
34. Suratan, takdir, atau lepas kira.
35. Sedang melakukan sa-suatu.
36. رجرا ; bhthora.
37. Di-gunakan di-Kelantan dengan ma'na : dapat atau beroleh.  
Lihat Br. ms. 19 - 20.
38. ململله ; hilang-loh.

39. Tidak peduli, atau tidak mengambil berat.
40. بکرای ; bersurau.
41. طلخ ; pacang; selalu di-tuliskan seperti ini.
42. کام ; kayan.
43. مدریت ; menderita.
44. سالو-نیا di-tuliskan sahaja, tetapi sa-bonar-nya tabib.
45. بیم ; mungkin sekali bapor, ejaan di-sini mungkin mengikut penulisan Kelantan - bohm&.
46. همانین ; bersama, ia-itu bersama2.
47. Sekarang Kuala Komasin, ka-utara Bachok, Kelantan. (Rengkacan Chetera Kelantan) Angkatan Puteri Sa'dong mudik Sungai Komasin ini-lah.
48. Tanjung Jerin atau Joring, di-dalam daerah Bachok, Kelantan, di-tebing Sungai Komasin.
49. Menurut W.H. Penkalan Galoh, tetapi kedua2 nama ini tidak terdapat pada peta.
50. Nama tempat tidak terdapat pada peta, tetapi ada-lah dalam daerah Bachok, Kelantan.
51. Sa-buah bukit dalam daerah Bachok. Bukit ini-lah di-perchayai oleh orang Kelantan tempat dian Tuan Puteri Sa'dong yang di-perchayai masih hidup lagi.
52. Sa-bonar-nya, Tuan Puteri Sa'dong memanggil.
53. Dekat Bukit Marak, tetapi tidak terdapat pada peta.
54. برجونا ; berjungan.
55. کرسینن ; kerusinan. Lihat Br. ms. 146, chatetan 1.
56. Pindah
57. مراتب ; merataq.
58. مندوة ; menengok.
59. بندسو ; yang bonsu.
60. ریگنار ; berchakap2, lihat juga chatetan 18.
61. جوچ ; ia-itu chechuk.

62. Maning Berembun.
63. Juga chendera atau nyedera; di-gunakan di-Kelantan, bermna 'nyonyak'.
64. جَنْكُوب ; bertangkup.
65. Sapu, lonor (Wil.)
66. Di-gunakan di-Kelantan dengan ma'na : keluar.
67. کَوْسَان ; dosa-nya.
68. دَعْ ; hutang.
69. بَرَارِه, بَرَارِه; selalu-nya di-eja domikien, tetapi terdapat juga بَرَارِه atau بَرَارِه.
70. Sekarang tempat ini tidak terdapat lagi, dahulu dudok-nya pada jalan ke-Semut Api, Kelantan. Padang mungkin sekali Padang. (T. Kh.)
71. سَرْلَه
72. Di-sini mungkin sekali ي tertinggal.
73. لَهْ ; lansong.
74. فَلْعَ ; walaupun terdapat kamus Klinkert mengatakan پونگ-کوئی bukit; ia-itu bermna 'di-balak' atau 'di-sobalok', namun پین رُون bukit lebih lazim di-gunakan di-Kelantan dengan ma'na pertengahan bukit (D.P.H., juga Sa'ad Shukri)
75. Sultan yang menggantikan Sultan Abdullah, juga di-kenali sa-bagni Sultan Dorchim (دَرْحِم) atau Sultan Abdul Rahim. (Rengkaian Chotera Kelantan)
76. مَنْتَهِل ; menuntut bala, sa-bagni perbandingan lihat chatetan 402.
77. سَدْرَة ; sanggup, bolch juga di-bachha 'sunggoh', tetapi 'sanggup' lebih mungkin kalau di-perhatikan dari segi penukaran bunyi. Lihat Bab II, cheraian I : 1 (b).
78. نَلَكْ ; Harus yang di-maknudkan ia-lah perlantukan. Jikalau di-tulis dengan penoh, mungkin jadi-nya perlatukan, ia-itu /n/ hilang. Lihat Bab II, cheraian I:2.
79. کَاكِه ; kaknak; satu variasi daripada کاکِن.

80. Kota ini di-perbuat daripada teras pokok temesu (tembesu), lalu di-namakan Kota Teras. Sekarang tempat ini di-kenal sa-bagai Kampong Teras. (Rengkasan Chetora Kelantan)
81. سکراسي ; sakar isi.
82. کنفان ; komiskinan.
83. Mungkin juga Ratu; → dan → hampir sama. Kalau mengikut A. Rentee (JMBRAS, V Jil. XII ms. 57), Datu ini mungkin Dato' Pujud yang dapat di-samakan dengan Dato' Pengkalan Tua, anak Raja Petani, Wan Senik, kerana ia-lah yang mendirikan kota di-Pengkalan Datu. Ini menegohkan lagi pendapat Anker Rentee bahawa Raja2 Jembal memerentah sa-belum dan tidak sa-lepas-nya.
84. Pengkalan Datu, dalam daerah Bachok, Kelantan.
85. Nama sa-bonar-nya ia-lah: Raja Ngah (Rengkasan Chetora Kelantan)
86. كلوجار ; Keluchor sa-benar-nya; letak-nya dalam Kota Baharu, Kelantan, dan di-sini ada sa-buah kubor yang di-katakan kubor Raja Udang.
87. Menurut Rengkasan Chetora Kelantan, Long Pandak ia-lah chuchu Dato' Pujud atau Dato' Pengkalan Tua, Raja Petani. Long ia-lah asal-nya daripada Luong, pangkat yang di-beri kepada orang kebanyakannya di-Siam.
88. Pasir Emas dalam wilayah Selatan Siam sekarang. 'Sa-berang To' Doh' membawa ma'na bahawa tempat itu di-sabерang sungai dari tempat yang bernama To' Deh, sa-buah kampong di-sempadan Kelantan dengan Siam. Mungkin sekali ini ada-lah tambahan oleh si-pencherita untuk menerangkan kedudukan Pasir Emas yang di-cheritakan itu. Pasir Emas ini bukan Pasir Mas di-Kelantan sekarang ini.
89. Sa-bonar-nya Lorch; sa-buah negeri Melayu lama, pada masa ini di-utara negeri Kelantan, dalam wilayah Selatan Siam. Dalam naskhah ini selalu di-tulis لورچ ia-itu mengikut ka'edah ejaan penulis. Lihat Bab II, ceraian III : 3.
90. Pada simpang jalan ka-Wakaf Baru dan ka-Pasir Pekan dalam daerah Pasir Mas, Kelantan, sekarang. Ada bekas2 kota di-tempat ini sekarang.
91. Ko' Keranji, nama tempat di-antara Kampong Laut dengan Ko' Keli (Rengkasan Chetora Kelantan). Ko' ma'na-nya : tanah tinggi.

92. Maksud-nya ia-lah: 'bordus den an Raja Muda'. Mengikut Renekasen Chatera Kelantan, Raja Muda ia-lah Long Pandak dan Raja Kubang Labu ia-lah abang-nya, Long Muhammad.
93. Komboja; dalam tayangan wayang kulit Kelantan, negeri Komboja di-sebut Longsung Keboyat. (U. Abd. R.)
94. Menurut Renekasen Chatera Kelantan Tuan Melor, chuchu Dato' Pengkalan Tua.
95. Menurut Renekasen Chatera Kelantan Long Sulaiman ada-lah anak Long Bahar, chuchu Dato' Pengkalan Tua, dan berketurunan daripada sa-orang anak raja Bugis, dan bukan berasal daripada Komboja.
96. سُجْع : tumpang.
97. Ter tulis di-halaman tepi pada sa-belah atas ms. 24 naskhah asal: "Cherita ini tidak betul".
98. Atau Potani, sa-buah negeri lama Melayu, sekarang dalam wilayah Selatan Siam.
99. Kuala Sungai yang sekarang sudah tertutup apabila aliran ayer berubah haluan. (T. Kh.)
100. منزع كرم : menumpang kirimi; berlindong diri (T.Kh.).
101. Sa-benar-nya lekat perut, simpulan bahasa di-Kelantan bermakna mengandong atau hamil. Selalu di-anggap sa-bagai perchakapan halus.
102. Kuala Lampu, sa-benar-nya. Lihat chatetan 99.
103. سفهان : sempurna-nya.
104. ترکم : tenamelan.
105. سارغ : sekarang.
106. لع جوس : di-kenali juga sa-bagai Long Yunos. Ia di-katakan sa-bagai pemboh kesultanan Kelantan yang ada sekarang ini dan kubor-nya masch ada di-porkuboran di-raja di-Langgar, Kota Baharu, Kelantan.
107. سی : nenek.
108. Juga di-ketahui sa-bagai Nan Chayam, sa-orang raja perempuan di-Potani yang memerintah dalam kurun 17. (Lihat A. Rentee ms. 48)
109. سُر : chuchu.

110. براسا ; udzor (Klt. Gl.)
111. بندان ; badan.
112. تهوة ; tengok
113. كعنان ; kenampakan
114. مداهاري ; bondahari
115. رمان ; juga di-panggil Raman atau Rahman (A.Rontscé); sa-buah negeri Melayu lama di-sabolah utara Perak dalam wilayah Selatan Siam sekarang.
116. Juga di-konali sa-bagai Long Ga'far. (Rengkasan Chetera Kelantan)
117. Kain basahan mandi.
118. لس ; biaga, ia-itu mengikut penguchapan dialek Kelantan /ia/ di-tongah menjadi /ə/ sahaja.
119. توبنه ; terbit-lah, ia-itu koluar. Solalu di-tulis saperti ini, dari itu di-salin teribit untuk mengelakkkan ejaan asal naskhah ini.
120. Rumah tempat bertedoh di-topi jalan; bentuknya empat persegi, beratap sahaja tidak bordinding.
121. برساله ; sara, di-Kelantan bermâ'na: membangkit perasaan. (W.H.)
122. Chorak kain.
123. Jentora tenun kain.
124. Kayu aleng pada kil.
125. كلاء ; ombala.
126. فقر ; Perkataan ini hampir tidak dapat di-bachah; yang hampir sekali ia-lah pesan (salinan W.H.)
127. مهدافن ; hadapan.
128. دفترغ ; Monurut Wilkinson, kata asal-nya "terong", "terum", atau "dorum", ia-itu mendudukkan gajah kenaikan.
129. Tidak segan, tidak umpanakan.
130. بلاترا ; maksud-nya ia-lah balatentora. Ejaan di-sini merupakan satu kechuanian penulis.
131. Apabila su-belah pehak dalam perlawanan chator tidak dapat menggerakkan buah-nya lagi dan kalah dalam perlawanan itu.

132. Kota yang di-dirikan di-dalam sa-bunuh kota, ia-itu untuk pertahanan terakhir.
133. Chondong hendak rebah. Menurut T. Kh., di-Kelantan di-gunakan pada raja2 sahaja; untuk orang biasa di-pergunakan kata 'rebah'.
134. ساترا ; sementara.
135. كمن ; kasehan.
136. Melihat (Klt. Gl.)
137. طادق ; tinda,tidak ada. Lihat Br. ms. 128.
138. مراطن ; Perkataan Jawa berma'na maronpan.
139. مكريها ; mengkurnia.
140. Canti-nama yang di-gunakan di-Kelantan bagi: awak, engkau, kamu.
141. Perkataan lagg dalam bentuk pelaga di-gunakan untuk berlaga lembu atau ayam di-Kelantan.
142. سمن ; juga nemiyong, daripada perkataan Siam berma'na orang yang pandai dalam hal tulis menulis, ia-itu korani atau jorutulis.
143. Gelanggang tempat ayam berlaga. (Klt. Gl.)
144. سون ; borek, ia-itu rintek2.
145. سمعت ; daripada perkataan Si-Hitam, ia-itu ayam polaga yang berbulu hitam. (N. Abd. R.)
146. سوسن ; juga variasi تسوسن ; kona pada sayap (N. Abd. R.). Mengikut salinan W.H. tersopak; kalau di-tinjau daripada sifat2 penukaran dan tambahan bunyi dalam naskhah ini, ini lebih benar. Lihat Bab II, cheraian I:1(b) dan cheraian III,:2.
147. سوراء ; sorak.
148. سورونك ; sorukan.
149. دراس ; di-sini ma'na-nya: kuat atau bergemuruh.
150. مهادافن ; pengadapan.
151. Perkataan ini di-hapuskan.
152. مهافريني ; menampuni.
153. فجهل ; pachal, hamba.

154. مهنتر ; nenschantar.
155. كشدا ; Perkataan ini mungkin salah di-tulis, dan harus di-bacha : Kelantan.
156. Sokarang Kampong Jeram dalam jajahan Pasir Putch, Kelantan.
157. Sa-bagai perbandingan, menurut Rengkasan Chotera Kelantan, "... di-kampong Cho' Eu ( ﺹ'ؤ ) isteri Cho' Leh ( ﻷج'ؤ ) " (ms. 27).
158. Menurut Rengkasan Chotera Kelantan, putera Long Junos tujuh orang semua-nya: Long Muhammad, Long Tan, Long Jenal (Zainal), Long Isma'il, Long Muda, Long Yusof, dan Long Pandak.
159. Menurut Rengkasan Chotera Kelantan, puteri Long Junos lima orang semua-nya: Cho' Ku Penambang, Cho' Ku Tuan Nawi (Cho' Wan Teh), Cho' Ku Telor, Tengku Tuan Namah, dan Cho' Ku Wo'.
160. Berkhatan.
161. كمالن ; mungkin kehalaatan atau kealatan.
162. مينج ; ala no'yong, permainan wayang yang tidak mempersembahkan cherita, chuna nyanyian2 dan tarian2 untuk hiburan. (T. Kh.)
163. Sa-jenis permainan wayang di-Kelantan yang berasal dari Siam.
164. Sa-jenis tarian di-Kelantan yang di-tarikan oleh anak2 raja yang perempuan dalam istana.
165. Lembaga burong gagak (Gagak Sura nama-nya) yang di-arak dalam perarakkan. (T. Kh.)
166. Balai permandian yang bertingkat2 (Wil.); solalu di-gunakan dalam upachara penabalan raja2 Melayu.
167. Semboran ayer yang berupa kepala naga yang di-gunakan dalam upachara2 permandian di-raja. (Wil.)
168. Nasi Semangrat; sa-jenis nasi yang di-gunakan untuk upachara (T. Kh.)
169. Popannat upachara; solalu-nya di-simpul daun kelapa dan apabila upachara di-tamatkan sisipulan itu di-buka dengan di-tarek hujong daun itu dan daun itu pun di-lepaskan meleayeng ka-tanah.
170. Sa-benar-nya ia-lah Long Nik, Nik itu nama-nya (T. Kh.)
171. Sa-benar-nya anak Raja Legoh.

172. كهفين بالى ; bertetek.
173. برصق ; bertetek.
174. Kemudian-nya bergelar Sultan Mansor Shah, Sultan negori Terengganu, memerintah T.M. 1740-1793.
175. لعکی ; sa-benar-nya Lingga; begitu juga sa-terus-nya dalam teks ini.
176. کرچان ; sa-benar-nya kerajaan.
177. بالی عزم ; balairong.
178. عن ; mungkin silap di-tulis di-sini.
179. Sanggup melakukan atau mengerjakan.
180. مجموع ; menjunjung.
181. بامهون ; bau-nya.
182. بامع ; sa-benar-nya manang. Tambahan /b/ merupakan satu ka'edah ejaan yang tersendiri pada naskhah ini.
183. فتلشن ; pertolongan.
184. مهدا نهاشن ; medan peranginan.
185. Mungkin sekali perkataan ini tertinggal.
186. لعن ; letak.
187. تونگول = bendera; di-sini di-gunakan sa-bagai sifat keadaan, banyak bendera berkilaran2.
188. مندیرا ; bendera.
